UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

# البركة

AL-BARAKAH



USIM

# Laporan Tahunan
2016




# Firman
## Allah

Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

Al-A’raf ayat 96

# Laporan
Tahunan USIM 2016

# USIM Sepintas Lalu

## 68 Program Akademik

Sarjana Muda : 26
Sarjana dan Doktor Falsafah : 37
Tamhidi : 5

## 9 Fakulti

- Pengajian Quran dan Sunnah
- Syariah dan Undang-Undang
- Kepimpinan dan Pengurusan
- Ekonomi dan Muamalat
- Sains dan Teknologi
- Perubatan dan Sains Kesihatan
- Pergigian
- Pengajian Bahasa Utama
- Kejuruteraan dan Alam Bina

## Pelajar 12,129

| | |
|---|---|
| Sarjana Muda | : 9862 (81.31%) |
| PhD | : 669 (49.81%) |
| MA/MSc | : 570 (42.44%) |
| Diploma Lanjutan | : 104 (7.74%) |
| Tamhidi | : 924 (7.62%) |

## Pusat Kecemerlangan 5

- Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwaw Sedunia (INFAD)
- Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI)
- Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM)
- Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asian (ACREDA)
- Institut Sains Islam (ISI)

## Pelajar Antarabangsa 695

| | |
|---|---|
| Sarjana Muda | : 92 |
| PhD | : 483 |
| Sarjana | : 118 |
| Tamhidi | : 2 |

## 70.1% Pelajar Bergraduat Mengikut Masa Ditentukan

## 350 Pelajar Permata Insan

Pelajar Mengikut Program Perkhemahan : 239
Pelajar Kolej : 111

## 3 Kursi Profesor

Kewangan dan Perbankan Islam
Syariah dan Undang-Undang
Pengajian Fatwa

## Alumni 14,783

Sarjana Muda : 13,572
Sarjana dan PhD : 1211

## Staff 1,549

Akademik : 592 (538 Aktif)
- Berstatus PhD : 374 (63.17%)
- Menyampung PhD : 51
- Ahli Akademik Antarabangsa : 48 (8.3%)

Pentadbiran : 957

# Isi Kandungan

## Laporan Tahunan 2016


2 USIM Sepintas Lalu

8 Profil Universiti

18 Aluan Naib Canselor

21 Teras 1
Pengajaran dan Pembelajaran Berteraskan Ilmu Naqli dan Aqli

45 Teras 2
Penyelidikan dan Inovasi yang Relevan Kepada Industri dan Kesejahteraan Ummah

65 Teras 3
Graduan yang Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang Melalui Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli

77 Teras 4
Governan dan Pembangunan Modal Insan yang Boleh Menarik dan Mengekalkan Bakat Terbaik Bersifat Global, Multi Bahasa dan Seimbang

91 Teras 5
Kemudahan Fizikal dan Prasarana yang Kondusif bagi Pembelajaran dan Penyelidikan

101 Teras 6
Kemampanan Kewangan

105 Teras 7
Penjenamaan dan Pemposisian yang Konsisten dan Efektif

121 Petunjuk
Prestasi Kecekapan dan Pencapaian USIM Bagi Tahun 2016

125 Prestasi
Kewangan Tahun 2016

133 Laporan
Ketua Audit Negara

171 Jawatankuasa
Ahli Jawatankuasa Penyediaan Laporan Tahunan USIM 2016

# Tema

## Laporan Tahunan USIM 2016



### Kampus Barakah

Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf, ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَى آمَنُوا وَاتَّقَوْا
لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُمْ بِمَا
كَانُوا يَكْسِبُونَ.

Maksudnya: *Dan sekiranya penduduk sesebuah negeri itu, beriman serta bertakwa, nescaya Kami akan bukakan kepada mereka pintu keberkatan yang melimpah-limpah, dari langit dan bumi. Tetapi mereka telah mendustakan para Rasul, lalu Kami timpakan ke atas mereka pembalasan terhadap apa yang mereka usahakan.*

*Barakah* membawa maksud kebaikan, kesuburan, kebertambahan, kelapangan, kebahagiaan, ketinggian yang berkekalan dan berterusan daripada Allah SWT. *Barakah* akan mengundang kemakmuran, kemajuan, kesejahteraan, keharmonian, kekuatan, keamanan, kemuliaan dan kepemimpinan kepada sesebuah bangsa yang memenuhi ciri keimanan dan ketakwaan kepadanya.

Sebuah bangsa atau komuniti yang *barakah* adalah golongan terbaik diutuskan Allah SWT kepada umat manusia. Kehadiran mereka membawa manfaat kepada seluruh masyarakat, ummah dan manusia sejagat dalam semua aspek atau bidang yang mereka ceburi walau di mana mereka berada. Sebuah wilayah atau kawasan yang *barakah* adalah penempatan terbaik untuk dihuni atau didekati. Kewujudannya turut menarik perhatian seluruh masyarakat, ummah dan manusia sejagat untuk mendapat manfaat dan faedah dalam semua aspek atau bidang perkhidmatan serta kemudahan yang disedia atau ditawarkan.

Sebagai sebuah universiti yang ditubuhkan bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang Pengajian Islam dan bidang pengajian lain yang perlu, serta mengadakan penyelidikan, pemajuan dan penyebaran pengetahuan dalam bidang berkenaan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bergerak melaksanakan visi, misi dan objektif penubuhannya menerusi falsafah 'Paduan di antara ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu'. Keimanan dan ketakwaan menjadi teras pegangan dan amalan seluruh warganya, manakala khidmat bakti kepada warga masyarakat dan umat sejagat adalah sasaran matlamat organisasinya.

Warga USIM, sama ada kakitangan mahupun pelajar sentiasa dididik agar membina nilai kendiri yang mengundang barakah dari pintu langit dan bumi seperti yang dijanjikan oleh Allah SWT dalam ayat di atas, menerusi moto 'Berilmu, Berdisiplin dan Bertaqwa'. Seluruh warganya juga secara berterusan dilatih agar selalu berkhidmat dan berbakti dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas kepada sesama warga, komuniti sekitar, masyarakat umum, Umat Islam dan manusia sejagat. Hal ini sangat selari dengan konsep kampus barakah yang membentuk personaliti setiap warganya agar menjadi insan terbaik dalam kalangan yang terbaik, di mana impak kebaikan mereka turut dirasai oleh orang lain. Firman Allah SWT



*Dan sekiranya penduduk sesebuah negeri itu, beriman serta bertakwa, nescaya Kami akan bukakan kepada mereka pintu keberkatan yang melimpah-limpah, dari langit dan bumi. Tetapi mereka telah mendustakan para Rasul, lalu Kami timpakan ke atas mereka pembalasan terhadap apa yang mereka usahakan.*

Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf, ayat 96

dalam surah Al Imran, ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ.

Maksudnya: *Sesungguhnya kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia, lantaran kamu menyuruh berbuat segala kebaikan dan kamu melarang daripada segala kejahatan, serta kamu pula beriman kepada Allah. Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman dengan erti katanya yang sebenar, nescaya itu lebih baik bagi mereka. Akan tetapi di antara mereka ada yang beriman, namun kebanyakan mereka adalah orang yang fasik.*

Selaku generasi yang tercerna dalam persekitaran kampus barakah, Sunnah Rasulullah SAW dan tradisi para salaf adalah model terbaik yang menjadi inspirasi kepada setiap warganya dalam menyebarkan kebaikan dan kebajikan, serta meringankan impak kebejatan atau kecelakaan di berbagai peringkat, tempat dan situasi. Antara sabda baginda SAW yang menjadi sumber inspirasi untuk terus berbakti ialah:

الْمُؤْمِنُ يَأْلَفُ وَيُؤْلَفُ، وَلَا خَيْرَ فِيمَنْ لَا يَأْلَفُ، وَلَا يُؤْلَفُ، وَخَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ.

Maksudnya: *Seorang mukmin itu adalah orang yang mesra dan mudah dimesrai. Dan tiada kebaikan pada orang yang tidak mesra dan tidak boleh dimesrai. Dan sesungguhnya sebaik-baik manusia adalah orang yang paling banyak membawa manfaat kepada manusia. (Hadis riwayat al-Tabaraniy dalam al-Mu'jam al-Awsat).*

Kerja bakti yang menjadi tradisi teras dalam kehidupan para salaf adalah antara rahsia di sebalik kegemilangan tamadun Islam dan sirah di sebalik kesejahteraan manusia sejagat di era berkenaan yang sehingga kini tiada tolok bandingnya. Antara kisah masyhur yang terakam rapi dalam skrip warisan Islam ialah sebuah kisah bagaimana Khalifah Umar bin al-Khattab r.a pada setiap malam akan keluar dari terataknya untuk menziarahi rumah orang miskin, sakit dan susah di Madinah bagi membantu memenuhi keperluan serta menyelesaikan masalah mereka. Tradisi yang sama dapat dilihat pada tokoh-tokoh Islam silam seperti yang diungkapkan oleh al-Hasan al-Basri r.a.: "Sesungguhnya aku lebih suka jika dapat melunaskan suatu hajat bagi seorang saudaraku daripada aku duduk beriktikaf di masjid selama dua bulan".

Laporan ini akan memaparkan kepada pembaca sebahagian dari *output* kampus barakah dalam aktiviti teras USIM di berbagai peringkat bagi tahun 2016. Dari aktiviti kemahasiswaan hinggalah ke sumbangan pengurusan tertinggi universiti. Mudah-mudahan ia menjadi garis asas kepada seluruh warganya dalam menentukan sasaran pencapaian yang lebih gemilang bagi tahun 2017.

*Disediakan oleh:*
*Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff*
*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.*

# Canselor

## Universiti Sains Islam Malaysia



Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus
Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud

*DK (NS), DPTJ*

# Pro Canselor

## Universiti Sains Islam Malaysia



Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti
Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz
*DKYR, SSTM*

# Lembaga
## Pengarah Universiti
















1 **YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak**
DPMS (Selangor), DMPN (PPinang), DPMP (Perlis), PSM, BPharm (Hons) (USM), MSc (Phamacology) (Strathclyde), Hon DSc (Portsmouth), Hon DSc (Nottingham), Hon DSc (Mykolas Romeris), Hon EdSc (Istanbul Commerce)

Pengerusi
Lembaga Pengarah
Universiti Sains Islam Malaysia

2 **YBhg. Prof. Dato' Dr. Musa bin Ahmad**
JMN, DBNS
BSc Hons (UKM), MSc (Manchester), PhD (Manchester), AMIC

Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia

3 **YBhg. Prof. Dr. Raha binti Abdul Rahim**
BSc (Oklahoma State), MSc (Oklahoma State), PhD (Strathclyde)

Pengarah
Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT
Kementerian Pendidikan Tinggi

4 **YBhg. Encik Hanafi bin Sakri**
B.Econs (Hons.)(UM), MSc(Econs)(Okayama Universiti, Jepun)

Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan Malaysia

5 **YB Dato' Seri Hj. Mat Ali bin Hassan**
SSNS, DPNS, DPTJ, AMT, PAT, JMN,
DPA (UM), DPA (INTAN), BA (Hons) (UM), MA (HRD) (USA)

Setiausaha
Kerajaan Negeri Sembilan

6 **YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Mohd Nasri bin Nik Ismail**
DSNS
MBChB (Alexandria), MRCOG, FICS, FRCOG (London)

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Universiti Sains Islam Malaysia

7 **YBhg. Dato' Idris bin Kechot**
KMN, DIMP
BSc Hons (UPM), MBA (Finance)(UK), CFP

Timbalan Presiden & Ketua Pegawai
Operasi Kumpulan
Permodalan Nasional Berhad

8 **YBhg. Ir. Dr. Muhamad Fuad bin Abdullah**
BSc(Hons)(Soton), BA(Jayyid)(Jordan), MPhil.(Soton), PhD (Aberdeen)



















9 **YBhg. Datuk Mohamed Azahari Mohamed bin Kamil**
DMSM, PKT,
DiB (UiTM), BBA (Western Michigan), MA (Central Michigan),
Chartered Banker (AICB), CPIF, Adjunct Prof (UMK)

Presiden
SEGI University, Kota Damansara

10 **YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh**
DPMP, JSM, PPT,
BA (Hons.) MA (Monash), PhD (Manchester)

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

11 **YBhg. Encik Mohd Sharizal bin Kadir**
BA (Hons)Shariah & Judiciary (KUIM), DPA (INTAN)

Setiausaha Sulit
Timbalan Perdana Menteri
Pejabat Timbalan Perdana Menteri

# Jawatankuasa
## Pengurusan Universiti
















1 YBhg. Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad
Naib Canselor

2 YBhg. Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

3 YBhg.Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

4 YBhg. Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
Sehingga 14 Oktober 2016

5 YBhg. En. Muhammad Haizuan Rozali
Pendaftar

6 YBhg. Dato' Haji Mohd Abd Rasid Mohd Fadzil
Bendahari

7 YBhg. En. Jasmin Jaimon
Ketua Pustakawan

8 YBhg. Pn. Yuhani Jamiran
Penasihat Undang-undang

9 YBhg. Ir. Daim Saian
Pengarah Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti

10 YBhg. Prof. Madya Dr. Awangku Abdul Rahman Hj. Awangku Yussuf
Pengarah Pusat Inovasi,
Jaringan Industri dan Masyarakat

11 YBhg. Prof. Dr. Roshada Hashim
Pengarah USIM 'Alamiyyah
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
Bermula pada 1 Disember 2016

12 YBhg. Dr. Mohd Faizal Kasmani
Pengarah Pusat Komunikasi Strategik

13 YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Sapora Sipon
Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan

14 YBhg. Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman
Pengarah Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti

15 YBhg. Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus
Pengarah GOAL-ITQAN


5


7


8


9


10


11


12


13


14


15

# Senat
## Universiti

### Pengerusi

Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad
Naib Canselor

### Ahli

Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani
Timbalan Naib Canselor
(Akademik Dan Antarabangsa)

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dr. Roshada Hashim
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan Dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin
Dekan
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff
Dekan
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Dr. Syahirah Abdul Shukor
Dekan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
(Bermula 18 September 2014-31 Julai 2016)

Prof. Madya Dr. Zulkifli Hasan
Dekan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
(Bermula 1 Ogos 2016)

Prof. Madya Dr. Amir Shaharuddin
Dekan
Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Prof. Dr. Norita Md Norwawi
Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi
(Bermula 1 Ogos 2015-30 September 2016)

Prof. Madya Dr. Azwani Sofia Ahmad Khiar
Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi
(Bermula 1 Disember 2016)

Prof. Madya Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris
Dekan
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Madya Dr. Noor Azizi Ismail
Dekan
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Dr. Haslinda Ramli
Dekan
Fakulti Pergigian

Prof. Dr. Kamaruzzaman Seman
Dekan
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Prof. Madya Ir. Dr. Janatul Islah Mohammad
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah

Dr. Mohamed Akhiruddin Ibrahim
Pengarah
Pusat Tamhidi

Dr. Adibah Sulaiman@Mohamad
Pengarah
Pusat Pengajian Teras

Dr. Abdul Manan Ismail
Pengarah
Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah

Prof. Dr. Norita Md Norwawi
Pengarah
Institut Sains Islam

Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri
Pengarah
Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia

Dr. Mohd. Sukri Hassan
Pengarah
Institut Penyelidikan Dan Pengurusan Halal

Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali
Pengarah
Institut Pengurusan Harta Dan Kewangan Islam

Dr. Mohamad Isa Amat
Pengarah
Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia

Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail
Profesor
Perubatan Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan

Prof. Dato' Dr. Mohammad Hj. Alias
Profesor
Fakulti Ekonomi Dan Muamalat

Prof. Dr. Abdul Samat Musa
Profesor
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

Prof. Dr. Karsono Ahmad Dasuki
Profesor
Fakulti Sains Dan Teknologi

Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam
Profesor
Fakulti Sains Dan Teknologi

Prof. Ir Dr. Ahmad Faizal Mohd Zain
Profesor
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Prof. Dato' Dr. Mahmud Mohd Nor
Profesor
Perubatan Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan

Prof. Dr. Wan Omar Abdullah
Profesor
Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan

Ir Daim Saian
Pengarah
Pembangunan, Jabatan Pembangunan Dan Pengurusan Fasiliti

Prof. Dr. Roshada Hashim
Pengarah
USIM A'lamiyyah

Prof. Dr. Zainal Abidin Mohamed
Profesor
Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus
Pengarah
Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global, Teknologi Imersif dan Jaminan Kualiti

Prof. Madya Dr. Awangku Abdul Rahman Hj. Awangku Yussuf
Pengarah
Pusat Inovasi, Jaringan Industri Dan Masyarakat

En. Muhammad Haizuan Rozali
Pendaftar

Dato' Haji Mohd Abd Rasid Mohd Fadzil
Bendahari

En. Jasmin Jaimon
Ketua Pustakawan

Pn. Yuhani Jamiran
Penasihat Undang-Undang

### Setiausaha

En. Hammad Farhi Mohd Saudi
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik

# Dekan-Dekan
## Universiti

Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin
Dekan
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff
Dekan
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Dr. Syahirah Abdul Shukor
Dekan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
(Bermula 18 September 2014-31 Julai 2016)

Prof. Madya Dr. Zulkifli Hasan
Dekan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
(Bermula 1 Ogos 2016)

Prof. Madya Dr. Amir Shaharuddin
Dekan
Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Prof. Dr. Norita Md Norwawi
Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi
(Bermula 1 Ogos 2015-30 September 2016)

Prof. Madya Dr. Azwani Sofia Ahmad Khiar
Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi
(Bermula 1 Disember 2016)

Prof. Madya Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris
Dekan
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Madya Dr. Noor Azizi Ismail
Dekan
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Dr. Haslinda Ramli
Dekan
Fakulti Pergigian

Prof. Dr. Kamaruzzaman Seman
Dekan
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Prof. Madya Ir. Dr. Janatul Islah Mohammad
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah

# Pengarah

## Institut/Pusat Ketua Bahagian

Dr. Mohamed Akhiruddin Ibrahim
Pusat Tamhidi

Dr. Adibah Sulaiman@Mohamad
Pusat Pengajian Teras

Dr. Abdul Manan Ismail
Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah

Dr. Ummi Salwa Ahmad Bustamam
Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa

Prof. Madya Datin Dr. Sapora Sipon
Pusat Pengurusan Penyelidikan

Profesor Madya Dr. Awangku Abdul Rahman Haji Awangku Yussuf
Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat

Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri
Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia

Dr. Mohd Sukri Hassan
Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal

Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali
Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam

Dr. Mohamad Isa Amat
Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia

Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh
Kolej PERMATA Insan

Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman
Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti

Dr. Mohd Faizal Kasmani
Pusat Komunikasi Strategik

Prof. Dr. Roshada Hashim
USIM 'Alamiyyah

Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam
Institut Sains Islam

Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail
Pejabat Penyelarasan Pembinaan Kompleks Kesihatan USIM

Prof. Madya Dr. Wan Abdul Fattah Wan Ismail
Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf

Prof. Dr. Muhammad Tauffik Mohd Noor
Pusat Pakar Kesihatan USIM
(dilantik secara pinjaman kepada TIJARAH)

Dr. Khairul Anuar Mohamad
Pusat Islam

Dr. Mahyudin Hashim
Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli

Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus
Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global, Teknologi Imersif dan Jaminan Kualiti

Prof. Ir Dr. Ahmad Faizal Mohd Zain
Pusat Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran

En. Hammad Farhi Mohd Saudi
Bahagian Pengurusan Akademik

En. Hezan Shah Zainuddin
Bahagian Audit Dalam

Puan Hariza Mohd Yusof
Bahagian Penerbitan

Kapt (B) Abdul Wahab Mat Zin
Jabatan Keselamatan

En. Ismail Ahmed
Pusat Kebudayaan

Dr. Nik Mohd Shafikudin Md. Taujuddin
Pusat Kesihatan Universiti

En. Ahmad Kamal Mustafa
Pusat Perumahan pelajar

# Falsafah
## Universiti

**Moto**
Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

**Falsafah**
Paduan di antara ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

**Visi**
Mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli untuk mentransformasi dan menghasilkan nilai kepada negara, ummah dan manusia sejagat.

**Misi**
Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu terkehadapan yang berteraskan pengajian Islam dan menjadi peneraju ilmu baharu yang menggunakan teknologi terkini bagi menghasilkan inovasi yang mampu mentransformasikan negara, ummah dan manusia sejagat.

**Objektif**
- Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
- Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.
- Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi menerajui pembangunan negara.
- Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.
- Membekalkan sumber manusia yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

**Tema**
Menerajui Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli

# Carta
## Organisasi




**PETUNJUK :**
Merujuk kepada penglibatan semua **TNC dengan Fakulti**


CANSELOR
PRO CANSELOR
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
- JAWATANKUASA AUDIT
- JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN
- JAWATANKUASA PENYELARASAN PEMBANGUNAN
- JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO
-JAWATANKUASA PELABURAN
NAIB CANSELOR
JABATAN CANSELORI
HAL EHWAL PENTADBIRAN
HAL EHWAL KEWANGAN
HAL EHWAL PENGURUSAN ILMU
HAL EHWAL PEMBANGUNAN & PENGURUSAN FASILITI
PENDAFTAR
BENDAHARI
KETUA PUSTAKAWAN
PENGARAH PEMBANGUNAN
JABATAN KESELAMATAN
JABATAN PENDAFTAR
JABATAN BENDAHARI
JABATAN PERPUSTAKAAN
JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN KUALITI
BAHAGIAN GOVERNAN & PENTADBIRAN AM
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO & INTEGRITI
BAHAGIAN PELAPORAN KEWANGAN
BAHAGIAN OPERASI KEWANGAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIT KAMPUS CAWANGAN
BAHAGIAN PENGURUSAN KONTRAK, ARKITEK & LANDSKAP
BAHAGIAN KEJURUTERAAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
PEJABAT PENGERUSI LPU
PEJABAT NAIB CANSELOR
PEJABAT TNC A&A
PEJABAT TNC HEPA
PEJABAT TNC P&I
CANSELORI
BAHAGIAN AUDIT DALAM
PUSAT KOMUNIKASI STRATEGIK
PEJABAT PENYELARASAN PEMBINAAN KOMPLEKS KESIHATAN USIM
JABATAN UNDANG-UNDANG
PUSAT PAKAR KESIHATAN USIM
PUSAT PERANCANGAN KORPORAT & PENGURUSAN KUALITI
PUSAT PENGEMBANGAN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI
BAHAGIAN PENGURUSAN
BAHAGIAN TEKNIKAL
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PERPUSTAKAAN KAMPUS CAWANGAN

# Aluan
## Naib Canselor



**Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad**
Naib Canselor USIM

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana tahun 2016 telah melakar banyak kenangan manis bagi membangunkan kampus Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli ini. Kejayaan dan kecemerlangan sesebuah organisasi tidak akan berjaya tanpa perancangan yang mantap. Justeru, USIM telah menggubal Pelan Strategik 2016-2025 bagi merealisasikan hasrat USIM untuk menjadi Pusat Rujukan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di peringkat serantau dan di peringkat global menjelang tahun 2025. Dalam usaha menjadikan USIM dirujuk, sebanyak 7 teras, 19 strategi dan 44 pelan tindakan meliputi aspek penyelidikan, akademik, pembangunan pelajar, pemerkasaan bakat, penjenamaan (branding), prasarana dan penjanaan kewangan telah dirangka untuk meningkatkan keberkesanan dan pembangunan USIM.

Justeru, suka untuk saya menyorot beberapa pencapaian berimpak pada tahun 2016 sebagai rujukan bersama antaranya:

## Institusi

Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) melalui model rumah pintar yang mesra tenaga yang dinamakan “rumah mizan” telah mengharumkan nama USIM dan Malaysia apabila USIM merupakan wakil tunggal Malaysia yang terpilih di peringkat akhir Solar Decathlon Middle East (SDME) 2018 bertempat di Dubai. USIM merupakan antara 20 universiti dari seluruh dunia yang telah diumumkan keputusannya secara rasmi oleh penganjur iaitu Dubai Electricity and Water Authority (DEWA) di Dubai Convention and Exhibition Centre. Hadiah utama bagi pemenang SDME 2018 adalah merupakan AED 10 Juta.

> “Dalam usaha menjadikan USIM dirujuk, sebanyak 7 teras, 19 strategi dan 44 pelan tindakan meliputi aspek penyelidikan, akademik, pembangunan pelajar, pemerkasaan bakat, penjenamaan (branding), prasarana dan penjanaan kewangan telah dirangka untuk meningkatkan keberkesanan dan pembangunan USIM.”

## Kakitangan

Dr. Waidah Ismail, pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi (FST) telah berjaya buat pertama kalinya mendapatkan geran penyelidikan Ungku Omar dengan nilai RM1.2 juta di bawah “Research And Innovation Bridges Programme-Newton Ungku Omar Fund” kelolaan pihak Malaysia Industry-Government Group For High Technology (MIGHT).

## Pelajar

Saudara Irfan Mohd Fairus, pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) mewakili negara dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2016. Beliau telah memperoleh Naib Johan bagi Kategori Alam Melayu.

## Penyelidikan

Pada peringkat antarabangsa pula, USIM telah menghantar dua produk inovasi iaitu Mobile Intravenous Drip (MIV) dan JVP Ruler ke British Invention Show 2016 yang berlangsung di Barbican Exhibition Center di London. Melalui dua produk ini USIM telah berjaya memperoleh satu Anugerah Khas Platinum, dua pingat Emas dan dua pingat Perak.

## Hubungan Strategik

USIM mempunyai hubungan yang rapat dengan negara Turki melalui program Mevlana yang melibatkan kerjasama dalam aspek pertukaran staf dan pelajar yang melibatkan empat buah universiti iaitu Suleyman Demiral University, Sakarya University, Ataturk University dan Gaziantep University. USIM dengan kerjasama International University of the Renewal (IUR) akan menawarkan program Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan kepujian, Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian dan Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat) yang akan bermula pada sesi akademik 2017/2018.

Manakala, dengan Negara China pula, Northwest University of Nationalities (NWUN) merupakan peluang USIM untuk berkolaborasi dalam penyelidikan dan latihan dalam halal dan sekaligus bakal mengangkat IHRAM untuk menjadi juara dalam pelaksanaan agenda halal di peringkat global. Northwest University of Nationalities (NWUN) adalah wakil bagi Kerajaan China dalam agenda halal dan mempunyai prasarana penyelidikan dalam Halal Science yang canggih. Pihak Northwest University of Nationalities (NWUN) sangat positif dengan idea untuk mengadakan kerjasma Halal-Lab antara USIM-NWUN pada masa akan datang.

Justeru, menjadi harapan saya agar segala kecemerlangan yang diperoleh pada tahun 2016 menjadi batu loncatan agar USIM terus melakar kecemerlangan pada tahun yang mendatang bagi merealisasikan hasrat USIM untuk menjadi Pusat Rujukan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di peringkat serantau dan peringkat global. Amin!!

Berilmu • Berdisiplin • Bertakwa


PERMATA INSAN


USIM





# Teras 1

Universiti Sains Islam Malaysia

## Pengajaran dan Pembelajaran Berteraskan Ilmu Naqli dan Aqli



# Pendahuluan

Penawaran program serta kurikulum USIM yang unik berintegrasikan Ilmu Naqli dan Aqli (iNAQ) dirangka dengan mengambil kira keperluan industri, bidang tujahan Universiti dan penerapan nilai-nilai murni, bagi melahirkan graduan yang mampu menjana ilmu baharu berteraskan iNAQ dan memahami keperluan ilmu merentasi bidang disiplin (*inter-disciplinary and trans-disciplinary*). Kemudahan prasarana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif yang disokong dengan kerjasama yang baik antara pelajar dan staf akan merealisasikan hasrat untuk menjadikan USIM sebagai Kampus Barakah.

## USIM menawarkan program pengajian yang unik dengan menggabungkan elemen Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli bagi melahirkan graduan yang seimbang

YBhg. Prof. Dato' Dr. Zulkiple Abd Ghani
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)



# Pembangunan Program Akademik

## Penawaran Program Akademik Baharu

Penawaran program Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu dengan Kepujian adalah selari dengan agenda dan dasar negara untuk memenuhi keperluan pembangunan industri kreatif bagi mengembangkan lagi bidang komunikasi dalam arus media baharu masa kini. Program ini akan memberi nilai tambah kepada pelajar untuk mendalami cabang baharu dalam bidang komunikasi yang menerapkan elemen Islamik serta mengoptimumkan penggunaan media baharu bagi tujuan dakwah. Program ini mula ditawarkan pada Sesi Akademik 2016/2017 dengan jumlah pelajar yang mendaftar adalah seramai 37 orang. Walaupun baru ditawarkan, namun program tersebut telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dengan memperolehi sebanyak 485 permohonan menerusi sistem UPU, berbanding sebanyak 37 tempat yang ditawarkan, yang menjadikan nisbah permohonan kepada unjuran adalah sebanyak 1:13.

## Permohonan Penawaran Program Akademik Baharu

Permohonan penawaran program akademik baharu telah diperakukan oleh Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) melalui Mesyuarat Saringan Awal (MSA) yang melibatkan program Sarjana Muda Syariah (Industri Halal) dengan Kepujian dan Sarjana Muda Pengajian Qiraat dengan Kepujian. Penawaran program ini adalah selaras dengan bidang tujahan USIM yang berteraskan Pengajian Islam yang berkonsepkan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli.

# Perkembangan Akademik

## Penawaran Program Dwiljazah

Program dwiijazah (*double degree*) merupakan program yang ditawarkan secara serentak (*concurrent*) kepada pelajar yang menunjukkan prestasi yang cemerlang dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Menerusi program dwiijazah ini pelajar akan memperolehi dua ijazah sepanjang pengajian mereka di USIM. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan pelajar yang lebih berdaya saing, berkebolehan, dan mempunyai tahap kebolehpasaran yang tinggi apabila memasuki alam pekerjaan dengan penguasaan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang. Sebanyak tiga program dwiijazah ditawarkan kepada pelajar baharu bagi kemasukan Semester I, Sesi Akademik 2016/2017 seperti Rajah 1.1.

Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian
Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian

Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan)
Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian

Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)
Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian

Rajah 1.1: Program dwiijazah yang ditawarkan oleh USIM


BIL 344 KHAMIS, 1 September 2016 — VARSITI BERITA — V9

edisikhas

Prof Zulkiple (tengah) meraikan kedatangan pelajar baharu ke USIM.

# USIM perkenal program dwiijazah

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
tuty@bh.com.my

» Bandar Baru Nilai

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memperkenalkan program dwiijazah kepada pelajar baharu sesi 2016/2017 yang membolehkan mereka memperoleh dua ijazah dalam tempoh pengajian selama lima tahun.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof Dr Zulkiple Abd Ghani, berkata menerusi program itu, pelajar terbabit berpeluang mendapat ijazah pertama selepas dua tahun pengajian, manakala ijazah kedua pula tiga tahun seterusnya.

Ketika ini, beliau berkata, tiga program dwiijazah ialah Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Sarjana Muda Quran dan Sunnah; Ijazah Sarjana Muda Sains (Bioteknologi Makanan) dengan Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa; serta Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Sarjana Muda Quran dan Sunnah.

"Program dwiijazah dilihat sebagai keperluan kini kerana memberi peluang mahasiswa memperoleh ilmu agama dan pada masa sama menguasai bidang profesional," katanya

Prof Dr Zulkiple Abd Ghani

selepas meninjau proses pendaftaran pelajar baharu peringkat ijazah sarjana muda sesi 2016/2017 di Dewan Canselori USIM di sini.

**Amat teruja**

Bagaimanapun, Prof Zulkiple berkata, peluang itu hanya terbuka kepada mereka yang berminat dan memiliki kelayakan akademik cemerlang selepas tahun kedua.

Beliau berkata, pihaknya juga berhasrat menambah jumlah program dwiijazah pada masa depan kerana yakin akan mendapat sambutan.

Bagi sesi ini, katanya, seramai 2,067 pelajar mendaftar di USIM membabitkan 577 lelaki dan 1,490 perempuan, termasuk sembilan penuntut antarabangsa dari Thailand, Singapura, Brunei, Indonesia dan Nigeria.

Sementara itu, Muhammad Hadri Idris, 19, dari Ampang mengaku amat teruja berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang perakaunan di USIM.

Anak ketiga daripada empat adik-beradik itu berkata, beliau sebelum ini mengikuti program Tamhidi USIM sesi 2015/2016 selama setahun.

**Banggakan keluarga**

"Saya akan belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita menjadi akauntan. Saya berhasrat menyambung pengajian di luar negara dalam bidang sama selepas menamatkan pengajian di USIM," katanya.

Ainun Najihah Abu Sarin, 19, dari Muadzam Shah, Pahang, pula bersyukur kerana dapat mengikuti pengajian ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat di USIM dan berazam membanggakan keluarga.

"Ketika mahu membuat permohonan menyambung pengajian, arwah bapa meminta saya membuat keputusan terbaik demi masa depan.

"Saya masih mengingati kata-kata arwah dan berjanji akan belajar bersungguh-sungguh serta tidak menghampakan harapan keluarga," katanya.

Antara mahasiswa baharu yang mendaftar di USIM.

Mahasiswa baharu mengemas barangan masing-masing di kolej kediaman.

Fakta nombor

Ambilan peringkat ijazah sarjana muda di USIM bagi sesi 2016/2017

2,067 PELAJAR mendaftar
9 FAKULTI terbabit
26 PROGRAM ditawarkan
3 PROGRAM dwiijazah

Keratan akhbar berkaitan penawaran program dwiijazah USIM

## Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA)

Sistem iCGPA adalah mekanisme bersepadu pentaksiran, pelaporan pencapaian dan pembangunan pelajar yang mengambil kira peningkatan adab, keilmuan dan keupayaan mereka. Ia merupakan sistem pentaksiran bersepadu yang bertujuan untuk membantu pelbagai pihak berkepentingan membuat keputusan atau merancang langkah penambahbaikan. Mekanisme ini bertujuan untuk memacu pembangunan dan penjajaran dalam reka bentuk, penyampaian dan pentaksiran kurikulum di peringkat program dan peringkat kursus agar memfokuskan pengalaman pembelajaran pelajar ke arah pembangunan insan yang holistik dan seimbang. Bagi menyokong hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam melaksanakan iCGPA tersebut, USIM telah memulakan projek rintis iCGPA bagi program Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan) mulai Semester I, Sesi Akademik 2016/2017. Sistem iCGPA tersebut akan diperluaskan pelaksanaanya kepada semua program pengajian sarjana muda yang ditawarkan di USIM. Kerangka Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualification Framework* (MQF) mempunyai lapan *domain* untuk dinilai bagi setiap pelajar yang terlibat dengan penilaian iCGPA. Contoh transkrip graf radar pencapaian iCGPA hasil pembelajaran pelajar yang dibangunkan oleh USIM ialah sebagaimana dalam Rajah 1.2.

| | |
|---|---|
| MQF1 | Pengetahuan |
| MQF2 | Kemahiran Praktikal |
| MQF3 | Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial |
| MQF4 | Nilai, Sikap dan Profesionalisma |
| MQF5 | Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berkumpulan |
| MQF6 | Kemahiran Menyelesaikan Masalah dan Kemahiran Saintifik |
| MQF7 | Kemahiran Mengurus Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat |
| MQF8 | Kemahiran Pengurusan dan Keusahawanan |




Rajah 1.2: Contoh graf radar pencapaian iCGPA hasil pembelajaran pelajar






Bengkel Pengenalan OBE dan iCGPA USIM

## Pembangunan iPPS (Integrated Postgraduate Portal and System)

Sebagai usaha untuk membuat penambahbaikan kepada sistem maklumat Universiti, Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dengan menggunakan kepakaran staf USIM dalam bidang Keselamatan dan Jaminan Kualiti, satu Sistem Bersepadu Siswazah atau *Integrated Postgraduate Portal and System* (iPPS) telah dibangunkan untuk menguruskan data maklumat pelajar pasca-siswazah. Pembangunan sistem ini adalah di bawah projek penyelidikan dan sistem ini merupakan sistem yang mempunyai integrasi dengan sistem-sistem lain di USIM. Komponen modul sistem ini adalah seperti Rajah 1.3. Sistem tersebut boleh diakses di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa kerana sistem ini dibangunkan secara *web-based*. Contoh paparan bagi sistem iPPS adalah seperti dalam Rajah 1.4.




Rajah 1.3: Komponen modul dalam Sistem iPPS




Rajah 1.4: Paparan sistem iPPS

# CEO@Faculty Programme



YDH Tan Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara dilantik sebagai Profesor Adjung Kebangsaan CFP di USIM

## Ketua Polis Negara

USIM melalui pusat kecemerlangannya, Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) telah menganjurkan syarahan umum sempena *CEO Faculty Programme* (CFP) yang bertajuk "Menerajui Advokasi ke Arah Keselamatan Negara yang Lestari dalam Era Teknologi Dunia Tanpa Sempadan". Syarahan disampaikan oleh Ketua Polis Negara, YDH Tan Sri Khalid Abu Bakar yang dilantik sebagai Profesor Adjung Kebangsaan CFP di USIM selama setahun, bermula pada 7 September 2016. Isu-isu keganasan dan penyalahgunaan dadah merupakan antara perkara utama yang dibincangkan. Misalnya, kemunculan kumpulan radikal yang berasaskan agama dan bangsa seperti Daesh, Jemaah Islamiah (JI) dan Al-Ma'unah telah memberi kesan mendalam kepada keselamatan negara. Universiti memainkan peranan besar dalam membentuk minda, emosi dan tingkah laku mahasiswa supaya tidak terjebak dalam keganasan dan jenayah. Kerjasama PDRM dan USIM akan menjadi satu mercu tanda dan rujukan universiti lain dalam bidang penguatkuasaan undang-undang terutama berkaitan dengan ancaman keganasan.




YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB dilantik sebagai Profesor Adjung Kebangsaan CFP di USIM

## Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB

Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat (PIJIM) dengan kerjasama Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), telah menganjurkan syarahan umum bertajuk *The Evolution of Investment Banking and Sukuk* yang disampaikan oleh YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB yang juga *CEO Faculty Programme* (CFP) USIM pada 8 Mac 2016 bertempat di Dewan Tuanku Canselor. Syarahan ini dapat memberi peluang kepada pelajar dan juga pensyarah bagi memahami kehendak industri untuk menjadi sebahagian sumber penting di industri. Ia juga sebagai salah satu platform untuk melihat bagaimana industri dapat membantu pelajar dalam usaha mengembangkan pengetahuan dan pengalaman pelajar. Melalui kerjasama dengan CIMB Group ini, ia juga akan menjadi platform kepada pelajar untuk menjalani latihan industri di institusi/syarikat yang bersesuaian.



Naib Canselor bergambar bersama wakil USIM dalam IUCEL 2016

# Pendidikan Fleksibel

## International University Carnival on e-Learning (IUCEL)

USIM telah menyertai Karnival e-Pembelajaran Universiti peringkat Antarabangsa atau *International University Carnival on e-Learning* (IUCEL) yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bertempat di Dewan Sultan Iskandar, UTM, Johor. USIM menghantar 16 penyertaan dengan 13 penyertaan dalam kategori *Invention, Innovation & Design on e-Learning* (IIDEL), manakala tiga penyertaan bagi kategori Anugerah Institusi Pendidikan Tinggi. Lapan daripada 13 penyertaan telah menerima anugerah iaitu dua emas, tiga perak dan dua gangsa serta satu anugerah khas. Sistem GOALS dinobatkan sebagai Sistem e-Pembelajaran Terbaik (diubah suai)/*Best Learning Management System (Customized) Award* di IUCEL 2016. Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf potensi merevolusikan kaedah pembelajaran yang direka, dihantar, disokong atau dipertingkatkan menggunakan Sistem Pengurusan Pembelajaran Terbuka seperti *Moodle, CourseSites, Blackboard, Sakai, Latitude Learning* atau *Schoology*.

## Innovation and Invention in Education Competition (2IEC'16)

USIM telah menyertai Karnival e-Pembelajaran Universiti peringkat Antarabangsa iaitu *Innovation & Invention in Education Competition* (2IEC'16) yang dianjurkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 19 Mei 2016. 2IEC'16 merupakan pertandingan untuk mempamerkan penghasilan projek dan produk inovasi dalam bidang pendidikan yang berkualiti. Pertandingan ini dianjurkan selaras dengan visi dan misi untuk melahirkan lebih ramai generasi yang berinovasi dan kreatif. Dalam pertandingan tersebut, USIM telah memenangi satu pingat emas. Melalui pertandingan inovasi ini, ia akan menjadi platform terbaik untuk mengetengahkan idea-idea baharu dalam bidang pendidikan untuk dimajukan.



## Kerjasama USIM dengan Syarikat Open Learning Global

Memorandum perjanjian (MoA) USIM bersama penyedia platform *Massive Online Open Courseware* (MOOC) Kebangsaan iaitu syarikat Open Learning Global yang berpangkalan di Australia telah dimeterai pada 21 September 2016. Melalui perjanjian ini, USIM dijangka akan dapat menjadi penyedia kursus-kursus pendidikan bertaraf antarabangsa dengan bersandarkan kepada integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Pihak USIM diwakili oleh Naib Canselor, YBhg. Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad manakala Open Learning Global diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mr. Adam Brimo dengan disaksikan YB Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Johor. Perjanjian ini adalah untuk tempoh lima tahun iaitu Open Learning Global (M) Sdn. Bhd. bertindak sebagai penyedia platform bagi kursus-kursus USIM MOOC yang boleh dicapai pada bila-bila masa dan di mana-mana. Manakala USIM akan menyediakan kursus-kursus untuk ditawarkan kepada pelajar di seluruh dunia dengan hak cipta kandungan dan hak cipta data kekal milik USIM.

## Projek Pembangunan e-KAFA JAKIM

GOAL-ITQAN USIM telah dipilih oleh JAKIM sebagai pembangun bahan pengajaran dan pembelajaran Kelas al-Quran dan Fardu Ain atas talian (e-KAFA). Kerjasama ini juga amat bertepatan dengan fungsi kedua-dua jabatan sebagai pencetus inovatif bagi membolehkan pencambahan ilmu berguna secara lebih meluas. Fokus USIM dan JAKIM juga dilihat selaras iaitu untuk membangunkan umat Islam di seluruh negara agar terus memiliki ilmu pengetahuan bermula di peringkat pengajian asas sehingga ke peringkat tertinggi. Pihak GOAL-ITQAN USIM bertanggungjawab menyediakan bahan-bahan e-kandungan dan bahan bantu multimedia bagi pengajaran dan pembelajaran e-KAFA. Proses pembangunan bahan termasuk kerja-kerja rakaman, suntingan, manipulasi gambar dan video, penyediaan multimedia, serta penggunaan perisian, perkakasan atau aplikasi tambahan bagi mendapatkan bahan bersesuaian. Semakan akhir oleh *Subject Matter Expert* (SME) telah dijalankan pada 14 November 2016. Majlis Penyerahan Produk Akhir e-Kafa telah berlangsung pada 9 Disember 2016.

## Pembangunan Sistem Pelaksanaan Ujian Imtihan Kafaah Al-Lughah Al-Arabiyyah (IKLA)

Ujian Imtihan Kafaah Al-Lughah Al-Arabiyyah (IKLA) secara atas talian telah dijalankan pada 23-26 Ogos 2016 menggunakan salah satu platform untuk sistem pengurusan pembelajaran (LMS) iaitu G-ACE. Pelaksanaan IKLA secara atas talian ini telah dicadangkan bagi mengenal pasti tahap penguasaan dan kemahiran Bahasa Arab bakal pelajar USIM dan seterusnya memudahkan proses penawaran kursus Bahasa Arab yang bersesuaian mengikut tahap penguasaan mereka. IKLA secara atas talian telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak dan mencapai objektif bagi memastikan pelajar menduduki ujian ini lebih awal dan mengurangkan kos yang diperlukan.



YAB Dato' Sri Mohammad Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia menandatangani plak perasmian Pusat PERMATA Insan

## Majlis Perasmian Kompleks PERMATA Insan oleh Perdana Menteri Malaysia

Majlis Perasmian Kompleks PERMATA Insan oleh YAB Dato' Sri Mohammad Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah berlangsung pada 5 April 2016. Majlis ini turut dihadiri oleh YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Penaung Program PERMATA dengan diiringi oleh Menteri Besar Negeri Sembilan dan Naib Canselor USIM. Dengan prasarana yang lengkap dan terkini di kompleks PERMATA Insan, diharapkan agar PERMATA Insan dapat melahirkan kumpulan bakal pemimpin, ilmuan agama, tenaga profesional, teknokrat dan saintis yang memahami, menghayati serta mengaplikasikan al-Quran sebagai panduan hidup untuk memimpin masyarakat majmuk dan menjana keharmonian kaum dalam negara.

## Penganjuran Three Minutes Thesis (3MT)

Buat pertama kalinya Pusat Pengajian Siswazah (PPS) telah menganjurkan pertandingan 3MT peringkat USIM pada 3 Mac 2016. 3MT adalah pertandingan pembentangan tesis selama tiga minit oleh pelajar doktor falsafah dan pertandingan ini diasaskan oleh University of Queensland, Australia. Seramai 16 orang pelajar daripada bidang sains dan teknologi serta sains sosial telah menyertai pertandingan tersebut dan pemenang daripada setiap kategori telah mewakili USIM ke peringkat kebangsaan pada 10 Mei 2016.




Peserta membentangkan berkaitan dapatan kajian dan tesis dalam program 3MT

## Penjajaran PTj: Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global, Teknologi Imersif dan Jaminan Kualiti (GOAL-ITQAN)

GOAL-ITQAN telah beroperasi secara rasmi sebagai jabatan baharu pada 1 April 2016. Misi penubuhan GOAL-ITQAN adalah sebagai pusat sokongan Universiti yang menyediakan kemudahan ICT (pentadbiran dan akademik) untuk meneruskan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran, akreditasi dan jaminan kualiti akademik dengan cara yang lebih holistik dan kolektif secara berterusan selari dengan globalisasi dan dinamik pendidikan. GOAL-ITQAN mempunyai empat bahagian yang berfungsi untuk menyokong dan memberi sinergi kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti dalam Rajah 1.5.




Rajah 1.5: Bahagian dan fungsi di GOAL-ITQAN

# Kemasukan Pelajar

## Pelajar Kolej PERMATA Insan

Kolej PERMATA Insan mempunyai dua program iaitu prakolej dan kolej. Prakolej merupakan kem yang disertai pelajar peringkat pendidikan rendah berumur 8 hingga 12 tahun. Manakala kolej adalah pendidikan menengah bagi pelajar berumur 12 hingga 17 tahun. Kem PERMATA Insan adalah berpandukan Modul PERMATA Insan yang terdiri daripada empat modul utama iaitu Pintar Quran Sunnah, Pembangunan Insan, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Kem ini dilaksanakan mengikut tema seperti dalam Jadual 1.1.

Seramai 277 orang pelajar Pra Kolej PERMATA Insan berumur 8

| Umur | Tahap | Tema |
|---|---|---|
| 8 tahun | 1 | Sains Iqra' |
| 9 tahun | 2 | Astronomi |
| | 3 | Biologi Manusia |
| 10 tahun | 4 | Biologi Haiwan dan Tumbuhan |
| | 5 | Wahyu Fizik |
| 11 tahun | 6 | Alam Bahan |
| | 7 | Teknologi |
| 12 tahun | Pemilihan Ke Kolej | Mukhayyam Al Abrar |

Jadual 1.1: Tema Kem PERMATA Insan

hingga 12 tahun telah menghadiri Kem PERMATA Insan 2016. Butiran pecahan mengikut umur adalah seperti dalam Jadual 1.2.

Kolej PERMATA Insan merupakan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) yang melaksanakan kurikulum pintar berbakat. Enrolmen pelajar Kolej PERMATA Insan bagi tahun 2016 adalah sebagaimana dalam Jadual 1.3.

| Umur | Jumlah Pelajar |
|---|---|
| 8 Tahun | 35 |
| 9 Tahun | 83 |
| 10 Tahun | 39 |
| 11 Tahun | 74 |
| 12 Tahun | 46 |
| Jumlah Keseluruhan | 277 |

Jadual 1.2: Jumlah pelajar Kem PERMATA Insan 2016

| Peringkat | Jumlah Pelajar |
|---|---|
| Asas 1 | 64 |
| Asas 2 | 47 |
| Jumlah Keseluruhan | 111 |

Jadual 1.3: Enrollment pelajar Kolej PERMATA Insan 2016





Sesi Pendaftaran Pelajar Tamhidi Sesi Akademik 2016/2017

## Statistik Pelajar Tamhidi

Bilangan Pelajar Program Tamhidi yang mendaftar bagi Sesi Akademik 2016/2017 adalah seperti rajah 1.6.

## Statistik Pelajar Sarjana Muda

Pelajar sarjana muda yang telah mendaftar bagi Sesi Akademik 2016/2017 adalah seramai 2492 orang. Pecahan bilangan pelajar mengikut fakulti adalah seperti dalam Rajah 1.7.

USIM turut menyediakan 100 tempat secara *over and above* untuk mod kemasukan bagi pelajar dengan sara hidup bawah 40% iaitu golongan berpendapatan isi rumah dibawah RM3,000 sebulan dan dikenali sebagai saluran *Bottom 40*. Inisiatif ini diperkenalkan oleh kerajaan bagi membantu pelajar daripada golongan yang kurang berkemampuan dalam aspek sosioekonomi serta kurang mendapat peluang dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Sebahagian daripada pelajar dalam kelompok ini tercicir dalam pemilihan ke Universiti Awam (UA) melalui sistem pemilihan berasaskan prinsip meritokrasi. Ianya juga merupakan satu agenda *Corporate Social Responsibility*




Rajah 1.6: Statistik Pelajar Tamhidi bagi Sesi Akademik 2016/2017




Rajah 1.7: Bilangan pelajar mendaftar program Sarjana Muda mengikut fakulti bagi Sesi Akademik 2016/2017

(CSR) dalam memberi ruang dan peluang kepada pelajar berkaitan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Seramai 128 orang pelajar daripada 703 permohonan telah ditawarkan melalui mod kemasukan ini.

## Statistik Pelajar Pascasiswazah

Statistik kemasukan pelajar pascasiswazah bagi Semester II, 2015/2016 (Februari 2016) dan Semester I, 2016/2017 (September 2016) adalah seperti Rajah 1.8.

## Bilangan Pelajar Mengikut Negara

Taburan pelajar aktif USIM bagi tahun 2016 di peringkat Tamhidi, Sarjana Muda dan pascasiswazah mengikut negara dapat dilihat dalam Rajah 1.9.




| | Diploma Siswazah | Doktor Falsafah | Sarjana |
|---|---|---|---|
| A152 | 0 | 87 | 42 |
| A161 | 58 | 74 | 98 |
| Jumlah | 58 | 159 | 140 |

Rajah 1.8: Graf perbandingan kemasukan pelajar pascasiswazah




Rajah 1.9: Pemetaan pelajar USIM mengikut negara bagi tahun 2016

# Penganugerahan dan Pengijazahan

Majlis Konvokesyen Ke-14 USIM telah berlangsung pada 19-21 November 2016. Majlis gilang-gemilang tersebut telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, Tuanku Canselor USIM serta Pro-Canselor USIM, Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz. Majlis yang penuh makna tersebut telah menganugerahkan Ijazah kepada seramai 2,517 orang graduan. Seramai 2,289 orang daripada graduan tersebut adalah daripada program sarjana muda seperti dalam Jadual 1.4. Manakala, seramai 228 orang daripada graduan tersebut adalah daripada program pascasiswazah (132 orang graduan sarjana, 73 orang graduan doktor falsafah dan 23 orang graduan diploma lepasan ijazah) seperti dalam Jadual 1.5.

| Bil | Program | Jumlah |
|---|---|---|
| | Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina | |
| 1 | Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan Kepujian | 26 |
| | Fakulti Pergigian | |
| 2 | Sarjana Muda Pembedahan Pergigian | 34 |
| | Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan | |
| 3 | Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri | 48 |
| | Fakulti Ekonomi dan Muamalat | |
| 4 | Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian | 89 |
| 5 | Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Kepujian | 57 |
| 6 | Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian | 97 |
| 7 | Sarjana Muda Pentadbiran dan Hubungan Korporat dengan Kepujian | 56 |
| | Fakulti Sains dan Teknologi | |
| 8 | Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat) | 58 |
| 9 | Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) | 88 |
| 10 | Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan) | 55 |
| 11 | Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan) | 52 |
| 12 | Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri) | 72 |
| 13 | Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko) | 57 |
| | Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah | |
| 14 | Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian | 180 |
| 15 | Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian<br>* Program kerjasama USIM dan Darul Quran JAKIM | 34 |
| 16 | Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian | 102 |
| 17 | Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian | 85 |
| | Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan | |
| 18 | Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian | 127 |
| 19 | Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian | 74 |
| 20 | Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian | 54 |
| 21 | Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama dengan Kepujian | 94 |
| | Fakulti Pengajian Bahasa Utama | |
| 22 | Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian | 160 |
| 23 | Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian | 5 |
| 24 | Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian (Pendidikan Islam) | 267 |
| 25 | Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian (Bahasa Inggeris) | 19 |
| | Fakulti Syariah dan Undang-Undang | |
| 26 | Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dengan Kepujian | 44 |
| 27 | Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian | 255 |
| | Jumlah Keseluruhan | 2289 |

Jadual 1.4: Bilangan graduan sarjana muda mengikut program pengajian

| Bil | Program | Jumlah |
|---|---|---|
| | Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan | |
| 1 | Doktor Falsafah Da'wah dan Pengurusan Islam | 3 |
| 2 | Doktor Falsafah Pengurusan Sumber Manusia | 8 |
| 3 | Doktor Falsafah Kaunseling | 2 |
| 4 | Doktor Falsafah Komunikasi | 3 |
| 5 | Sarjana Da'wah dan Pengurusan Islam | 7 |
| 6 | Sarjana Da'wah dan Kepimpinan Islam | 2 |
| 7 | Sarjana Kaunseling (Kaunseling Keluarga) | 8 |
| 8 | Sarjana Komunikasi (Pengurusan Media) | 4 |
| | Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah | |
| 9 | Doktor Falsafah Pengajian Quran dan Sunnah | 3 |
| 10 | Sarjana Pengajian Quran dan Sunnah | 6 |
| | Fakulti Syariah dan Undang-Undang | |
| 11 | Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman | 14 |
| 12 | Sarjana Syariah | 1 |
| 13 | Sarjana Undang-Undang | 4 |
| 14 | Sarjana Syariah dan Kehakiman | 1 |
| 15 | Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie | 23 |
| | Fakulti Ekonomi dan Muamalat | |
| 16 | Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat | 18 |
| 17 | Sarjana Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat | 8 |
| 18 | Sarjana Pentadbiran Muamalat | 11 |
| 19 | Sarjana Pentadbiran Muamalat (Produk Halal) | 12 |
| | Fakulti Sains dan Teknologi | |
| 20 | Doktor Falsafah Sains dan Teknologi | 12 |
| 21 | Sarjana Sains | 18 |
| 22 | Sarjana Sains (Bioteknologi Makanan) | 4 |
| 23 | Sarjana Sains Komputer (Keselamatan dan Jaminan Maklumat) | 4 |
| | Fakulti Pengajian Bahasa Utama | |
| 24 | Doktor Falsafah (Pendidikan) | 3 |
| 25 | Doktor Falsafah (Pengajian Bahasa Inggeris) | 3 |
| 26 | Doktor Falsafah (Pengajian Bahasa Arab) | 4 |
| 27 | Sarjana Bahasa Arab Komunikasi | 9 |
| | Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia | |
| 28 | Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) | |
| | Jumlah Keseluruhan | 228 |

Jadual 1.5: Bilangan graduan pascasiswazah mengikut program pengajian dan peringkat pengajian

## Ijazah Kehormat

Majlis Konvokesyen Ke-14 USIM tersebut turut menyaksikan dua tokoh tersohor menerima ijazah kehormat iaitu YBhg. Dato' Faiza bin Haji Tamby Chik, mantan Hakim Mahkamah Tinggi yang menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Undang-Undang di atas sumbangan dan khidmat bakti yang diberikan khususnya kepada USIM dan amnya kepada negara. Berbekalkan pengalaman luas dalam bidang kehakiman dan amalan guaman di Malaysia, beliau telah dilantik sebagai Felo Utama Universiti Sains Islam Malaysia (2006-2014). Beliau juga telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan (2014).



YBhg. Dato' Faiza bin Haji Tamby Chik




YBhg. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah

Turut menerima ijazah kehormat adalah YBhg. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah, mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM yang telah menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Da'wah dan Pengurusan Islam. Sumbangan beliau kepada USIM sememangnya tidak dapat disangkal, kerana beliau adalah antara individu yang terawal berkhidmat di USIM semenjak tahun 2001 dan bersama membangunkan serta memajukan USIM sehingga ke tahap yang membanggakan. Beliau juga berkongsi pengalaman dan kepakaran beliau dengan menyumbang idea-idea kepada institusi/agensi yang berkaitan seperti Kementerian Penerangan Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Peperiksaan Malaysia dan sebagainya.



YBhg. Profesor Emerita Puan Sri Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah binti Ahmad Ibrahim

## Profesor Emerita

Buat julung kalinya, USIM menganugerahkan Profesor Emerita dalam Majlis Konvokesyen Ke-14 USIM. Gelaran Profesor Emerita tersebut telah dianugerahkan kepada Puan Sri Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah binti Ahmad Ibrahim. Beliau merupakan Profesor dalam bidang kaunseling di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP). Beliau adalah perintis dalam membangunkan program Kaunseling di FKP. Berbekalkan pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan kaunselor, usaha membuka program Kaunseling di USIM telah dilaksanakan dengan berpaksikan teras USIM iaitu menggabungkan elemen kaunseling dan psikologi dengan sumber ilmu naqli iaitu, al-Quran dan Sunnah. Pada tahun 2005, beliau telah memulakan inisiatif membangunkan program Speciality Program for Alcohol and Drug Abused (SPADA) di USIM yang memberikan latihan dan khidmat kepada penjawat awam yang terlibat secara langsung dalam usaha membenteras musuh nombor satu negara iaitu dadah. Beliau juga pernah diamanahkan untuk menjawat portfolio pentadbiran sebagai Dekan FKP dari tahun 2004 hingga 2010, seterusnya sebagai Pengarah Pusat Permata Insan dari tahun 2010 hingga 2015.



Hanisah binti Hassan

## Anugerah Pelajaran DiRaja

Majlis Konvokesyen Ke-14 USIM tersebut juga telah menyaksikan dua orang pelajar menerima anugerah berprestij yang diberikan oleh Majlis Raja-Raja Melayu iaitu Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang). Anugerah tersebut telah diberikan kepada Saudari Hanisah binti Hassan graduan bagi program Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri. Beliau juga telah menerima anugerah Pelajar Terbaik dalam Peperiksaan Profesional Akhir dan dalam Jabatan Perubatan Dalaman (*Internal Medicine*). Kecemerlangan

dalam akademik bukan menjadi batasan untuk beliau tidak terlibat secara aktif dalam aktiviti kokurikulum dan kepimpinan di Universiti. Bakat kepimpinan beliau semakin menyerlah apabila diberi kepercayaan sebagai Naib Presiden II Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM 2012/2013. Beliau juga telah mewakili USIM ke beberapa pertandingan dalam aktiviti debat bahasa Inggeris serta memenangi antara *Top 10 Speakers* dalam UKM *Intervarsity Medical Debate* di UKM. Kumpulannya mendapat tempat kelima dalam Pertandingan Debat Intervarsity Medikal di UM, dan menjadi ahli pasukan debat yang menjadi pemenang dalam *2nd National Medical Conference* di Asian Institute of Medical, Science and Technology (AIMST). Beliau juga menyertai Pertandingan Debat Piala Diraja 2010 dan 2012, *Serdang Open Debate* di UPM, Gender Debate di UMT, *UMT Open Debate* dan *Biotechnology Debate* di AIMST. Berbekalkan penguasaan Bahasa Inggeris yang baik, beliau telah mengikuti Posting Elektif di Box Hill Hospital, Melbourne, Australia. Beliau juga menyertai MPP *Global Islamic Student Outreach* (GISO) di Thailand dan *3rd Year Medical Students International Visit* ke Guangzhou, China. Selain itu, beliau juga turut mengharumkan nama USIM di peringkat nasional dan antarabangsa dalam aspek inovasi bersama ahli-ahli kumpulan yang berjaya merekacipta pakaian baju pesakit HURMA, mendapat pingat emas dalam *The Exposition on Islamic Innovation* (i-Inova) 2014, pingat emas dalam Minggu Penyelidikan dan Pertandingan Inovasi UniSZA 2015, *Top 10 inovations* dalam Anugerah Inovasi Negara 2015: Kategori Akar Umbi, mendapat Pingat Emas, *Best Presenter Award* dan *Best NRIC Award* dalam *Novel Research and Innovation Competition 2015* (NRIC 2015), dan mendapat *Gold medal dan Special Award Double Gold* di *British Invention Show* 2015.

Manakala penerima kedua Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang) ialah Muhammad Syah Fahmi bin Zainal graduan Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko), sepanjang tempoh pengajian di USIM, Syah Fahmi telah terlibat dalam pelbagai aktiviti akademik mahupun kokurikulum dan berpersatuan, bukan sahaja di peringkat fakulti dan universiti, bahkan kebangsaan serta antarabangsa. Beliau telah menjadi Pengarah dalam pelbagai program akademik seperti Pengarah Karnival Sains Teknologi Islam pada tahun 2014, Pengarah Simposium Aktuari dan Pelancaran Buku: Dari Aktuarius ke Aktuari pada tahun 2015, dan Timbalan Pengarah WIN 1: Matawang Susut, Salah Siapa? serta menjadi Naib Setiausaha untuk delegasi *Global Islamic Student Outreach* (GISO) ke Seoul, Korea pada tahun 2015. Beliau juga telah mewakili USIM dan Malaysia ke beberapa program kepemimpinan dan pertandingan peringkat antarabangsa seperti mewakili USIM serta memenangi tempat ketiga dalam pertandingan olimpiad matematik untuk *International Mathematics Convention* bertempat di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), menyertai *Actuarial Challenge Competition* di UTAR, dan menjadi pembentang untuk *2nd International Convention on Islam, Science and Education* di USIM. Selain itu, beliau juga turut mengharumkan nama USIM di peringkat antarabangsa kerana lulus dua sijil profesional dari badan profesional *Society of Actuaries (SOA)*, iaitu *Probability (P)* dan *Financial Mathematics (FM)* serta layak dianugerahkan pengecualian dua peperiksaan iaitu *Economics* dan *Financial Management*. Di samping itu, karya penyelidikan beliau bertajuk *The Application of Generalized Linear Model for Motor Takaful in Malaysia* diiktiraf antara yang terbaik apabila dinobatkan Poster Tesis Terbaik Peringkat Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko serta dibentangkan dalam *2nd International Convention on Islam, Science and Education* di USIM.



Muhammad Syah Fahmi bin Zainal

## Ijazah Anumerta

Majlis Konvokesyen Ke-14 USIM juga telah mengurniakan ijazah secara anumerta kepada dua orang graduan yang telah meninggal dunia. Dalam istiadat konvokesyen itu, ibu kepada Muhamad Saiful Azim Hairudin telah menerima Ijazah Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama bagi pihak anaknya itu yang meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya pada 28 Ogos 2016. Seorang lagi penerima ijazah secara anumerta ialah Norhidayah Ibrahim yang meninggal dunia akibat penyakit barah pada 30 September 2013. Ijazah Sarjana Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat untuk Norhidayah Ibrahim itu diterima oleh kakak beliau.





Waris penerima anugerah Ijazah secara anumerta pada Majlis Konvokesyen ke-14 USIM

## Pecahan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian bagi tahun 2011 hingga 2016

Peningkatan jumlah graduan USIM dari tahun 2011 hingga 2016 dapat dilihat seperti dalam Rajah 1.10.




Rajah 1.10: Peningkatan bilangan graduan bagi tahun 2011 hingga 2016

## Majlis Apresiasi dan Pemakaian Jubah

USIM buat julung kalinya telah menganjurkan Majlis Apresiasi dan Pemakaian Jubah kepada semua graduan doktor falsafah pada 18 November 2016 bertempat di Bilik Tayangan FKP. Majlis ini diadakan untuk memberi penghargaan kepada penyelia serta meraikan kejayaan graduan doktor falsafah yang menerima skrol ijazah pada Majlis Konvokesyen Ke-14 USIM. Graduan doktor falsafah yang hadir dalam majlis tersebut telah dipakaikan jubah, hud dan bonet oleh penyelia masing-masing sebagai satu simbolik untuk menyuntik semangat graduan agar mengekalkan kejayaan dan memberi sumbangan kepada masyarakat.



Penyelia kepada graduan memakaikan jubah sempena Majlis Apresiasi dan Pemakaian Jubah

# Pengukuhan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Konsep Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli turut diperkukuhkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran dengan mengambil inisiatif menerusi semakan semula kursus berteras pengajian islam. Bagi memastikan kursus yang ditawarkan adalah memenuhi kehendak semasa serta kesinambungan daripada peringkat pengajian sebelumnya, USIM telah melaksanakan proses semakan semula bagi kursus-kursus yang berteraskan Pengajian Islam. Sebanyak enam kursus terlibat dengan semakan semula seperti dalam Rajah 1.11.




Rajah 1.11: Kursus berteraskan pengajian yang melalui proses semakan semula

## Penganjuran Kongres International Education Congres on Naqli and Aqli (iECNA2016)

Seiring dengan moto USIM iaitu Meneraju Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM mengambil inisiatif menganjurkan *International Education Congres on Naqli and Aqli* (iECNA2016) buat julung kalinya di peringkat antarabangsa pada 23 dan 24 Ogos 2016 bertempat di kampus USIM. Bertemakan ”Transformasi Pendidikan Kontemporari melalui Ilmu Naqli dan Aqli”, sebanyak lebih 50 kertas kerja yang dibentangkan oleh para pendidik, pelajar antaranya dari Sarawak, Indonesia dan Oman. Antara objektif kongres ini adalah untuk memberi pendedahan konsep Ilmu Naqli dan Aqli di peringkat global dengan menyediakan ruang untuk perbincangan dan perdebatan dalam kalangan ahli akademik selain meneroka strategi baharu dan menangani cabaran semasa pendidikan, penyelidikan, inovasi dan ciptaan berdasarkan Integrasi ilmu Naqli dan Aqli dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan tamadun manusia. Ia juga bermatlamat memberikan pemahaman yang lebih baik daripada kesepaduan ilmu Naqli dan Aqli yang menyediakan platform sebagai pusat rujukan global ilmu Naqli dan Aqli selaras dengan pelan strategik USIM 2016 dan mewujudkan satu model pendidikan yang mengintegrasikan pengetahuan Naqli dan Aqli pada skala global.




## Penganjuran program Arab-Asian Global Higher Education Summit (AAGHES 2016)

Program *Arab–Asian Global Higher Education Summit (AAGHES 2016)* telah diadakan pada 17–20 Oktober 2016 di kampus USIM Nilai dan Parkroyal Hotel, Kuala Lumpur. Program ini diadakan dengan kerjasama penuh daripada KPT dan *Association of Arab University* (AarU). Sebanyak 40 perwakilan dan delegasi daripada AarU dan ahlinya telah menghadiri AAGHES. Delegasi ini terdiri daripada wakil-wakil pengurusan tertinggi di universiti-universiti utama. Program perkongsian ilmu ini berpotensi mempromosikan Malaysia dengan kepelbagaian disiplin ilmu yang ditawarkan dalam program-program pengajian, penyelidikan, kepemimpinan dan tadbir urus universiti yang cemerlang. Menerusi program ini, USIM berpeluang untuk bekerjasama dengan semua universiti yang terlibat dengan AAGHES ini untuk menawarkan program *joint-degree*, pemindahan kredit pengajian jarak jauh, pertukaran pelajar dan staf serta lain-lain program kerjasama akademik.



YB Menteri KPT turut hadir sebagai perasmi AAGHES 2016 USIM

## Penganjuran Konvensyen Sains Islam Kali Kedua Peringkat Antarabangsa (KONGSI'16)

Konvensyen Sains Islam Kali Kedua Peringkat Antarabangsa (KONGSI'16) yang diadakan pada 6 Oktober 2016 telah melibatkan penyertaan daripada 15 buah negara. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kefahaman terhadap kesepaduan ilmu naqli dan aqli dalam pengajaran dan pembelajaran agar selari dengan perkembangan pendidikan pada masa kini. Konvensyen ini dihadiri oleh pengetua sekolah kluster dan sekolah angkat USIM, staf akademik, staf pentadbiran, pensyarah IPT, guru-guru dan pelajar-pelajar IPT.

## Klinik Pakar Pengajaran dan Pembelajaran GOAL-ITQAN dengan Universitas Islam Indonesia

GOAL-ITQAN telah menganjurkan Klinik Pakar Pengajaran dan Pembelajaran kepada delegasi Universitas Islam Indonesia (UII) pada 5 hingga 7 November 2016 bertempat di Galeri Canselori. Program ini memberi pendedahan kepada peserta bermula daripada input mengenai pedagogi sehingga pendidikan berasaskan teknik terkini, bantuan peralatan dan teknologi dengan objektif untuk menyebarluaskan konsep pendidikan abad ke-21, mempelbagaikan kaedah pengajaran, memperkenal dan mempraktikkan perisian berasaskan web, perkakasan dan peranti teknologi pendidikan terkini yang sesuai dalam proses pengajaran, menyediakan rekabentuk kandungan berfokuskan pelajar, memberi penumpuan terhadap elemen pedagogi dan teknologi dalam penghasilan kandungan pendidikan, serta menyediakan repositori bagi bahan-bahan pendidikan bersesuaian. UII menyasarkan untuk menjadi pusat rujukan pengembangan hukum Islam, pendidikan Islam, serta ekonomi Islam menjelang tahun 2030.



Sesi Klinik Pakar Pengajaran dan Pembelajaran kepada UII

## Penawaran Kursus dan Latihan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli

Bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli, pelbagai bentuk kursus dan latihan dilaksanakan kepada staf USIM khususnya kepada staf akademik agar proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan selari dengan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli. Antara program yang dianjurkan oleh Pusat Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (PIINA) adalah seperti jadual 1.6.

| Bil | Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1 | Kursus Pengenalan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (iNaQ) Kohort 2 (Akademik) | 13-15 Julai 2016 | Galeri, Bangunan Canselori |
| 2 | Kursus Pengenalan iNaQ untuk staf FPSK dan FPg | 31 Oktober 16 | Bilik Mesyuarat Utama FPSK |
| 3 | Kursus Pengenalan iNaQ untuk staf FST dan FKAB | 16 November 16 | Bilik Mesyuarat Utama FST |

Jadual 1.6: Senarai kursus yang dianjurkan oleh PIINA









# Teras 2

Universiti Sains Islam Malaysia

## Penyelidikan dan Inovasi yang Relevan Kepada Industri dan Kesejahteraan Ummah

# Pendahuluan

Sebagai sebuah gedung ilmu yang berperanan dalam memacu perkembangan sesebuah negara, USIM merasakan budaya penyelidikan dan inovasi yang cemerlang dalam kalangan para pelajar dan penyelidik perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa. Aspirasi USIM dalam penyelidikan yang berintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli ini sentiasa bergerak seiring dengan aktiviti penyelidikan dan inovasi yang berpaksikan kepada lima tonggak Maqasid Syariah agar ilmu yang dijana dan didedahkan oleh pelajar dan penyelidik USIM dapat di aplikasikan untuk kebaikan ummah.

**“USIM bertekad menghasilkan penyelidikan yang mempunyai Integrasi ilmu Naqli dan Aqli yang mampu memberi kebaikan kepada ummah”.**

YBhg. Prof. Dr. Roshada Hashim
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)



# Perkembangan Penyelidikan

Momentum penyelidikan USIM diteruskan pada tahun 2016, dengan sasaran lebih 50% projek penyelidikan yang masih aktif adalah berteraskan Intergrasi Ilmu Naqli dan Aqli serta *multi disciplinary*. Walaupun pada tahun 2016, capaian dana penyelidikan sedikit berkurangan berbanding pada tahun sebelumnya, iaitu sebanyak RM6,623,169 namun sama sekali tidak menghalang penyelidik untuk meneruskan agenda penyelidikan universiti.

Susulan itu juga, Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) USIM yang berperanan menguruskan penyelidikan universiti, telah bersedia untuk mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2015 serta Dokumen Isu Kritikal Syariah bagi skop permohonan dan penilaian geran universiti.

Jumlah keseluruhan dana penyelidikan yang diperoleh pada tahun 2016 adalah sebanyak RM6,623,169 dan RM1,257,389.00 daripadanya adalah dana yang diterima daripada pembiaya bertaraf antarabangsa. Ini merupakan pencapaian terbaik kepada USIM apabila buat julung kalinya telah menerima sejumlah dana di peringkat antarabangsa yang agak besar berbanding pada tahun sebelumnya.

Pada tahun 2016, USIM telah meletakkan sasaran pencapaian iaitu 60% pensyarah menjadi Penyelidik Utama (PI). Sehingga Disember 2016, sebanyak 64% daripada keseluruhan kakitangan akademik aktif USIM telah berstatus PI dengan memperoleh pelbagai jenis geran sama ada di peringkat geran universiti, kerajaan, industri/swasta mahupun antarabangsa.

PPP, telah mengatur strategi peningkatan PI dari semasa ke semasa bagi tujuan memastikan




Rajah 2.1: Pencapaian Dana Penyelidikan Mengikut Jenis Geran Pada Tahun 2016




Rajah 2.2: Pencapaian dana penyelidikan mengikut jenis geran

PI USIM meningkat pada setiap tahun, selain dengan membantu pensyarah muda mendapatkan ruang pengalaman menjalankan penyelidikan. Siri Bimbingan seperti bengkel penyediaan proposal, bengkel pengurusan geran serta hebahan penawaran geran yang aktif sepanjang tahun dilihat memberi impak yang positif kepada USIM, selain mewujudkan satu data khas bagi kumpulan akademik yang masih belum memegang geran, serta akan ditawarkan untuk menjalankan penyelidikan dengan pembiayaan universiti.

# Penyelidikan Bersama Masyarakat dan Ummah

Penyelidikan yang relevan kepada industri dan kesejahteraan ummah adalah agenda utama dalam pembangunan penyelidikan universiti. Terdapat beberapa projek penyelidikan yang berjaya mendapat kepercayaan serta mencuri perhatian agensi luar untuk menghasilkan penyelidikan yang boleh memberi impak positif kepada masyarakat dan ummah.



Sesi temu bual bersama wakil penduduk Kampung Baru, Kuala Lumpur

## USIM-Bank Rakyat Mizan dan Malay Muslim Kampung Model

*USIM-Bank Rakyat Mizan And Malay Muslim Kampung Model* adalah projek penyelidikan yang dibiayai sepenuhnya oleh Bank Rakyat dengan peruntukan sebanyak RM800,000. Projek ini diketuai oleh YBhg. Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak dan dibantu oleh Profesor Madya Dr Mahazan Abdul Mutalib, Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP).

Kajian ini bertujuan untuk membawa semula nilai-nilai murni yang terangkum dalam konsep kampung melalui naratif "balik kampung" iaitu keindahan nilai-nilai keluarga yang rapat, nilai bakti, budi bahasa, integriti, toleransi dan kesederhanaan dapat diketengahkan semula ke arah mengharungi mehnah kehidupan moden masa kini.

Kampung merupakan contoh terbaik dalam menterjemahkan konsep Mizan. Kepentingan dalam mendapatkan nilai ilmu dan pengetahuan daripada kampung terutama daripada generasi terdahulu tidak patut diabaikan. Oleh yang demikian, kajian kes di Kampung Baru, Kampung Kerinchi, Kampung Abdullah Hukum serta kampung-kampung di Negeri Sembilan telah dipilih sebagai kawasan kajian dalam menerapkan konsep Mizan dan akhirnya mampu menjadi contoh kepada pembangunan kampung-kampung lain di seluruh Malaysia.

Antara output jangkaan bagi projek ini menyasasarkan model dan latihan Kepimpinan Qalb untuk komuniti bagi memberi pendidikan kepada belia dan pemimpin masa hadapan-melalui penekanan terhadap nilai-nilai warisan kampung.

## Pemindahan Ilmu Pengajaran Al-Quran Menggunakan Modul Iqra Versi Braille Kepada Sukarelawan Yayasan Pendidikan Al-Quran Bagi Anak Istimewa (FAQEH)

Projek ini adalah projek yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui *Knowledge Transfer Programme* (KTP) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM157,460.00. Projek ini diketuai oleh Dr Haji Norakyairee Bin Mohd Raus, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS). Fokus projek adalah bertujuan membantu golongan kurang upaya (OKU) di Malaysia melalui pembinaan modul khas yang dinamakan Iqra' Versi Braille. Ia merupakan suatu usaha dakwah melalui pemindahan ilmu Islami yang berasaskan Quran dan Sunnah kepada khalayak.



Sesi pembelajaran bersama OKU

Misi ini bermula dengan gerakan kempen nilai dan kesedaran (*Value Oriented*) kepada kumpulan sasar disusuli penerimaan tanggungjawab berasaskan komitmen komuniti setempat sebagai agen dakwah dalam mewarnai kesinambungan kerja Rasulullah SAW iaitu menyampaikan risalah tauhid.

Dalam konteks dakwah OKU (Orang Kurang Upaya), Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) telah mempelopori usaha murni ini dengan menjalankan kerja-kerja akar umbi melalui Akademi FAQEH iaitu model kelas agama bagi OKU khususnya kumpulan OKU Pembelajaran dan Pendengaran. Di samping itu, Yayasan FAQEH juga bekerjasama dengan pelbagai pihak khususnya para penyelidik di universiti awam bagi memantapkan usaha dakwah OKU sehingga memperoleh pengiktirafan sebagai finalis bidang perkhidmatan di Anugerah Inovasi Negara (AIN2014) melalui pembangunan model QurANIS (Inovasi Pendidikan Quran dan Ibadah bagi Anak Istimewa).

Justeru, program unik ini menyasarkan impak sama ada berorientasikan nilai *(value oriented)* atau tanggungjawab berasaskan komuniti *(people centered)*. Pada akhir program ini, sukarelawan yang terlatih berkebolehan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PnP) Quran menggunakan Modul Iqra versi Braille. Selain itu, sukarelawan juga mampu untuk mengimplementasikan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam proses PnP sebenar bersama kumpulan berkeperluan khas masalah penglihatan. USIM mengharapkan lebih ramai ahli akademik ang berusaha menghasilkan penyelidikan yang memenuhi kesejahteraan ummah.

## Kajian Indeks Syariah USIM-JAKIM

Kajian Indeks Syariah Malaysia (ISM) dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohammad Najib bin Tun Abdul Razak pada 10 Februari 2015. Kajian ini telah bermula pada Julai 2015 ini membabitkan lima buah universiti awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia. Skop kajian ini meliputi bidang pendidikan, perundangan Islam, politik, ekonomi, kesihatan, budaya, sosial, prasarana dan persekitaran. Kajian ini telah berjaya diselesaikan selaras dengan objektif yang ditetapkan serta berjaya menghasilkan Polisi Indeks Syariah Malaysia, terbitan JAKIM.

Pembangunan soal selidik yang diedarkan bagi mengukur Indeks Syariah Malaysia-Ekonomi telah melalui proses kajian literatur dan kumpulan fokus (sidang pakar).

# Penyelidikan Antarabangsa

USIM buat pertama kalinya berjaya memperoleh projek penyelidikan di bawah pembiayaan *Newton Ungku Omar Fund* (MIGHT) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1,181,334.00. Projek ini diketuai oleh Pensyarah Muda USIM, iaitu Dr Waidah Binti Ismail, Pensyarah Fakulti Sains Dan Teknologi Maklumat (FST). Projek ini merupakan projek kolaborasi di antara USIM bersama MIRA REHAB LIMITED, BRUNEL UNIVERSITY, PROVENPAC SDN BHD dan USM.

Selain itu, terdapat dua projek penyelidikan yang mendapat penajaan di peringkat antarabangsa, iaitu *Commonwealth Off Learning* (COL) dengan peruntukan sebanyak RM35,500 dan *Malaysian One Health University Network-U* (MyOHUN) berjumlah RM40,555. Keseluruhan peruntukan projek penyelidikan dengan dana antarabangsa pada tahun 2016 adalah sebanyak RM1,257,389.00. Pencapaian cemerlang daripada tiga kumpulan penyelidik ini adalah sebagai perintis dan membuka ruang kepada kumpulan penyelidik USIM yang lain, untuk terus menggali serta meneroka ilmu dan rahsia alam ke tahap yang lebih tinggi, iaitu di peringkat antarabangsa.



Majlis Penganugerahan Geran Newton Ungku Omar Fund

# Keunggulan Inovasi USIM

## Pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2016 (ITEX)

USIM sekali lagi melakar nama di pentas inovasi melalui penyertaan Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2016 (ITEX) dan telah meraih 5 pingat emas, 2 pingat perak dan 2 pingat gangsa. Permainan berkonsepkan *board game* yang dinamakan Muamalat Interactive Game (MIG) 2.0 antara produk USIM yang berjaya mencuri perhatian juri serta meraih pingat emas. Produk ini merupakan permainan seperti saidina iaitu pemain boleh merasai sendiri proses jual beli melibatkan proses perbankan dan kewangan Islam. Projek ini diketuai oleh Puan Syahidawati Shahwan dari Fakulti Ekonomi Muamalat (FEM).

Selain itu, produk Mobile Intravenous Drip (MIV) yang dipersembahkan sebagai sangat mesra pengguna dan memberi kemudahan pergerakan pesakit untuk urusan di hospital turut diberi pengiktirafan ITEX sebagai pingat emas ke dua USIM.

Tiga lagi produk inovasi USIM yang mendapat pengiktirafan emas di ITEX adalah bagi produk Model Indeks Penentuan Had Tempoh Mualaf, *Chicken Egg Shell (Ches)*, *Membranes for Protein S Eparation* dan I-Talk PISKEB (Innovation Talk Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan).

Kejayaan para pensyarah dalam penghasilan produk memperlihatkan kerja keras dan penyertaan aktif pensyarah USIM untuk meningkatkan mutu inovasi serta daya saing dalam bidang masing-masing.




Pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2016 (ITEX) yang berlangsung pada 12 hingga 14 Mei 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (PICC)

## British Invention Show (BIS)

Penyertaan pelajar USIM dalam pertandingan inovasi antarabangsa iaitu *British Invention Show (BIS)* juga telah membuktikan keunikan USIM, iaitu penglibatan pelajar secara menyeluruh serta berjaya meraih 2 pingat emas dan 2 pingat perak serta Anugerah Khas Platinum. Penyertaan ini juga turut membanggakan USIM apabila produk *Mobile Intravenous Drip (MIV)* dianugerah *Special Award: Platinum Award of Consumer Category* selain mendapat emas (*Innovation Category*) dan perak (*Design Category*).




British Invention Show (BIS) yang telah berlangsung pada 19 hingga 22 Oktober 2016 di Barbican Exhibition Centre, London

## International Trade Fair Ideas Inventions New Products (iENA)

Pada tahun 2016, USIM buat pertama kalinya mempertaruhkan satu produk penyelidikan ke *International Trade Fair Ideas Inventions New Products (IENA)* di Nuremberg, Germany dan telah berjaya mencapai pingat gangsa serta anugerah *Special Innovator Award* melalui produk *Muamalat Interactive Game (MIG)*. Kejayaan ini turut membanggakan pihak universiti




International Trade Fair Ideas Inventions New Products (IENA) yang berlangsung pada 27 hingga 30 Oktober di Nuremberg, Germany

## Novel Research and Innovation Competition (NRIC)

*Novel Research and Innovation Competition (NRIC)* merupakan pentas inovasi yang amat popular dalam kalangan pelajar universiti. Sebagaimana IPT lain, USIM pada setiap tahun telah mula mengikuti serta meraih kejayaan di pentas ini. Tema pada tahun ini, *Transformorphosis Outshining the Innovalities*. Pada tahun 2016, sebanyak lapan penyertaan. Daripada lima penyertaan bagi kategori Health and Medical Science, USIM  mendapat dua pingat emas iaitu produk Jugular Venous Pressure (JVP Ruler) manakala emas dan *Special Award* bagi produk Mobile Intravenous Drip (MIV). USIM juga berjaya meraih 5 pingat perak, satu pingat gangsa dan satu *Special Award*. Pertandingan berprestij ini berjaya memupuk semangat pelajar untuk mempertaruhkan bakat dan kreativiti masing-masing, sehingga ke peringkat antarabangsa seperti BIS dan ITEX kepada khalayak umumnya dan kepada individu dari barisan hadapan industri khususnya.




*Novel Research and Innovation Competition* (NRIC) yang berlangsung pada 16 hingga 18 Ogos 2016 di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

## International Exposition On Shariah Compliant Idea, Invention, Innovation and Design (ISCIIID)

Bijak Zakat (GzakatG V1.0) dan Modul Penganjuran Sukan dan Peraduan Patuh Syariah merupakan hasil inovasi dari kumpulan Penyelidik USIM yang diketuai oleh Prof. Madya Dr Azman Ab Rahman, dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU). Produk ini telah mendapat perhatian juri didalam *International Exposition on Shariah Compliant Idea, Invention, Innovation and Design* (ISCIIID) 2016 dengan meraih pingat emas dan Anugerah Umar Al-Khattab (Produk Terbaik Profesional/Akademik) serta Anugerah Abu Bakar As-Siddiq (Produk Terbaik Keseluruhan).




Global Zakat Game

GzakatG V1.0 adalah sebuah inovasi baharu yang berbentuk permainan ilmiah berkaitan fiqh zakat. Ia direka bagi mengukuhkan kemahiran pengiraan zakat harta dalam kalangan amil dan muzakki meliputi pelbagai jenis zakat seperti zakat pendapatan, pertanian, penternakan, emas dan perak. Pada masa yang sama permainan ini dapat melahirkan amil yang profesional dan cekap dalam aspek pengurusan zakat.

# Penganjuran Persidangan bagi tahun 2016

## World Islamic Countries University Leaders Summit 2016 (WICULS 2016)

USIM dan AKEPT (Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi) dengan kerjasama Bank Rakyat telah menganjurkan seminar bertaraf antarabangsa, iaitu WICULS 2016 bermula 14 November 2016 bertempat di AKEPT. Seminar ini memberi penekanan kepada peranan universiti dalam menyuburkan intelektualisme, kemanusiaan dan integriti mahasiswa. Dengan tema Baitul Hikmah-*The House of Wisdom: A model University of The Future*, seminar ini merupakan satu siri yang menjadi platform untuk meneroka aspek yang sering diabaikan melalui wacana pendidikan yang lebih tinggi. Tujuan utama seminar ini dianjurkan adalah untuk mewujudkan model yang seimbang dan mampan bagi negara-negara Islam serta membina *framework* kepemimpinan bagi pemimpin Dunia Islam.



Sidang kemuncak WICULS 2016



Seminar Warisan Nabawi

## Seminar Warisan Nabawi

Bertemakan ‘Toleransi Nabawi Dalam Kepelbagaian Bangsa’, USIM buat julung kalinya telah menganjurkan seminar Warisan Nabawi Kali Ke-5 di luar negara dengan kerjasama Universiti Fatoni, Thailand Dan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS), Seminar yang berlangsung pada 4 hingga 5 Oktober 2016 menyaksikan seramai 70 pembentang dari pelbagai bidang dan negara antaranya dari Kuwait, Sudan, Indonesia, Thailand dan Malaysia. Seminar ini dirasmikan oleh Raja Muda Perlis DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail.

Persidangan Ini bertujuan menghimpunkan para cendekiawan untuk membincangkan isu berkaitan sunnah dan fungsinya sebagai asas toleransi demi kesejahteraan umat seluruhnya. Ia turut bagi menjernihkan pandangan orang luar terhadap tohmahan yang dilempar terhadap Islam yang dikatakan menaja keganasan.

## Seminar Wakaf Asean

Pusat Pembangunan dan Pembiayaan Wakaf (PPPW), USIM yang diketuai oleh YBhg. Profesor Dato’ Dr Mohammad Haji Alias telah menganjurkan Seminar Wakaf ASEAN yang bertemakan “Amalan Terbaik Tadbir Urus, Pembiayaan dan Pembangunan Wakaf di ASEAN”. Seminar ini telah diadakan di Masjid Ban Nua, Songkla, Thailand.

Seminar ini banyak membicarakan isu wakaf yang mana dilihat sangat signifikan dalam membangunkan sosioekonomi masyarakat minoriti Muslim di Thailand. Keunikan wakaf ini sangat relevan dalam memperkasakan keperluan hidup beragama Islam di negara yang penduduknya majoriti beragama Buddha. Sistem wakaf juga telah berjaya menyatukan hati masyarakat Muslim berpusatkan masjid dalam membina sebuah komuniti yang bersatu.



Seminar wakaf ASEAN, 13 Oktober 2016




3rd International Muamalat and Entreprenuership Conference (IMEC 3)

## International Muamalat and Entreprenuership Conference (IMEC 3)

Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI) USIM dan Sekretariat Konvensyen Keusahawanan Islam Kali ke-12 (iCEPS12) buat julung kali bekerjasama dalam menganjurkan *"3rd International Muamalat and Entreprenuership Conference (IMEC 3)"* yang berlangsung dengan jayanya bertempat di The Everly Hotel, Putrajaya yang disempurnakan oleh Profesor Madya Dr. Jamal Abdul Nassir yang juga merupakan pengarah konvensyen iCEPS12.  Persidangan ini turut menerima penyertaan dari beberapa negara luar seperti Brunei, India, Jordan dan Bangladesh di samping penyertaan dari institusi-institusi tempatan.

Penganjuran Persidangan Bagi Tahun 2016

| Fakulti | Nama Seminar | Tarikh |
|---|---|---|
| Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) | PEKS 2.0 2016 | 18-19 Januari 2016 |
| | MASEC 2016 | 6-7 Mei 2016 2016 |
| | Intelectual Kalam Seminar | 2 Disember 2016 |
| | Seminar Agama Wadh'ie Dan Peraturan Dalam Pelbagai Agama | 16 Disember 2016 |
| | Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah Dan Agama 2016 (SIGMA16) | 23 Disember 2016 |
| Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) | SEADAT 2016 | 18-19 April 2016 |
| | Seminar Kebangsaan Transformasi Pengurusan Harta Pusaka Di Malaysia 2016 (SKPTM 2016) | 22 September 2016 |
| | WCOIS 2016 (Dengan kerjasama ISI & FST) | 5-7 Disember 2016 |
| Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) | Seminar Manuskrip & Sejarah Melayu Peringkat Antarabangsa Kali-1 Tahun 2016 | 27-28 April 2016 |
| | SWAN 2016 | 4-5 Oktober 2016 |
| Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) | 7th IBAF 2016 | 29-31 Mei 2016 |
| | Seminar Belia Dan keusahawanan (SEBU2016) (Dengan kerjasama PPKS) | 24 Ogos 2016 |

| Fakulti | Nama Seminar | Tarikh |
|---|---|---|
| Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) | IECNA 2016 | 23-24 Ogos 2016 |
| | AAHES2016 | 17-20 Oktober 2016 |
| | 3rd I-Dent 2016 | 13-14 Ogos 2016 |
| | Fiqh Pergigian Nusantara 2016 | 22-23 Oktober 2016 |
| | 8th NDSSC 2016 | 14-15 Mei 2016 |
| Fakulti Sains Dan Teknologi (FST) | Seminar Fizik Gunaan 2016 (APHYS'16) | 25 September 2016 |
| | Seminar Keselamatan Dan Jaminan Maklumat (Is@S'16) | 23-24 September 2016 |
| | Seminar Matematik Kewangan (FIMACS'16) | 24 September 2016 |
| | Seminar Makanan Halal 2016 (HAFOS 9) | 24 September 2016 |
| | Seminar Teknologi Kimia Industri 2016 (ICHEMS'16) | 25 September 2016 |
| | Seminar Sains Aktuari & Pengurusan Risiko 2016 (ASRIM'16) | 25 September 2016 |
| | KOSIST 2016 | 21 Oktober 2016 |
| | 7th I-INOVA' 2016 | 21-23 Oktober 2016 |
| Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) | USIM 5th National Health Seminar | 8 Oktober 2016 |
| INFAD | Persidangan Fatwa Antarabangsa (I-Fatwa) | |
| IFWMI | Seminar Wakaf Pengajian Tinggi 2016 | |
| | Persidangan Keusahawanan Dan Muamalat Islam Kali Ke-3 (IMEC) | 3-4 Oktober 2016 |
| | Persidangan Perancangan Kewangan Islam Malaysia 2016 | 26-27 Oktober 2016 |
| | Persidangan Harta Islam Malaysia 2016 | 5-6 Disember 2016 |
| IHRAM | Seminar Transformasi Dan Penguatkuasaan Halal Negeri Sembilan 2016 | 21 September 2016 |
| | Seminar Standard Halal (Seminar on Halal Standards) | 22 September 2016 |
| | Seminar Halal Forensik | 25 Oktober 2016 |

| Fakulti | Nama Seminar | Tarikh |
|---|---|---|
| ACREDA | PREVENT 2016 | 9-10 Oktober 2016 |
| | Seminar Antarabangsa Pencegahan Dan Rawatan Pemulihan Dadah 2016 (PREVENT 2016) | 26-27 Oktober 2016 |
| Pusat Pengajian Siswazah (PPS) | 3MT | 3 Mac 2016 |
| GOAL CENTRE | ICEL2016 | 2-3 Jun 2016 |
| UREKA | Pertandingan Rekacipta Dan Inovasi Islam USIM 2016 (I-Reka 2016) Dengan Kerjasama PPP | 20 Mei 2016 |
| | Pertandingan Rekacipta Dan Inovasi Islam Peringkat Sekolah Menengah (Tunas Cipta 2016)" | 30 September-1 Oktober 2016 |
| Pusat Pengajian Teras (PPT) | Seminar Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) | 18 Ogos 2016 |
| | Seminar Tamadun, Etnik & Turath Islami (I-STET) 2016 | 3-4 Disember 2016 |
| Pusat Tamhidi | KONGSI'16 | 6 Oktober 2016 |
| PPPW | Muktamar Waqf Iqlimi Kali Ke-3 2016 | 13-14 Oktober 2016 |
| USIM Alamiyah | WICULS 2016 | 14-20 November 2016 |
| Jabatan Undang-Undang | Media Sosial Di Institusi Pendidikan Tinggi: Implikasi Dari Sudut Perundangan | 27 Oktober 2016 |

# Kursi Profesor

## Kursi Profesor Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali Berdaftar (YTI)-Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM)-Professorial Chair In Islamic Finance and Banking

Pada tahun ini USIM melalui Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) terus diberi kepercayaan oleh Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali Berdaftar (YTI) Permodalan Nasional Berhad untuk melanjutkan kesinambungan Kursi Akademik Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali Berdaftar (YTI) *Professorial Chair In Islamic Finance and Banking*. Ia dimanifestasikan melalui rangkaian jaringan yang meluas sama ada di peringkat glokal mahupun global. Keterbukaan, kegigihan, semangat dan kerjasama di antara tiga pihak; pelajar, pensyarah dan pihak pengurusan, telah membuahkan hasil siri kejayaan yang bukan sahaja berpaut kepada anjakan paradigma, bahkan digarap juga nilai-nilai murni yang berteraskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli.

Kursi ini diletakkan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat untuk berkongsi tenaga kerja, kepakaran dan fasiliti dalam menjalankan penyelidikan. Antara objektif kursi ini ialah bagi memperkayakan khazanah hasil penyelidikan serta penerbitan dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam seterusnya dimanfaatkan demi kepentingan pembangunan negara secara amnya.

Memorandum Perjanjian (MoA) yang telah dimeterai bermula pada 25 Oktober 2012 (diluluskan pelanjutannya oleh YTI PNB sehingga 24 Oktober 2017) antara Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali Berdaftar dengan USIM telah menyaksikan pemilihan YBhg. Dr. Zamir Iqbal (Ketua Pusat Pembangunan Bank Dunia Kewangan Islam Global di Istanbul, Turki) sebagai Penyandang Kursi yang pertama. Selepas itu, Kursi ini disandang oleh YBhg. Profesor Dr. Mohammed Obaidullah yang merupakan pakar ekonomi dan latihan di *Islamic Research and Training Institute (IRTI)* yang berpusat di Jeddah, Arab Saudi.

Tahun 2016 menyaksikan pelantikan baharu penyandang ketiga, seorang tokoh terulung kewangan Islam negara iaitu YBhg. Datuk Dr. Mohamad Daud Bakar. Beliau merupakan teraju utama syarikat Kumpulan Amanie Sdn. Bhd. dan juga sedang berkhidmat sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara Malaysia.

YBhg. Datuk Dr. Mohamad Daud Bakar telah menjalankan tanggungjawab cemerlang sepanjang tahun 2016 dalam mengetuai penyelidikan memberikan kuliah jemputan, bengkel dan seminar untuk program sarjana dan doktor falsafah di universiti, menjalankan kerja perundingan dalam bidang kepakaran yang dipersetujui bersama, menghasilkan karya suntingan asli melalui penerbitan selain melebarluaskan jaringan antarabangsa demi mengharumkan nama kedua-dua buah institusi ini dan negara secara amnya.

Antara aktiviti yang berimpak tinggi melibatkan penyandang selaku Pengucaptama ialah Seminar *Islamic Banking, Accounting and Finance* Kali ke–7 (7th iBAF) 2016. Seminar yang bertemakan *Towards a Vibrant Social Finance for a Sustainable Banking And Financial System* berjaya dilaksanakan selama tiga hari bermula pada 29 Mei hingga 31 Mei 2016 di Hotel Equatorial, Melaka.





## Kursi-UNESCO in Futures Studies

Tahun 2016 juga menyaksikan USIM telah diberi pengiktirafan peringkat global oleh *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) untuk menubuhkan satu Kursi Profesor. Pada 8 Jun 2016 satu perjanjian telah dimeterai antara UNESCO dengan USIM bagi penubuhan Kursi-*UNESCO in Futures Studies*.

Tujuan utama penubuhan Kursi-*UNESCO in Futures Studies* ini adalah untuk menggalakkan penyebaran ilmu berkaitan *Futures Studies* di samping meningkatkan kegiatan akademik yang bermutu serta merancakkan peluang penyelidikan dan inovasi. Penubuhan Kursi-UNESCO ini juga dapat melonjakan nama universiti ke persada global. Tujuan utama penubuhan Kursi-*UNESCO Chair in Futures Studies* adalah untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran antara penyandang Kursi dalam bidang kepakaran beliau dalam *Futures Studies* khususnya dalam Sains Islam yang boleh merencana hasrat USIM dalam mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli.

Profesor Sohail Inayatullah telah dilantik sebagai penyandang Kursi UNESCO Chair in Futures Studies di USIM pada 19 September 2016. Kursi UNESCO beroperasi di bawah Institut Sains Islam (ISI) USIM. *Political Scientist* di Tamkang University, Taipei *(Graduate Institute of Futures Studies), Mt.Eliza Executive Education* di Melbourne Business School dan *Adjuct Professor* di University of The Sunshine Coast *(Faculty of Social Sciences and Business).*

Antara aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2016 adalah:

| | |
|---|---|
| Post Summit Workshop For Young Muslim Student Leaders | Bengkel yang bertemakan Futures Thinking and Strategy Development telah diadakan pada 18-20 November 2016 di AKEPT Negeri Sembilan. Seramai 26 pelajar universiti dari Malaysia, Indonesia, Brunei, Bangladesh, Nigeria dan Tanzania telah menyertai bengkel ini. Penyertaan ditaja oleh Yayasan Bank Rakyat di bawah Projek Kampung Mizan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) |
| Transforming Cities 2030- Creating Preferable Futures Through Strategic Foresight. | Bengkel telah dianjurkan pada 16-17 November 2016 di Johor Bahru oleh ThinkCity telah menaja 3 peserta dari USIM. Prof Sohail ialah salah seorang penceramah jemputan bengkel tersebut. |
| Foresight and Innovation Policy Joint Workshop | Bengkel Foresight and Innovation Policy bersama COMSATS Institute of Information Technology, Islamabad (CIIT) telah diadakan pada bulan Ogos 2016. |

## Malaysian Research Asessment (MyRA)

MyRA merupakan instrumen yang diguna pakai oleh semua IPT di Malaysia untuk mengukur tahap pencapaian dan kekuatan penyelidikan dan inovasi di IPT. Kemasukan data dibuat melalui sistem e-MyRA, serta perlu kepada dokumen sokongan yang sah dan tepat mengikut tafsiran glosari MyRA.

Pada tahun 2016, USIM telah berjaya mencapai tiga bintang, berbanding dua bintang pada tahun sebelumnya. Peningkatan prestasi ini merupakan hasil kerjasama dan komitmen semua pihak termasuk Pengurusan Tertinggi Universiti, kakitangan akademik, kumpulan *Task Force MyRA* USIM, pemilik data, urus setia (PPP) serta disokong oleh beberapa pembangunan sistem yang relevan seperti sistem Al-Bahtiyyah (sistem penyelidikan), AMV (kewangan), Munazzim (Staf), Al-Aliyah (prasiswazah) Al-Uluya (*postgraduate*) dan E-Akademik (pensyarah).



Majlis penyampaian watikah lantikan taskforce MyRA USIM

# Jaringan Kerjasama MoU dan MoA

Pada Tahun 2016 jalinan kerjasama strategik USIM diperkembangkan lagi dengan pelbagai institusi dalam dan luar negara melalui pemeteraian *Memorandum of Understanding* (MoU) dan *Memorandum of Agreement* (MoA). Jalinan kerjasama ini menyaksikan perancangan strategik USIM dalam menerokai peluang di peringkat serantau dan gobal semakin berkembang meliputi kawasan-kawasan yang belum dicapai sebelum ini. Jadual 2.1.

Kerjasama antarabangsa juga tidak kurang rancaknya. Sehingga kini, lebih sepuluh  institusi antarabangsa berjaya ditembusi USIM bagi menjalinkan kerjasama bermula dengan negara serantau Indonesia sehingga ke Tanzania, United Kingdom, Korea Selatan dan Turki.

Jalinan kerjasama USIM dengan institusi antarabangsa lain tidak terhad kepada kerjasama MoA dan MoU sahaja. USIM turut menandatangani *Letter of Intent (LoI)* dengan institusi antarabangsa lain.

| Perkara | Bilangan |
|---|---|
| MoA Antarabangsa | 15 |
| MoU Antarabangsa | 23 |
| MoA Tempatan | 12 |
| MoU Tempatan | 14 |
| Jumlah | 64 |

Jadual 2.1: Statistik MoA dan MoU Antarabangsa dan Dalam Negara











# Laporan Harta Intelek

## Pengkomersilan Produk Penyelidikan USIM

Pengkomersilan produk di USIM masih di peringkat pra pengkomersilan iaitu usaha untuk menambah baik hasil penyelidikan bagi memastikan inovasi produk-produk penyelidikan ini dapat memenuhi keperluan industri. Tugasan mengkomersilkan produk penyelidikan ini diterajui oleh Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat (PIJIM) bersama dengan USIM Tijarah Holdings Sdn Bhd. Perbincangan yang berterusan dengan pihak industri yang berkenaan sentiasa dilakukan bagi memastikan usaha pengkomersilan produk USIM dapat dilaksanakan. Jadual 2.2.

Salah satu contoh produk yang sedang dalam proses pra pengkomersilan ialah produk baju HURMA yang dihasilkan oleh penyelidik dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK). Sebanyak 20 pasang baju HURMA telah diserahkan kepada Hospital Langkawi dan 30 pasang baju Hurma telah dihantar ke hospital swasta di Kampung Baru Kuala Lumpur untuk percubaan pada 13 April 2016. Hasil maklum balas dari pihak Hospital Langkawi, PIJIM telah menempah semula produk yang telah ditambah baik sebanyak 30 unit dan akan dihantar semula untuk percubaan kali kedua.

Jadual 2.2: IP Produk USIM bagi Tahun 2016

| Jenis IP | Jumlah |
|---|---|
| HAKCIPTA (Copyright-Voluntary Notification) | 29 |
| PATEN (Patent) | 1 |
| REKABENTUK INDUSTRI (Industrial Design) | 4 |
| Jumlah Keseluruhan | 34 |

Senarai Produk Yang Didaftarkan Harta Intelek Bagi Tahun 2016

| Bil | Nama Pecipta | Nama Produk | Jenis Produk |
|---|---|---|---|
| 1. | Dr. Mohamed Akhiruddin Ibrahim | Interactive Courseware : Quranic Verses On The Integration of Naqli And Aqli Knowledge | Copyright-Voluntary Notification |
| 2. | Dr. Nazatul Sabariah Bt. Ahmad | Dental Age Determinants (DAD) Database | Copyright-Voluntary Notification |
| 3. | Dr. Abdul Rahman Bin Hassan | Chicken Eggshells (Ches) Membrane For Separation Proteins | Copyright-Voluntary Notification |
| 4. | Prof. Dr. Madihah Mohd Saudi | Imready | Copyright-Voluntary Notification |
| 5. | Dr. Mahyuddin Bin Hashim | Data Iqra' Braille | Copyright-Voluntary Notification |
| 6. | Dr. Mohd Fazli Bin Marhussin | International Office Information System (Iois) | Copyright-Voluntary Notification |
| 7. | Dr. Noornajihan Jaffar | Perisian Interaktif Audio Buku Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan (I-Talk PISKEB) Tahun 1 Bagi OKU Penglihatan | Copyright-Voluntary Notification |
| 8. | Dr. Noornajihan Jaffar | Perisian Interaktif Audio Buku Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan (I-Talk PISKEB) Tahun 2 Bagi OKU Penglihatan | Copyright-Voluntary Notification |
| 9. | Dr. Noornajihan Jaffar | Perisian Interaktif Audio Buku Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan (I-Talk PISKEB) Tahun 3 Bagi OKU Penglihatan | Copyright-Voluntary Notification |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10. | Dr. Noornajihan Jaffar | Perisian Interaktif Audio Buku Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan (I-Talk PISKEB) Tahun 4 Bagi OKU Penglihatan | Copyright-Voluntary Notification |
| 11. | Dr. Noornajihan Jaffar | Perisian Interaktif Audio Buku Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan (I-Talk PISKEB) Tahun 5 Bagi OKU Penglihatan | Copyright-Voluntary Notification |
| 12. | Dr. Noornajihan Jaffar | Perisian Interaktif Audio Buku Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan (I-Talk PISKEB) Tahun 6 Bagi OKU Penglihatan | Copyright-Voluntary Notification |
| 13. | Prof. Dr. Madihah Mohd Saudi | A New Mobile Malware Classification For Sms Exploitation (mMatch) | Copyright-Voluntary Notification |
| 14. | Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus | Resource Architecture In The Virtual Digital Learning (RAVD) | Copyright-Voluntary Notification |
| 15. | Prof. Madya Dr. Madihah Mohd Saudi | Malaysian Journal Of Science, Health And Technology (MJoSHT) Management System | Copyright-Voluntary Notification |
| 16. | Dr. Noor Saazai Mat Saad | E-PRASMO : An Online Solution For Supervision | Copyright-Voluntary Notification |
| 17. | Cik Muslimah Binti Ithnin | Adverse Drug Reaction-Severity Assessment Tool Application | Copyright-Voluntary Notification |
| 18. | Cik Muslimah Binti Ithnin | Adverse Drug Reaction-Causality Assessment Tool Application | Copyright-Voluntary Notification |
| 19. | Cik Muslimah Binti Ithnin | Adverse Drug Reaction-Preventability Assessment Tool Application | Copyright-Voluntary Notification |
| 20 | Dr. Fariza Puteh Behak | Online Multiliteracies Project Approach (e-MULPA) | Copyright-Voluntary Notification |
| 21. | En. Hamadallah Bin Mohammad Salleh | Hamoody : Permainan Kad Flash | Copyright-Voluntary Notification |
| 22. | Dr. Amin Al Haadi Bin Shafie | Modul Intervensi Kaunseling Kelompok Intervensi Tingkah Laku Kognitif Dalam Membantu Mangsa Buli Di Sekolah (Modul Al Haadii) | Copyright-Voluntary Notification |
| 23. | Prof. Madya Dr. Azman Ab Rahman | Global Zakat Game (GZakatG) Bijak Zakat | Copyright-Voluntary Notification |
| 24. | Prof. Madya Dr. Alina Binti Abdul Rahim | Elnotea | Copyright-Voluntary Notification |
| 25. | Dr. Mohammad Najib Jaffar | E-Thesis | Copyright-Voluntary Notification |
| 26. | Prof. Madya Dr. Azman Ab Rahman | Model Penganjuran Pertandingan Sukan Dan Peraduan Patuh Syariah | Copyright-Voluntary Notification |
| 27. | Prof. Madya Dr. Madihah Mohd Saudi | Outcome-Based Education (OBE) And Course Outline Management System | Copyright-Voluntary Notification |
| 28. | Dr. Nurkhamimi Bin Zainuddin | Pedagogical Design Framework For Foreign Language Open Online Course (FLOOC) | Copyright-Voluntary Notification |
| 29. | Dr. Najwa Hayaati Mohd Alwi | Self Instructional Module Template (SIMPLE) | Copyright-Voluntary Notification |
| 30. | Dr. Norlela Binti Yacob | A Copy Denture Box | Industrial Design |
| 31. | Dr. Haslinda Binti Ramli | X-Dent Box | Industrial Design |
| 32. | Prof. Madya Dr. Ahmad Najib Bin Azmi | Mobile Intravenous Drip (MIV) | Industrial Design |
| 33. | Dr. Mohd Dzulkhairi Mohd Rani | JVP Ruler | Industrial Design |
| 34. | Pn. Syahidawati Hj. Shahwan | An Interactive Islamic Financial Management Apparatus And A Method Thereof | Patent |

# Bahagian Penerbitan

## Penerbitan Buku

Setiap tahun, Penerbit USIM berusaha untuk memastikan kelestarian penerbitan dapat terus ditingkatkan dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Pada tahun 2016, Penerbit USIM telah menerbitkan pelbagai genre buku termasuk buku teks, modul, prosiding dan buku umum. Sebanyak 50 judul buku ilmiah telah berjaya diterbitkan pada tahun ini melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 45 judul. Secara keseluruhannya Penerbit USIM telah menerbitkan 74 judul buku dalam pelbagai genre. Selain daripada menerbitkan judul baharu, Penerbit USIM juga telah mengulang cetak 12 judul buku berdasarkan permintaan pasaran yang baik.

## Kerjasama Antarabangsa

Penerbit USIM turut mengadakan kerjasama penerbitan bersama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bagi dua buah buku. Judul pertama ialah *Pembiayaan dan Pembangunan Wakaf dalam Melestarikan Ekonomi Islam : Cabaran dan Prospek Masa Hadapan*. Buku ini merupakan hasil gabungan penulisan dari USIM iaitu Prof. Dato' Dr Hj. Mohamad Alias, Dr. Asma' Abd Rahman dan Dr. Fuadah Johari. Manakala dari KUPU SB adalah Dayang Waiduri Mohammad Ali dan Dayang Rosni@ Aisyah Radhiah Gani. Judul buku kedua pula ialah *Sumbangan dan Cabaran Ahli Sunnah Wal Jamaa'ah di Alam Melayu* hasil tulisan Prof. Madya Dr Muhammad Yusuf Khalid, Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo dan Mohd Muslihuddin Syah Haji Mustafa.







Buku-buku ini telah dilancarkan ketika Pesta Buku Antarabangsa Brunei yang berlangsung pada 26 Februari-6 Mac 2016 di Kompleks Dewan Serba Guna Stadium Hassanal Bolkiah Barakas. Pelancaran ini disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi b. Hj Mohd Yussof; Menteri Kebudayaan, Belia & Sukan, Brunei dan turut dihadiri Prof. Dato' Dr Mustafa Mohd Hanefah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Majlis pelancaran ini turut mendapat liputan media cetak Brunei dan ini menjadi *return of investment* (ROI) Penerbit USIM dalam kerjasama penerbitan ini.

## Pencapaian dan Anugerah

Pada 2016 juga, Penerbit USIM telah menerima Anugerah Buku Kaunseling Terbaik bagi buku *Nurturing A Balanced Person The Leadership Challenge* di Anugerah Buku Negara 2016 anjuran Yayasan Buku Negara. Buku ini merupakan hasil tulisan Tan Sri Dzulkifli Abd Razak.




Penerbit USIM juga turut mengorak langkah dengan menjalin kerjasama dengan pelbagai institusi kerajaan dan swasta bagi membawa jenama USIM di peringkat global selari dengan hasrat Universiti untuk mencapai USIM '16 dan USIM '25. Pada 2016 Penerbit USIM telah menandatangani tiga memorandum persefahaman (MoA) dengan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Perbadanan Kota Buku (PKB) dan PT Remaja Rosdakarya, Indonesia.

Antara MoA yang paling signifikan adalah MoA yang ditandatangani bersama PT Remaja Rosdakarya, Indonesia iaitu persetujuan PT Remaja Rosdakarya membeli hak cipta buku terbitan USIM untuk diterjemahkan ke bahasa Indonesia, diterbit dan dipasarkan di Indonesia. Buku ini merupakan hasil tulisan Dr. Qais Faryadi yang berjudul *A Guide to Effective Teaching*.



Antara pencapaian lain yang telah dicapai oleh Penerbit USIM adalah dengan pelantikan Ketua Penerbit USIM iaitu Puan Hariza Yusof sebagai Duta Pesta Buku Frankfurt yang julung kali mempunyai wakil dari Malaysia. Pesta Buku Frankfurt telah berlangsung pada 19–23 Oktober 2016 di Messe, Frankfurt, Jerman. Hasil pelantikan ini telah memberi impak kepada Penerbit USIM iaitu mendapat tajaan daripada ITBM dan PKB berupa tajaan tiket kapal terbang dan penginapan. Selain itu, keberadaan Penerbit USIM diiktiraf di peringkat global.



**KUPU SB, USIM jointly publish two books**

Datin Paduka Dr Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil launching the publications

Group photo of KUPU SB and USIM officials

| Lyna Mohamad |

THE Religious Teachers University College of Seri Begawan (KUPU SB) yesterday officially added two new books into their list of publications - 'Pembiayaan dan Pembangunan Wakaf dalam Melestarikan Ekonomi Ummah: Cabaran dan Prospek Masa Hadapan' and 'Sumbangan dan Cabaran Ahli Sunnah Waljamaah di Alam Melayu'.

A joint publication with Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), the launching was officiated by a personal representative of the Minister of Culture Youth and Sports Datin Paduka Dr Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Jalil, Permanent Secretary at the Ministry of Culture, Youth and Sports shortly after she officiated the opening of the Book Fair Exhibition on behalf of the minister.

The launching took place at the KUPU SB booth at the book fair and saw the presence of the Acting Ra'es of KUPU SB Dr Haji Adanan bin Haji Besar and Deputy Vice Chancellor (Researcher & Innovation) of USIM, Professor Dato' Dr Mustafa Mohd Hanefah.

Aside from disseminating knowledge, the publication also aimed to share experience on how best to produce a good publication where the publication of these two books marked the first ever joint publication between the two universities with the objectives of enhancing publication and research cooperation between the two higher education institutions.

Ustaz Haji Md Syahiran bin Haji Md Sofian, one of KUPU SB officials involved in the publication, noted that the joint publication was written by several writers from both universities and initially the plan was to publish just one book but concluded with a two publications.

Challenges in the Malay world are discussed in these publications said Ustaz Haji Md Syahiran adding that with the country also facing religious deviation, the book is hoped to open up the minds of the public particularly students and researchers to best evaluate in sourcing out information and so forth.

To date, KUPU SB has close to 100 publications under its name and KUPU SB plans to improvise and upgrade its publication quality and at the same time resolve several issues arising from their publications to ensure that its runs smoothly and can also benefited members of the public.

Berita Majlis Pelancaran Buku dalam Akhbar Borneo Bulletin pada 28 Februari 2016.

# Makmal Penyelidikan

Pusat Kecemerlangan USIM iaitu Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) telah mendapat pengiktirafan ISO17025:2005 untuk makmal penyelidikannya daripada Jabatan Standards Malaysia di bawah bidang analisis Asid Nukleik berkuatkuasa pada 20 Julai 2016. ISO/IEC17025 International Standards for Laboratories adalah satu standard umum bagi kecekapan pengujian dan pengurusan makmal yang digunakan untuk ujian dan kalibrasi makmal. Skop akreditasi adalah berkaitan ujian asid nukleik bagi pengesanan DNA khinzir melalui kaedah *real-time PCR* yang meliputi produk daging mentah dan daging separa proses.



S/N: 0073

STANDARDS MALAYSIA

Certificate of Accreditation

No: SAMM 779

Valid until: 20 July 2019

This is to certify that

INSTITUTE OF HALAL RESEARCH AND MANAGEMENT (IHRAM)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)
NILAI, NEGERI SEMBILAN
MALAYSIA
(FIELD OF TESTING: NUCLEIC ACID)

has been granted accreditation in respect of the scope of accreditation described in the SCHEDULE attached, subject to the terms and conditions governing the *Skim Akreditasi Makmal Malaysia* (SAMM), the Laboratory Accreditation Scheme of Malaysia.

*"This laboratory is accredited in accordance with the recognised International Standard ISO/IEC 17025:2005. This accreditation demonstrates technical competence for a defined scope and the operation of a laboratory quality management system (refer joint ISO-ILAC-IAF Communiqué dated January 2009)".*

Issuance of this certificate is governed by Section 16 Subsection (2) and (3) of Standards of Malaysia Act 1996, (Act 549).

(DATUK FADILAH BAHARIN)
Director-General
Department of Standards Malaysia

Date of Issue: 20 July 2016

Issuance of this Certificate is governed by Section 16 Subsections (2) and (3) of Standards of Malaysia Act, 1996 (Act 549)






PABM
PIDATO
ANTARABANGSA
BAHASA MELAYU
PIALA PERDANA MENTERI
PABM





# Teras 3

Universiti Sains Islam Malaysia

## Graduan yang Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang Melalui Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli



# Pendahuluan

Transisi mahasiswa USIM untuk menjadi seorang graduan yang memiliki keseimbangan aspek ilmu naqli dan aqli dapat direalisasikan dengan wujudnya sebuah kampus yang barakah. Ini kerana, sebagai sebuah universiti yang mengangkat martabat pelajar aliran agama, pusat pengajian menjadi pemangkin utama. Dalam usaha untuk mewujudkan sebuah kampus barakah, mahasiswa USIM perlu menerapkan nilai kendiri seperti ketambahan ilmu, keluhuran peribadi, kemurnian akhlak dan daya kepemimpinan. Oleh itu, Teras 3 ini akan memaparkan rentetan diari kejayaan yang dicapai oleh mahasiswa USIM hasil daripada penerapan nilai kendiri mahasiswa yang mana ianya telah menjadi salah satu nadi pembentukan sebuah kampus barakah.

"USIM berusaha dalam melahirkan graduan yang holistik dan seimbang dari segi rohani dan jasmani, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020"

YBhg.Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



# Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni sentiasa komited untuk menjadi platform utama kepada pelajar di semua peringkat pengajian untuk menerokai potensi diri masing-masing. Dengan berpaksikan Model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (GIINA) USIM yang meliputi 20 ciri graduan ia dijadikan fokus dalam membentuk dan merangka aktiviti-akitiviti kemahasiswaan. Justeru itu, kejayaan yang dikecapi sepanjang tahun 2016 akan terus diperkasakan dalam tahun-tahun mendatang.

Model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli USIM yang meliputi 20 ciri graduan merangkumi elemen holistik, berkeusahawanan dan seimbang. Model yang dibangunkan ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 Pendidikan Tinggi yang telah dilancarkan pada 7 April 2015 oleh YAB Dato' Sri Mohammad Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Model graduan ini akan bertindak sebagai hala tuju terkini pembangunan pelajar di USIM dan diyakini berupaya memenuhi aspirasi USIM untuk muncul sebagai peneraju integrasi ilmu naqli dan aqli di dunia menjelang 2025.

Selari dengan falsafah, visi, misi dan objektifnya, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengorak selangkah lagi ke hadapan dalam usaha melahirkan graduan kompetitif sebagai sebahagian daripada komitmen penting dan berterusannya untuk memenuhi keperluan modal insan negara, dengan memperkenalkan Model GIINA. Melalui model ini, setiap mahasiswa dipandu supaya terlibat dengan pelbagai aktiviti yang menggarap kemahiran serta mencerna sahsiah mereka sebagai modal insan berdaya saing dan berdaya maju pada masa akan datang meliputi 21 ciri-ciri seorang graduan merangkumi elemen holistik, berkeusahawanan dan seimbang. Ketiga-tiga elemen teras dalam model ini sangat selari dengan prinsip pembangunan modal insan dalam al-Quran dan Sunnah yang sentiasa menekankan aspek kesyumulan (holistik), keseimbangan dan nilai keusahawanan untuk mendidik sifat kebertanggungjawaban seorang insan, membentuk keperibadiannya sebagai sebaik-baik makhluk dan membina sistem atau kaedah terbaik dalam segala bentuk amalan dan tindakan, selari dengan peranannya sebagai khalifah dan hamba Allah SWT di muka bumi.

**Holistik**

1 Aktif Dalam Aktiviti Kepimpinan
2 Aktif Dalam Aktiviti Kesukarelawanan
3 Mencapai PNGK ≥ 3.0
4 Mencapai Tahap ≥ 3 MUET atau Setara
5 Mencapai Tahap ≥ IJLA/MUAT atau Setara
6 Mengikuti Pendedahan Bahasa Ketiga
7 Mencapai Mata Merit ≥ 20 dalam Transkrip Ko-Kurikulum
8 Aktif dalam Aktiviti Kesenian
9 Aktif dalam Aktiviti Pengantarabangsaan
10 Aktif dalam Aktiviti Sukan Sunnah
11 Melepasi Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan

**Seimbang**

12 Aktif dalam Liqa' Universiti
13 Aktif dalam Pengembaraan USIM GISO
14 Bebas daripada Hukuman Tatatertib
15 Aktif dalam Pengembaraan USIM GISO
16 Mendaftar sebagai Pemilih dengan Suruhanjaya Pilihanraya

**Berkeusahawanan**

17 Aktif dalam Aktiviti Keusahawanan
18 Aktif dalam Aktiviti Starting School dan Finishing School
19 Memperolehi Pekerjaan dalam Tempoh ≤ 6 Bulan
20 Berkeupayaan Menyediakan Kanvas Model Perniagaan
21 Aktif dalam Aktiviti Inovasi

Rajah 3.1: Model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli USIM

## Pencapaian Skor GIINA Kumpulan Graduan 2016

Semua pelajar yang bergraduasi pada tahun 2016 memperolehi Skor GIINA lebih daripada 25%. USIM telah menetapkan sasaran 100% graduan memperolehi Skor GIINA lebih daripada 50% dan ke atas. Pada peringkat awal pengenalan Skor GIINA, seramai 58.7% daripada graduan mencapai 50% daripada Skor GIINA dan ke atas. Rajah di bawah adalah hasil daripada keseluruhan Skor GIINA bagi Ijazah sarjana muda 2016.

Sejumlah 58.7% graduan yang mendaftar sebelum pelaksanaan Model GIINA berjaya mencapai 50% daripada Skor GIINA dan ke atas. Sesungguhnya pencapaian ini merupakan petunjuk bahawa Model GIINA adalah relevan dan boleh dicapai oleh graduan.




Rajah 3.2: Taburan Graf Skor GIINA Sarjana Muda (Keseluruhan)

## Kembara Giso Pacu Semangat Kesukarelawanan Antarabangsa

Dalam konteks institusi pengajian tinggi, pengembaraan ke luar negara berupaya melengkapkan diri mahasiswa dengan kemahiran insaniah yang tidak mungkin dapat diperoleh sepenuhnya melalui pembelajaran di dalam bilik kuliah. Pengalaman baharu yang diperolehi di luar sesi pengajaran dan pembelajaran terstruktur tersebut diyakini berkesan melunakkan nurani penuntut dalam kalangan anak muda yang lazimnya dikaitkan dengan kecenderungan untuk menonjolkan pendirian diri sendiri sekaligus dapat membina keperibadian mereka.

Memahami keperluan tersebut, USIM telah menggerakkan satu pelan penerokaan pengalaman baharu yang berstruktur melalui Pengembaraan *Global Islamic Students Outreach* atau akronimnya GISO bermula pada tahun 2011. Pengembaraan USIM GISO ini selari dengan Lonjakan 1 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) untuk melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan berkeusahawanan.

Pada tahun 2016, sejumlah 44 Pengembaraan USIM GISO melibatkan 948 pelajar telah berjaya dilaksanakan ke 12 buah negara di serata dunia. Selaras dengan pacuan daya keusahawanan dan semangat kesukarelawanan yang diterapkan melalui pengembaraan ini, tahun 2016 juga menyaksikan pelajar telah berupaya meminimumkan kebergantungan terhadap dana yang disumbangkan oleh USIM kepada kurang daripada sembilan peratus manakala selebihnya diusahakan oleh pelajar sendiri.

Aktiviti kesukarelawanan yang dilaksanakan melalui Pengembaraan USIM GISO ini terfokus kepada pemindahan dan perkongsian ilmu dan aktiviti tujahan antara pelajar dan komuniti setempat yang diziarahi dalam usaha menganjakkan kehidupan mereka ke tahap yang lebih baik dalam pelbagai aspek.

Antara aktiviti tujahan tersebut termasuklah penyediaan kemudahan sanitasi, pembelajaran membaca, menulis dan mengira, pengajaran asas fardu ain dan bacaan al-Quran, pengajaran bahasa Arab dan bahasa Inggeris, pembinaan perpustakaan mini, pemeriksaan dan khidmat nasihat kesihatan, terapi seni, pemprosesan baja kompos, silang budaya, pengajaran seni khat, pelaksanaan aktiviti qurban dan akikah, agihan pelbagai sumbangan, dan mempromosikan USIM sebagai institusi pengajian tinggi yang mengintegrasikan ilmu naqli dan ilmu aqli.

USIM meyakini bahawa manfaat daripada pengembaraan ini bukan sahaja diperolehi oleh komuniti setempat yang diziarahi, tetapi juga meninggalkan kesan mendalam terhadap jati diri pelajar itu sendiri. Pelajar akan menjadi lebih cenderung menghargai dan menginsafi apa yang telah disediakan untuk mereka dalam kampus khususnya dan persekitaran mereka amnya. Pengembaraan yang diikuti juga berupaya meningkatkan kesediaan mental pelajar untuk mempersiapkan diri dalam meneroka peluang kerjaya dan pengajian lanjutan di luar negara sekaligus mencipta jaringan alternatif kepada pelajar dalam meningkat kebolehdapatan pekerjaan di kalangan graduan sama ada di dalam atau di luar negara.

| Jumlah Pengembaraan | Negara Dilawati | Bilangan Wilayah | Bilangan Pelajar | Jumlah Kos (RM) | Jumlah Kos Ditanggung Universiti (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 44 | 10<br>Thailand<br>China<br>Indonesia<br>Australia<br>Korea<br>Filipina<br>Kemboja<br>Vietnam<br>Laos<br>Maldives | 16 | 948 | 1,510,715.00 | 142,500.00 |

Jadual 3.1: Ringkasan Pengembaraan USIM GISO Tahun 2016



Mahasiswa USIM yang mengikuti program kembara Rahmatan lil Alamin di Sydney pada 16 hingga 21 Ogos 2016 sedang menyediakan Mini Library.




Delegasi GISO Bergambar sebagai kenang-kenangan bersama Imam di Masjid Imaan di New South Wales, Sydney

## Jaringan Global Melalui i-GSN

Penjenamaan "Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli" ini telah membawa impak yang besar kepada USIM apabila mula dikenali dan diiktiraf di peringkat serantau dan global. Hasrat USIM untuk menjadi rujukan di peringkat serantau pada tahun 2016 telah tercapai menerusi aktiviti/program bersama institusi/agensi dari negara serantau dan global yang bertandang ke USIM untuk mengenali serta mempelajari pengintegrasian Ilmu Naqli dan Aqli ini. USIM telah menjadi institusi yang dihormati (*Respected*), dirujuk (*Referred*) dan relevan (*Relevant*). Kini, USIM mengorak langkah dan melebarkan sayapnya untuk menjadi sebuah universiti rujukan global berteraskan integrasi Ilmu Naqli dan Aqli menjelang tahun 2025.

USIM Alamiyyah telah menganjurkan pelbagai program sama ada secara *outbound* mahupun *inbound* dengan kerjasama pelbagai pihak. Program-program ini memaparkan kesungguhan USIM Alamiyah dalam membantu mencapai objektif USIM16 dan juga USIM 2025. Salah satu program yang berimpak tinggi yang dianjurkan oleh USIM Alamiyyah ialah program Islamic Global School Network (i-GSN). Program ini diwujudkan oleh USIM bagi memastikan *direct engagement* dilaksanakan kepada kelompok *feeder* antarabangsa ini melalui perkongsian maklumat mengenai universiti seperti brosur program pengajian serta bahan-bahan terbitan universiti yang disalurkan kepada mereka dari semasa ke semasa. Melalui *direct engagement* ini, USIM berharap agar ruang dan peluang melanjutkan pengajian peringkat tinggi sentiasa di hati pelajar-pelajar ini yang rata-ratanya terdiri daripada pelajar pengajian Islam dari pelbagai negara.

Semua sekolah dan kolej antarabangsa di bawah i-GSN menawarkan pengajian peringkat menengah yang setaraf dengan *GCE 'O' Level atau GCE 'A' Level* dan setaraf yang boleh diterima pakai mengikut senarai kelayakan pendidikan menengah yang digariskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Selain itu, pelajar-pelajar ini juga menepati syarat kelayakan masuk ke program pengajian USIM kerana mengambil aliran pengajian Islam dan subjek Bahasa Arab.

USIM i-GSN Jamboree 2016 telah diadakan pada 28 hingga 31 Mac 2016 dengan penyertaan seramai 48 orang pelajar dan enam orang guru dari Pondok Pesantren Darunnajah, Tangerang, Indonesia. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan secara holistik yang mencakupi pelbagai aspek iaitu akademik, kepemimpinan, sahsiah, rohani, sukan dan budaya.

Penglibatan pelajar USIM selaku rakan pendamping (*Buddies*) sepanjang program ini berlangsung telah membuka peluang interaksi silang budaya dalam menjalinkan ukhuwah dalam kalangan peserta. Secara khususnya, program ini telah dibahagikan kepada beberapa segmen seperti berikut:

- Program Akademik: Mengikuti kuliah, tutorial dan makmal bersama Buddies.
- Program Sahsiah dan Rohani: Melibatkan sesi tazkirah dan usrah sebelum dan selepas solat fardhu serta ceramah motivasi.
- Program Riadah: Aktiviti berbasikal bersama YBhg. Dato' Naib Canselor & Senamrobik.
- Aktiviti Budaya: Program integrasi budaya Malaysia dan Indonesia menerusi persembahan kumpulan. persembahan kumpulan.




Persembahan dikir barat oleh mahasiswa USIM

## Realisasi Entrepreneur Graduates di USIM

Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS) berperanan merealisasikan agenda nasional bagi melahirkan graduan bercirikan usahawan (*entrepreneurial graduates*) dan graduan usahawan (*entrepreneur graduates*). Fungsi PPKS adalah bagi menyokong ekosistem USIM dalam menggalakkan aktiviti keusahawanan siswa dengan menyediakan sokongan perkhidmatan dan perundingan kepada para pelajar yang berminat untuk menjadi usahawan. Ini selaras dengan aspirasi universiti dan negara bagi menghasilkan graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan seperti mana terkandung di dalam Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPMPT) 2015-2025.

Sehubungan itu, para pelajar juga digalakkan menyertai program-program keusahawanan yang berbentuk pertandingan Idea Perniagaan (*Business Idea*), Simulasi Perniagaan, aktiviti keusahawanan sosial (ENACTUS), usahawan tani (MyAgrosis), serta menjadi ahli Sekretariat Latihan Keusahawanan Siswa (SeLKS) untuk mencungkil potensi pelajar dalam bidang keusahawanan.

Antara program keusahawanan yang telah dilaksanakan ialah:

| Bil | Nama Program | Ringkasan |
|---|---|---|
| 1 | Positive Habit Aspire Transformation (PHAT) | Projek ini dikendalikan oleh ahli ENACTUS Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Projek ini bertujuan membantu golongan yang memerlukan melalui kaedah pengurusan kewangan yang cekap agar dapat memberi pendapatan yang berterusan kepada golongan sasaran. Kaedah yang dilaksanakan ialah memberi kesedaran, membantu, membimbing, mengajar dan memantau kelancaran golongan sasaran menguruskan kewangan mereka sendiri dengan cekap. |
| 2 | Program Konsolidasi Patriotisme Ekonomi Bumiputra | Program ini merupakan satu wadah yang bertujuan memberi kefahaman dan kesedaran serta menerapkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar IPT. Pelajar yang mengikuti program ini diharapkan dapat meningkatkan penglibatan mereka dalam sektor perniagaan. |
| 3 | Program Inkubator Jahitan Usahawan Siswa | Projek ini telah mendapat bantuan dana daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebanyak RM 60,000.00. Terdapat tiga modul yang akan ditawarkan kepada peserta menerusi projek ini iaitu Modul Kemahiran Menjahit, Modul Pemasaran dan Modul Inovasi. |
| 4 | Siswapreneur @ PPRN | Program ini adalah gabungan program perantis EKS siswazah dengan Public-Private Research Network (PPRN). Ia berasaskan Modul Keusahawanan dan Kajian Kes yang melibatkan seramai 40 orang pelajar dan 8 orang penyelia sepanjang 2 bulan program dijalankan. Program ini bertujuan mengenal pasti masalah perniagaan di samping meningkatkan keupayaan perniagaan dan kapasiti pengeluaran syarikat EKS serta memberi pendedahan kepada pihak PKS@PPRN berkenaan amalan/teori/teknologi/aplikasi terkini yang digunakan oleh industri masa kini. |
| 5 | Global Entrepreneurship Staff Outreach (GESO) Guangzhou, China. | Program ini dilaksanakan untuk menerapkan dan memantapkan nilai-nilai keusahawanan dalam kalangan staf PPKS khususnya bagi membolehkan staf USIM mengaplikasikan pengetahuan dan pengalaman berkenaan aktiviti keusahawanan yang dijalankan di USIM.<br>Selain itu, ia membuka peluang kepada staf USIM mengenai peluang-peluang perniagaan. |



Projek Usahawan Tani

## USIM Juara Debat Ihtifal IPT Asean

Program debat di Institusi Pengajian Tinggi telah memberi laluan kepada mahasiswa untuk melontar idea terhadap isu yang diutarakan. Selain itu, perdebatan yang sengit membantu mempertajamkan hasil pembicaraan antara kumpulan yang bertanding. Setiap permasalahan serta isu yang dibangkitkan dapat dibincangkan secara bersama-sama dalam usaha merungkai sesuatu masalah. Dalam hal



Lensa Utusan Malaysia mengenai program GABEM yang diadakan di USIM Program Konsolidasi Patriotisme Ekonomi Bumiputra

ini, mahasiswa berupaya untuk menganalisa masalah tersebut, menyampaikan fakta dan turut terinspirasi untuk menyampaikan pendapat. Sepanjang tahun 2016, pencapaian tertinggi Kelab Debat USIM ialah apabila berjaya menjuarai debat Bahasa Arab di Ihtifal IPT ASEAN setelah mengalahkan pasukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan tajuk yang didebatkan iaitu Memberikan Kerusi Tetap Majlis Keselamatan PBB kepada Negara ASEAN adalah Lebih Baik. Penganjuran Debat IHTIFAL IPT ASEAN 2016 dari 14-18 April 2016 memperlihatkan penyertaan yang begitu menggalakkan daripada universiti-universiti di rantau Asia. Sebanyak 25 buah universiti menyertai pertandingan kali ini termasuk sembilan universiti daripada Indonesia dan Brunei.

## USIM Street Dakwah Sebagai Manhaj Dakwah Kampus

Dakwah kampus merupakan sebahagian daripada aktiviti amal yang bersifat terbuka dan berorientasi kepada kuliah luar, berdiskusi, berdialog dan berinteraksi dengan orang ramai. Oleh itu, Pusat Kebudayaan USIM telah mengangkat aktiviti dakwah kampus melalui program USIM *Street Dakwah* (*USD*) sebagai aktiviti yang telah memberi impak tinggi pada tahun 2016. Ini kerana program *USD* telah mendapat respon positif pelbagai pihak. Statistik menunjukkan sebanyak 90% bersetuju dengan keunikan dan konsep *Islamic sharing knowledge* yang disampaikan dalam bentuk yang santai kepada masyarakat. Namun, apa yang lebih membanggakan lagi, program *USD*



**MUSA AHMAD (berdiri, tujuh dari kanan) dan Hassan Mohd. Noor bersama peserta program USIM Street Dakwah menunjukkan replika cek hasil kutipan program tersebut di pusat beli-belah Alamanda, Putrajaya, kelmarin. - UTUSAN/RASHID MAHFOF**

### USIM Street Dakwah berjaya capai objektif

**PUTRAJAYA 4 Dis.** - Program Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Street Dakwah menutup tirai siri jelajahnya tahun ini dengan penuh bermakna apabila berjaya mengumpul dana sumbangan orang ramai sebanyak RM43,720.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, kempen beramal sambil berhibur itu berjaya mencapai objektifnya untuk mengumpulkan sumbangan untuk pesakit kanser kanak-kanak di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Beliau berkata, USIM Street Dakwah anjuran Pusat Kebudayaan USIM sentiasa mendapat sokongan universiti dan konsep berhibur sambil beramal itu ternyata kena dengan 'selera' orang muda selain dapat menyampaikan mesej-mesej Islam.

"Saya berharap program seumpama ini akan diteruskan pada masa akan datang kerana banyak memberi manfaat, selain dapat mengumpul dana kita juga berjaya menyampaikan mesej-mesej Islam melalui konsep berhibur sambil beramal.

"Saya amat menyokong USIM Street Dakwah memilih konsep beramal sambil berhibur dengan mengetengahkan muzik *busking*. Muzik ini mudah menambat hati pelbagai masyarakat," katanya ketika berucap menutup siri jelajah USIM Street Dakwah di sini semalam.

Yang hadir sama, Penolong Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Hassan Mohd. Noor.

USIM Street Dakwah anjuran bersama Kumpulan Ibu Bapa dan Sokongan Anak-anak Kanser HKL itu turut mendapat tajaan daripada Kumpulan Utusan, Pusat Kanser Kanak-Kanak HKL, pusat beli-belah Alamanda, Kelab Honda Accord Malaysia dan Kelab Honda City Sixgen Malaysia.

Keratan akhbar Utusan Malaysia pada 2 MEI 2016

telah berjaya mengutip dana bagi membantu pesakit kanser hasil kerjasama dengan Hospital Kuala Lumpur (HKL) hingga telah berjaya mengumpul sejumlah RM43, 720.23 menerusi sumbangan orang awam dan persembahan *busking*.

Selain itu, *USD* telah berjaya membentuk Kemahiran Insaniah (KI) dalam kalangan mahasiswa. Ini kerana sebanyak 53.85% mahasiswa berjaya meningkatkan kemahiran kepemimpinan mereka. Di samping itu, proses pembelajaran yang berterusan dan pengurusan maklumat juga dapat ditingkatkan sebanyak 50% menerusi program *USD*. Dalam hal lain, program *USD* ini berjaya membentuk mahasiswa untuk memiliki kemahiran keusahawanan sebanyak 46.15% yang mana selari dengan konsep GIINA yang diperkenalkan oleh USIM untuk memandu mahasiswa mempunyai daya keusahawanan.

Lebih menarik lagi, hasil daripada program *USD* yang berterusan ini telah berjaya membina jaringan bersama rakan strategik seperti Kumpulan Ibu Bapa dan sokongan Anak-anak Kanser Kuala Lumpur, Utusan Malaysia Sdn. Bhd, Pusat Beli Belah Alamanda Putrajaya, Pusat Beli Belah Palm Mall, Seremban dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

## Produk Seni Patuh Syariah

Pusat Kebudayaan mengambil langkah proaktif dalam mengusahakan inisiatif-inisiatif untuk memperkasakan keusahawanan pelajar dan staf USIM melalui produk kesenian dengan meneroka serta menginovasikan perancangan dan pelan tindakan. Selain itu, produk seni yang dihasilkan juga berupaya mencipta peluang keusahawanan dan *role as key player* di peringkat serantau dan antarabangsa untuk membina imej sebagai Peneraju Seni Berbudaya dengan mewujudkan produk seni

| No | Nama Program | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | USIM Street Dakwah @ Hari Kanser Sedunia | Hospital Kuala Lumpur | 4 Februari 2016 |
| 2 | USIM Street Dakwah@ Alamanda | Alamanda Putrajaya | 19 Mac 2106 |
| 3 | USIM Street Dakwah@ HKL Kids Cancer | Alamanda, Putrajaya (Majlis Pelancaran) | 30 April 2016 |
| 4 | USIM Street Dakwah@ Palm Mall Seremban | Palm Mall Seremban | 25 -26 Ogos 2016 |
| 5 | USIM Street Dakwah@ Festival Ambang Merdeka | SACC Mall Shah Alam Selangor | 27 Ogos 2016 |
| 6 | USIM Street Dakwah @ Kembara Patriotik ETS | Alor Setar Kedah | 31 Ogos- 1 September 2016 |
| 7 | USIM Street Dakwah@ Alamanda | Alamanda Putrajaya | 3 Disember 2016 |

Siri Jelajah USD 2016

yang berkualiti. Produk seni ini juga telah mendapatkan sokongan industri dalam merealisasi dan melonjak usaha mempromosikan produk-produk seni pelajar ke arah yang lebih Islamik, patuh syariah dan berkonsepkan pendekatan kontemporari dan menepati kehendak pasaran.

Dua jenis produk seni yang dihasilkan ialah persembahan seni dan penerbitan seni seperti:

1. Persembahan Seni
   Pusat Kebudayaan turut menawarkan perkhidmatan persembahan seni seperti persembahan dikir barat, vokal, nasyid, tarian tradisi, muzik akustik, cak lempong, qasidah, selawat, bacaan doa bertaranum, perkusi tradisi dan kontemporari, muzik paluan dan lain-lain persembahan seni yang sesuai dan patuh syariah.


USIM PERKASA PRODUK SENI

KERJASAMA PENGGIAT SENI

Dilantik sebagai Karyawan Seni USIM untuk promosi produk

Keratan akhbar mengenai kerjasama Pusat Kebudayaan dan Harian Metro disiarkan pada 4 April 2016

2. Penerbitan Seni
   Pusat Kebudayaan mempunyai beberapa produk penerbitan untuk dikongsi bersama masyarakat. Produk penerbitan ini berbentuk:
   - Buku International Seminar of Arts in Human Development in Modern Era 2015 (INSART)
   - Album Qasidah Kontemporari Bushra Lana
   - Album Lagu Melayu Asli
   - Buku puisi Islamik, Garizahku Buat Maharani
   - Buku Gema Puisi Maal Hijrah
   - Buku Komik Apojolah (karya kreatif)
   - Penulisan khat

Selain itu, Pusat Kebudayaan juga menyediakan program berbentuk pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran dan kefahaman masyarakat berkaitan seni. Program ini dijalankan dengan penganjuran seperti kursus/ bengkel seni vokal, seni teater, seni khat, seni lukis, seni tari tradisional, dan lain-lain bidang seni yang sesuai dan patuh syariah.

## Mahasiswa Cemerlang

USIM sangat menghargai sumbangan mahasiswa dan meyakini bahawa matlamat universiti akan tercapai melalui sokongan dan kejayaan yang ditonjolkan oleh mahasiswa. Kecemerlangan mahasiswa USIM bukan hanya diukur daripada perspektif akademik semata-mata bahkan juga bidang-bidang lain seperti keagamaan, seni, sukan dan kokurikulum, yang telah berjaya menaikkan imej cemerlang USIM.

## Akademik

- Anugerah Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan 2015 (Mohamad Husaini Mahmur), 23 April 2016
- Anugerah Sukarelawanan Kesejahteraan Komuniti Terbaik, Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan 2015 (Nur Ain Zakiah Md. Hazizi), 23 April 2016
- Anugerah Pemimpin Program Keusahawanan Terbaik, Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan 2015 (Iqlima Balqis Adham), 23 April 2016
- Mewakili Malaysia Ke Debat Siswa 2016, Brunei Darussalam (Muhammad Ikmal Jamaludin), 10 hingga 16 Oktober 2016
- Naib Juara Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu 2016 Peringkat Kebangsaan, 21 hingga 25 Mac 2016
- Juara Pidato Piala Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, 29 Februari 2016
- Juara Cabaran Debat Muda 2121 2016 Peringkat Kebangsaan, Universiti Teknologi Petronas, 01 hingga 04 April 2016
- Naib Juara Pertandingan Pidato 1 Malaysia Peringkat Daerah Seremban, 15 April 2016
- Juara Pertandingan Debat Bahasa Arab IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2016, 17 hingga 18 April 2016
- Naib Juara Pertandingan Debat Festival Bahasa Arab Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Universiti Malaya Kali Ke-3, 18 hingga 20 Mei 2016

## Keagamaan

- Naib Johan Pertandingan Tilawah Al-Quran IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2016 (Muhammad Ashraff Azman), 17 hingga 18 April 2016

## Ko-Kurikulum

- Anugerah Kadet Terbaik, Istiadat Pentauliahan DiRaja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Kali Ke-35, Universiti Malaya (Lt. Muda Muhammad Ajwad Alias), 20 Ogos 2016
- Anugerah Keseluruhan Terbaik Majlis Tamat Latihan dan Pentauliahan KOR SUKSIS Universiti Awam Semalaysia Kali Ke-12, Universiti Putra Malaysia (Nur Aina Mohd Wahid), 21 Ogos 2016
- Anugerah Kadet KOR SISPA Terbaik Majlis Pentauliahan dan Perhimpunan KOR SISPA Peringkat Kebangsaan Kali Ke-7, Universiti Pendidikan Sultan Idris (Ahmad Zulfitrie Anuar), 21 Ogos 2016

## Sukan

- Pingat Gangsa, Acara Olahraga 1500m Lelaki (Mustafe Rashid Ali), Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT), 25 Januari hingga 05 Februari 2016
- Pingat Gangsa, Acara Silat Olahraga Putra B (Muhammad Ali Imran Che Yashin), Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT), 25 Januari hingga 05 Februari 2016

Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia 2016, 20 hingga 27 Ogos 2016

- Pingat Gangsa-Acara Catur Individu Wanita (Zahidah Faqeehah Azmi)
- Pingat Gangsa-Acara Taekwando Welther Weight (Norul Fadillah Dzakituddin)
- Pingat Gangsa-Acara Taekwando Welther Weight (Fatin Ahza Rosli), (Nur Hidayah Rosman) dan (Nur Izni Nadhirah Muhamad Razali)

## Seni

- Anugerah Pelakon Wanita Harapan, Festival Teater Pendek Negeri Sembilan (Nor Adira Mualat Mohamad Noor), Hikayat Tanggang Balik Raya, 09 Januari 2016

- Johan Pertandingan Nasyid Institusi Pengajian Tinggi, Dimensi Cinta (Kumpulan Intracksee), 17 Mac 2016

- Naib Johan Pertandingan Dikir Barat Piala Dato' Mustapa Mohamed, Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia, Kumpulan Tabuh Pendeta, 30 April hingga 01 Mei 2016

- Anugerah Tok Juara Pertandingan Dikir Barat Piala Dato' Mustapa Mohamed, Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia, (Mohamad IkhwanSalleh), 30 April hingga 01 Mei 2016

- Naib Johan Pertandingan Nasyid IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2016, (Kumpulan Intracksee), 17 hingga 18 April 2016

- Lirik Terbaik Pertandingan Nasyid IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2016, (Kumpulan Intracksee), 17 hingga 18 April 2016

- Naib Johan Pertandingan Nasyid Peringkat Negeri Perak, (Kumpulan Intracksee), 15 Mei 2016

- Naib Johan Sayembara Puisi Kemerdekaan Negeri Johor (Muhammad Afiq Aminuddin), 28 hingga 30 September 2016

- Naib Johan Kategori Tradisi, Festival Nasyid Kebangsaan (Kumpulan Intracksee), 22 Oktober 2016









# Teras 4

Universiti Sains Islam Malaysia

## Governan dan Pembangunan Modal Insan yang Boleh Menarik dan Mengekalkan Bakat Terbaik Bersifat Global, Multi Bahasa dan Seimbang

“Ekosistem USIM sebagai Kampus Barakah sangat bergantung kepada kecemerlangan Governan dan Pengurusan Bakat yang terbaik dan berteraskan proses Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli”

Muhammad Haizuan Rozali
Pendaftar



# Governan Universiti

## Lembaga Pengarah Universiti

Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ialah badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti, serta menjalankan segala kuasa seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan USIM. Daripada segi komposisi, LPU dianggotai oleh 11 orang ahli yang dilantik oleh Menteri serta ahli-ahli ex-offio yang terdiri daripada Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari dan Penasihat Undang-undang.

Pada Tahun 2016, terdapat tiga orang ahli LPU USIM yang telah tamat tempoh keahlian dan penamatan ini digantikan dengan pelantikan ahli yang baharu. Penamatan dan pelantikan ini turut melibatkan jawatan utama dalam senarai keanggotaan LPU iaitu jawatan Pengerusi Lembaga. YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, telah dilantik menjadi Pengerusi Lembaga (penggal kedua) pada 1 April 2015 hingga 31 Mac 2016. Beliau telah digantikan oleh seorang tokoh akademik negara iaitu YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abd. Razak mulai 1 April 2016 hingga 31 Mac 2019. Pelantikan baharu yang lain ialah YBhg. En. Hanafi Sakri menggantikan YBhg. Pn. Nor Eni Ismail berdasarkan kapasiti pelantikan perlembagaan USIM iaitu dua orang pegawai daripada Perkhidmatan Awam dan YBhg. Ir. Dr. Muhammad Fuad Abdullah menggantikan YBhg. En. Mohd Zuhri Abdullah berdasarkan kapasiti tiga orang daripada sektor swasta yang pada pendapat Menteri boleh membantu Lembaga.

YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah, USIM bagi tempoh tiga tahun mulai 1 April 2016. Sebelum itu beliau merupakan pemegang sulung Kursi Kepemimpinan Islam dan Felo Utama USIM pada 2014 hingga 2016. Beliau merupakan Profesor Kehormat di Universiti Nottingham, Penasihat Kanan di Institut Asia-Eropah, Universiti Malaya dan Felo Kehormat di Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa, Universiti Sains Malaysia.

Sumbangan YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak dalam lapangan akademik dan pentadbiran pengajian tinggi

| Penamatan Lantikan | Tempoh |
|---|---|
| YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin | 1 April 2015-31 Mac 2016 (Penggal Kedua) |
| YBhg. Puan Nor Eni Ismail | 1 Julai 2015-2 Feb. 2016 |
| YBhg. Encik Mohd Zuhri Abdullah | 1 April 2014-31 Mac 2016 |
| **Lantikan Baharu** | **Tempoh** |
| YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak | 1 April 2016-31 Mac 2019 |
| YBhg. En. Hanafi Sakri | 1 April 2016-31 Mac 2019 |
| YBhg. Ir. Dr. Muhammad Fuad Abdullah | 1 April 2014-31 Mac 2016 |



Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak

dalam dan luar negara amat besar. Ketokohan beliau diiktiraf menerusi pelbagai lantikan dan keanggotaan dalam organisasi serta persatuan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan meliputi bidang pendidikan, ekonomi dan kewangan, sains dan teknologi dan kesihatan. Dengan ketokohan dan sumbangan ini, beliau telah dianugerahkan pelbagai pingat dan pengiktirafan.

Pengalaman luas serta jaringan strategik rentas benua yang dimiliki oleh YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak merupakan satu kelebihan dalam memandu hala tuju USIM menjadi lebih terkehadapan. Penubuhan Mizan Research Centre dan Model Kampung Mizan serta membawa tokoh akademik berwibawa dalam siri wacana dan seminar merupakan antara inisiatif awal yang telah digerakkan oleh beliau dalam usaha memperkasakan USIM sebagai institusi pendidikan tinggi yang dihormati, dirujuk dan relevan.



## Jawatankuasa Pengurusan Universiti

Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) dianggotai oleh 15 orang ahli yang terdiri daripada lapan ahli tetap seperti diperuntukkan oleh Perlembagaan dan tujuh orang ahli lain yang dilantik atas prerogatif Naib Canselor. JKPU bertanggungjawab menasihati Naib Canselor dalam menjalankan kuasa dan tanggungjawabnya sebagai ketua pegawai eksekutif yang bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik, pengurusan dan hal-ehwal harian Universiti. Sepanjang tahun 2016, JKPU telah bersidang sebanyak 37 kali iaitu secara purata tiga mesyuarat pada setiap bulan.

| Penamatan Lantikan | Tempoh |
|---|---|
| YBhg. Profesor Dato' Dr. Mustafa Hanefah | 15 April 2013-14 Okt. 2016 |
| **Lantikan Baharu** | **Tempoh** |
| YBhg. Profesor Dr. Roshada Hashim | 1 Dis. 2016-30 Nov. 2019 |
| Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus | 4 April 2016-3 April 2019 |

USIM menyaksikan peralihan portfolio Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNC P&I) pada penghujung 2016 apabila pelantikan YBhg. Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah tamat pada 14 Oktober 2016. Beliau yang juga merupakan TNC P&I pertama USIM mula menyandang jawatan tersebut pada 15 April 2013 hingga 14 Oktober 2016. Jawatan TNC P&I USIM digantikan oleh YBhg. Prof. Dr. Roshada Hashim, Pengarah USIM 'Alamiyyah bagi tempoh mulai 1 Disember 2016 sehingga 30 November 2019.

Selain itu, USIM turut menerima ahli JKPU dan Ketua Pegawai Informasi (Chief Information Officer/CIO) yang baharu iaitu YBhg. Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus. Beliau dilantik menjadi ahli JKPU mulai 4 April 2016 sehingga 3 April 2017, manakala lantikan sebagai CIO adalah mulai 1 April 2016 apabila beliau menggantikan CIO sebelum ini iaitu YBhg. En. Jasmin Jaimon, Ketua Pustakawan USIM.

# Pengurusan Sumber Manusia

Statistik data yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Unit Perjawatan) sehingga 31 Disember 2016, keseluruhan staf USIM meningkat kepada 1553 orang staf berbanding 1526 orang staf pada tahun 2015. Bagi statistik penamatan perkhidmatan pula, didapati jumlah statistik pada tahun 2016 tidak jauh berbeza iaitu sebanyak 46 orang berbanding tahun 2015 iaitu 45 orang. Statistik perjawatan USIM bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:




Rajah 4.1: Statistik Keseluruhan Staf USIM Sehingga Disember 2016

| Kategori Penamatan | Jumlah |
|---|---|
| Bersara | 2 |
| Letak Jawatan | 34 |
| Pelepasan Dengan Izin | 8 |
| Jumlah | 46 |

Jadual 4.1: Statistik Penamatan Perkhidmatan Staf

| Kategori Jawatan | Jumlah |
|---|---|
| Profesor | 35 |
| Profesor Madya (DS53/54) | 55 |
| Profesor Madya Perubatan (DU53/54) | 6 |
| Profesor Madya Pergigian (DUG53/54) | 63 |
| Pensyarah (DS51/52/45) | 368 |
| Pensyarah Perubatan (DU51/52) | 47 |
| Pensyarah Pergigian (DUG51/52) | 21 |
| Jumlah | 595 |

Jadual 4.2: Statistik Pensyarah Mengikut Gred Lantikan

USIM menyasarkan peratusan pensyarah berkelayakan PhD atau setaraf pada tahun 2016 adalah 63% berdasarkan keseimbangan bidang di peringkat fakulti/ pusat (Pelan Strategik USIM 2016-2015). Sehingga 31 Disember 2016, peratusan pensyarah USIM yang berkelayakn PhD atau setaraf adalah sebanyak 64.97% iaitu mencapai sasaran yang ditetapkan.




Rajah 4.2: Pecahan bilangan pensyarah di USIM



| FAKULTI | Pensyarah | | Tutor | | Guru Bahasa / PPPS | | Felo | | Pensyarah | | Pensyarah | | Pensyarah | | Pensyarah | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Ph.D | | Ph.D | | Ph.D | | Ph.D | | Sarjana Kepakaran | | Sub Kepakaran | | Pos Doktoral | | Sarjana | |
| | Dlm | Luar | Dlm | Luar | Dlm | Luar | Dlm | Luar | Dlm | Luar | Dlm | Luar | Dlm | Luar | Dlm | Luar |
| FSU | 5 | 1 | | | | | 10 | 5 | | | | | | | | |
| FPQS | 4 | | 1 | | | | 9 | 3 | | | | | | | | |
| FKP | 1 | | | | | | 9 | 4 | | | | | | | | |
| FEM | 2 | 1 | | | | | 4 | 5 | | | | | | | | |
| FST | 2 | | | | | | 4 | 12 | | | | | | | | |
| FKAB | 1 | 1 | | | | | 6 | 7 | | | | | | | | |
| FPBU | 1 | 3 | 1 | 1 | | 1 | 4 | 7 | | | | | | | | |
| FPSK | 5 | 3 | | | | | 1 | 4 | 13 | | | | | | 2 | |
| FPg | 3 | 3 | | 3 | | | | | | 3 | | | | | | |
| PPT | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Pusat Tamhidi | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Kolej PERMATA Insan | 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| Pentadbiran | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Jumlah | 25 | 12 | 2 | 4 | 0 | 1 | 47 | 47 | 13 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 |

Jadual 4.3 : Statistik Staf dan Felo Siswazah USIM yang sedang bercuti belajar sehingga 31 Disember 2016

| FAKULTI | Tutor | | Guru Bahasa / PPPS | | Felo | | Pentadbiran | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Sarjana | | Sarjana | | Sarjana | | Sarjana | | |
| | Dlm | Luar | Dlm | Dlm | Luar | Dlm | Luar | Luar | |
| FSU | | | | | 6 | | | | 27 |
| FPQS | | | | | 6 | | | | 23 |
| FKP | | | | | 1 | | | | 15 |
| FEM | | | | | 7 | | | | 19 |
| FST | | | | | 9 | 1 | | | 28 |
| FKAB | | | | | | | | | 15 |
| FPBU | | | | | 2 | | | | 20 |
| FPSK | | | | | 1 | | | | 29 |
| FPg | | | | | | | | | 12 |
| PPT | | | | | | | | | 0 |
| Pusat Tamhidi | | | | | | | | | 0 |
| Kolej PERMATA Insan | | | | | | | | | 1 |
| Pentadbiran | | | | | | | 3 | | 3 |
| Jumlah | 0 | 0 | 0 | 0 | 32 | 1 | 3 | 0 | 192 |

Sumber Data: Data sehingga 31 Disember 2016 dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (Unit Cuti Belajar)

# Pembangunan Sumber Manusia

Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dan Pusat Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (PIINA) merupakan dua bahagian utama yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan program dan aktiviti latihan membabitkan semua kategori kumpulan staf; akademik, pentadbiran dan pelaksana. Selain melaksanakan latihan-latihan bersifat kesedaran bagi meningkatkan kecekapan dan kompetensi staf berdasarkan bidang tugas sama ada secara generik atau spesifik, kedua-dua bahagian ini telah mula memfokus kepada latihan yang menjurus kepada peningkatan tahap integrasi ilmu naqli dan aqli. Sepanjang tahun 2016, Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dan Pusat Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (PIINA) telah berjaya melaksanakan lebih 15 program latihan berkaitan integrasi ilmu Naqli dan Aqli (iNaQ). Antara program berimpak yang dilaksanakan seperti:

## • Kursus Train of Trainers (TOT): Penerapan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (iNaQ) Dalam Latihan, Universiti Sains Islam Malaysia

Kursus TOT: Penerapan iNaQ Dalam Latihan telah dianjurkan oleh Bahagian Sumber Manusia (BSM), Jabatan Pendaftar dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) pada 25 hingga 27 November 2016. Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam kepada Subject Matter Experts (SME), penceramah, fasilitator dan jurulatih USIM mengenai iNaQ. Peserta TOT ini adalah dalam kalangan mereka yang aktif terlibat dalam memberi taklimat atau latihan berkaitan USIM sama ada kepada staf atau pelajar USIM sendiri atau kepada pihak luar, mereka merupakan antara kumpulan utama yang perlu menjiwai iNAQ untuk disampaikan dalam aktiviti dan program kendalian mereka. Lanjutan daripada kursus tersebut, Bahagian Sumber Manusia dengan kerjasama Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli & Aqli (PIINA) sedang membangunkan modul latihan dikenali sebagai Modul Latihan berteraskan Qalbu *(Qalb-Guided)* yang merupakan salah satu KPI yang disasarkan untuk mendokong Pelan Strategik USIM iaitu menghayati program kepimpinan berpandukan qalbu dalam memupuk dan membimbing bakat pentadbiran dan akademik, serta keupayaan kepimpinan yang mampu mendokong bidang keutamaan negara dan cabaran global.








## • Program Eksplorasi Qalbu Dalam Pelan Strategik USIM

Pelaksanaan Program Eksplorasi Qalbu telah mendapat sokongan kuat daripada Pengurusan Universiti dan menjadi salah satu *showcase* Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli USIM, khususnya bagi Jabatan Pendaftar. Pada tahun 2016, sebanyak enam siri Program Eksplorasi Qalbu berjaya dilaksanakan dengan melibatkan hampir 250 orang peserta. Program ini dirangka khusus untuk memupuk kecemerlangan diri berlandaskan kesempurnaan ibadah dan menerapkan sikap bertanggungjawab, amanah dan akauntabiliti atas setiap perkara yang dilakukan.













## • Program Syarahan Umum Pentadbiran; New Competencies for University Managers

Program Syarahan Umum Pentadbiran; New Competencies For University Managers telah diadakan pada 27 Oktober 2016 bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks PERMATA Insan yang disampaikan oleh YBhg. Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Program ini merupakan idea sumbangsaran antara YBhg. Encik Muhammad Haizuan Rozali, Pendaftar dan YBhg. Tan Sri Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti sendiri untuk menyerlahkan watak dan peranan signifikan yang perlu dimainkan oleh kumpulan pengurusan dan profesional dalam tadbir urus universiti.

Pengisian program ini menumpukan perkongsian berkaitan pengurusan dan pentadbiran di institusi pengajian tinggi yang semakin kompleks dan sentiasa berhadapan dengan harapan tinggi daripada pihak-pihak yang berkepentingan. Program syarahan ini telah memberikan pengisian yang penting dari sudut pandangan Pengerusi LPU berkenaan peranan pentadbir yang sama penting dengan pensyarah dan turut menyumbang perubahan positif dalam negara. Pentadbir seperti yang dikupaskan merupakan perancang, pelaksana dan pemantau strategik di UA yang akhirnya akan menyumbang kepada tercapainya sasaran perkhidmatan yang bertaraf dunia.

Selain itu, bersempena program ini turut dilancarkan Program Pengantarabangsaan Pentadbir USIM yang melibatkan pelaksanaan program sangkutan ke luar negara, program Eksplorasi Qalbu di Yogyakarta dan penganjuran Simposium Nusantara dengan kerjasama USIM dan Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY), Indonesia.






# Pelaksanaan MS ISO

Sebagai menyatakan komitmen yang tinggi kepada aspek kualiti dalam tadbir urus organisasi, USIM serius dalam melaksana dan mengekalkan enam pensijilan MS ISO 9001:2008 dan satu pensijilan MS 1900:2005. Pensijilan yang telah diperoleh adalah seperti berikut:

USIM menyasarkan untuk menggabungkan enam pensijilan ISO berkenaan kepada satu pensijilan di bawah ISO 9001:2015 serta menambah skop pengurusan penyelidikan dalam pensijilan tersebut. USIM juga berhasrat mendapatkan satu pensijilan MS 1900:2014 Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah. Skop baru pensijilan ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 USIM adalah berkenaan Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Tinggi Peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Perkhidmatan Korporat.

| | |
|---|---|
| MS ISO 9001:2008 | Penyediaan Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar |
| MS ISO 9001:2008 | Perkhidmatan Perpustakaan yang Merangkumi Penyediaan dan Penyebaran Bahan-bahan Maklumat |
| MS ISO 9001:2008 | Pengurusan Kewangan yang Merangkumi Perancangan Belanjawan,Perolehan (Bekalan dan Perkhidmatan), Pembayaran dan Terimaan Hasil |
| MS ISO 9001:2008 | Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan di Peringkat Sarjana Muda Meliputi Rekabentuk dan Pembangunan |
| MS ISO 9001:2008 | Pengurusan Sumber Manusia Meliputi Proses Perancangan, Pengambilan dan Pembangunan Sehingga Persaraan |
| MS 1900:2005 | Penyediaan Khidmat Perancangan dan Pengurusan Projek Fizikal Requirement from Islam Perspectives |
| MS ISO 9001:2008 | Penyediaan Khidmat Perancangan dan Pengurusan Projek Fizikal |

# Pusat Tanggungjawab (PTJ) Baharu

Bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran, mengoptimumkan sumber serta mengelakkan pertindihan fungsi, JKPU pada 1 Mac 2016 telah bersetuju meluluskan penubuhan GOAL-ITQAN sebagai PTJ baharu di USIM. GOAL-ITQAN, atau nama penuhnya iaitu Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global, Teknologi Imersif & Jaminan Kualiti (Centre for Global Open Access Learning, Immersive Technology & Quality Assurance) merupakan penjajaran dan penstrukturan semula yang melibatkan tiga PTJ iaitu Pusat Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (PIPP), Pusat Teknologi Maklumat dan Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global (GOAL CENTRE). PTJ baharu ini mula berkuatkuasa pada 1 April 2016 dan diketuai oleh YBhg. Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus selaku Pengarah.

Objektif penubuhan GOAL-ITQAN adalah untuk menjadi sebuah pusat sokongan Universiti yang memberi perkhidmatan dan menyediakan kemudahan ICT (pentadbiran dan akademik) untuk meneruskan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran, akreditasi dan jaminan kualiti akademik dengan cara yang lebih holistik dan kolektif secara berterusan. Struktur baharu ini disokong oleh empat bahagian utama iaitu:

- ## Bahagian Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (BIPP)

  Menguruskan pembangunan, pelaksanaan, pemerkasaan dan pelestarian e-pembelajaran di USIM. BIPP disasarkan untuk memperkasakan USIM sebagai sebuah institusi terulung dalam bidang Pengajian Islam melalui penggunaan kaedah pembelajaran termoden selaras dengan perkembangan teknologi pendidikan semasa selain daripada satu langkah inovatif untuk USIM memperkembangkan daya saing pengajaran dan pembelajaran tempatan ke arena antarabangsa.

- ## Bahagian Madal Hayah (BMH)

  Menguruskan serta memastikan perancangan dan pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) termasuk Pengajian Jarak Jauh (PJJ) bergerak lancar, memenuhi kualiti pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan serta menjadi medium untuk memajukan USIM dalam menjadi pusat rujukan integrasi ilmu naqli dan aqli di peringkat serantau dan global.

- ## Bahagian Jaminan Kualiti Akademik dan Akreditasi (BJKAA)

  Mengawal selia proses akreditasi dan pengiktirafan agensi kerajaan, badan profesional dalam negara dan luar negara untuk program-program akademik USIM selain daripada bertindak sebagai central contact bagi aktiviti jaminan kualiti dengan badan luar USIM.

- ## Bahagian Pembangunan dan Perkembangan ICT (BICT)

  Menyediakan perkhidmatan ICT yang menyeluruh dan terancang bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P), penyelidikan, pentadbiran dan pengurusan di USIM.


PERPUSTAKAAN
USIM


# Teras 5

Universiti Sains Islam Malaysia



## Kemudahan Fizikal dan Prasarana yang Kondusif bagi Pembelajaran dan Penyelidikan

# Pendahuluan

USIM memberikan perhatian yang tinggi terhadap pembangunan kemudahan fizikal dan prasarana yang kondusif untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan kepada seluruh warganya. Justeru, perkembangan pembangunan kemudahan fizikal dan prasarana ini sentiasa dipantau bagi memastikan bahawa setiap perancangan yang telah dibuat dapat dicapai mengikut jadual.

"USIM berusaha dalam melahirkan graduan yang holistik dan seimbang dari segi rohani dan jasmani, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020"

YBhg. Ir. Daim Saian
Pengarah Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti



# Perkembangan Kemudahan Fizikal dan Prasarana

## Projek Pembinaan Pusat Islam

Pusat Islam USIM sedang dalam pembinaan dan dijangka akan siap dalam bulan Mac 2017. Bangunan dua tingkat ini terdiri daripada ruang solat khusus untuk jemaah lelaki dan wanita berkapasiti 4,000 orang, pejabat pentadbiran, bilik Imam, bilik VIP lelaki dan perempuan, bilik pengurusan jenazah, sebuah menara dan beberapa ruangan lain.

Sehingga akhir Disember 2016, kerja-kerja pemasangan kepingan FRP untuk kubah telah siap manakala pemasangan karpet dan siling plaster di bawah kubah akan dimulakan dalam waktu terdekat. Kerja-kerja penyiapan ruang dalaman serta luaran sedang giat dijalankan. Begitu juga dengan kerja-kerja mengecat, pemasangan jubin lantai, kerja luaran, pemasangan *fitting* elektrik juga hampir siap. Kerja-kerja menyiapkan hiasan dalaman dan lanskap sekitar Pusat Islam serta penurapan tempat letak kereta dan jalan masuk, sedang giat dijalankan.



Pusat Islam-Pandangan artis

## Projek Pembinaan Bangunan Pusat Pengajian Teras

Pembinaan Bangunan Pusat Pengajian Teras dan lain-lain kerja berkaitan seni reka dan bina sedang giat berlangsung pada akhir tahun 2016. Bangunan ini terletak berhampiran bangunan Makmal Pelbagai Guna dan terdapat jambatan yang akan menghubungkan kedua-dua bangunan ini kelak. Ia dijangka akan dapat digunakan pada tahun 2017.

Bangunan tiga tingkat ini akan menyediakan ruang yang selesa untuk para pelajar dan kakitangan, di mana ia menempatkan dua buah dewan kuliah sederhana (berkapasiti 100 orang dan 120 orang), surau untuk lelaki dan perempuan, bilik-bilik penyelaras, guru Halaqah, pensyarah dan tutor.

Ia turut menyediakan sebuah ruang untuk 'open learning space' yang dipanggil ruang ClicKeRS. Ruang ini dijangka akan menarik para pelajar dengan adanya kelengkapan dan kemudahan yang khusus untuk pembelajaran terbuka yang pertama kali disediakan di USIM.



Pusat Islam dalam proses pembangunan



Bangunan Pusat Pengajian Teras ketika dalam pembangunan

# Kemudahan dan Prasarana ICT

## Penubuhan Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global, Teknologi Imersif dan Jaminan Kualiti (GOAL-ITQAN)

GOAL-ITQAN ditubuhkan sebagai pusat sokongan Universiti dalam menyediakan kemudahan teknologi komunikasi dan informasi (ICT) bagi urusan pentadbiran dan akademik untuk meneruskan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sebuah bahagian yang khusus dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan ICT ini telah diwujudkan atas nama Bahagian Pembangunan dan Perkembangan ICT (BICT). Ia akan menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P), penyelidikan, pentadbiran dan pengurusan di USIM.




## Pembangunan MOOC

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) telah menggariskan agar pembelajaran dalam talian dan *blended learning* sebagai asas kepada kurikulum, dengan memberi galakan agresif ke atas *Malaysia Massive Open Online Course* (MOOC).

GOAL-ITQAN telah membangunkan MOOC iaitu penawaran kursus secara atas talian yang melibatkan bilangan pelajar berskala besar dan terbuka kepada pelajar yang berminat tanpa sempadan masa dan lokasi. Melalui MOOC, USIM kini menjadi peneraju dalam kalangan universiti awam dalam menawarkan kursus melalui platform MOOC dengan menggunakan medium Bahasa Arab.

Pada tahun 2016, empat kursus baharu MOOC USIM diperkenalkan iaitu *MUET Oasis*, Bahasa Arab Profesional dan Teknologi, *Obstetrics Care* dan *Introduction to Counselling*.

## Perlaksanaan Sistem eUNDI Versi 2.0 (eUNDI V2)

GOAL-ITQAN telah melaksanakan usaha membangunkan Sistem Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Versi 2.0 (eUndi V2) bermula pada Februari 2016. Usaha ini dijalankan melalui Bengkel Reka Bentuk Sistem eUndi bersama pasukan projek sistem. Sistem eUndi V2 telah digunakan dengan mengautomasi hampir kesemua proses sama ada melibatkan proses manual atau separa auto supaya ia dapat dicapai secara atas talian. Sistem ini mula diguna pakai pada 15 September 2016.

Sistem eUndi versi pertama pernah merangkul pingat Perak dalam Pertandingan Invention & Innovation Awards 2009 sempena Malaysian Technology Expo Kuala Lumpur 2009 (MTE2009) anjuran Malaysian Association of Research Scientists (MARS) di PWTC pada 19 hingga 21 Februari 2009.

Sistem ini telah diuji dari sudut kebolehupayaannya dengan proses pengujian di peringkat teknikal, pengujian pengguna *(User Acceptance Test)*, simulasi pengundian bersama urus setia dan pelajar serta sesi bersama Jawatankuasa Audit ICT dan Jawatankuasa Audit eUndi.

Bagi memastikan sistem berjalan lancar, teknologi VDI telah dilaksanakan di makmal yang dikenal pasti sebagai pusat pengundian. Penggunaan komputer di makmal dapat menjimatkan kos sewaan komputer dan pelayan. Proses pengujian tetapan terbaik di makmal ini dilakukan oleh pihak Teknikal Operasi dan Pembangunan Sistem. Perolehan server khas yang dikonfigurasi dengan tetapan tertentu oleh Pasukan Teknikal Pengurusan Data membantu mempastikan pangkalan data sistem berada dalam keadaan yang stabil tanpa gangguan.

## Pembangunan Learning Space

Inisiatif penubuhan beberapa ruang *Learning Space* (ruang belajar secara terbuka) telah dibuat oleh pihak GOAL-ITQAN dengan tujuan menggalakkan pembelajaran secara berkumpulan di luar waktu kelas, dan menggalakkan pelajar membuat persediaan sebelum kuliah. Bagi tahun 2016, sebanyak empat ruang *Learning Space* telah dibangunkan, iaitu di FKP, FPQS, FPSK dan FSU.

*Learning Space* USIM telah dirasmikan pada 10 Mei 2016 dengan menyediakan ruang khas untuk pelajar membincangkan bahan pembelajaran dalam persekitaran terbuka serta menyediakan alternatif untuk pensyarah meneroka pembelajaran luar kelas.

Setiap *Learning Space* dilengkapi dengan kemudahan panel menulis (papan putih), kerusi mudah alih, serta plug elektrik bagi membolehkan pelajar menjalankan aktiviti yang memerlukan perkakasan elektronik.

## Peluasan Liputan Capaian WIFI

Komitmen dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran dengan penyediaan prasarana ICT yang kondusif diteruskan lagi dengan usaha untuk meluaskan infrastruktur liputan capaian wifi berkelajuan tinggi di Kolej Kediaman luar USIM (iWISH) meliputi lima buah Kolej Kediaman iaitu di Acacia Avenue, Desa Jati, Sutera Indah, Nilam Court dan Kampus Pandan Indah dengan anggaran pelajar seramai 5,283 orang.

Majlis Pelancaran Perkhidmatan iWISH telah diadakan pada 15 Jun 2016 bertempat di Bangunan Canselori USIM dan dirasmikan oleh Naib Canselor USIM. Pada majlis tersebut, USIM dan TM turut memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) untuk projek iWISH ini selama tiga tahun mulai 2016.

Kemudahan wifi yang disediakan oleh pihak TM turut meliputi aspek keselamatan siber yang dipantau sepenuhnya oleh Network Operation Centre TM yang beroperasi 24 jam sehari.

# Kemudahan dan Prasarana Kondusif Mengakses Maklumat

## Pembangunan Koleksi Perpustakaan

Perpustakaan USIM sangat komited dalam usaha menambah baik dan mengadakan bahan-bahan rujukan sebagai menyokong proses pembelajaran, pengajaran, penulisan dan penyelidikan di USIM. Bagi tahun 2016, Bahagian Pembangunan Sumber (BPS) di Jabatan Perpustakaan meneruskan usaha untuk melengkapkan bahan-bahan untuk rujukan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan oleh warga USIM keseluruhannya.

Untuk itu, BPS telah menguruskan pembelian bahan sebanyak 541 judul (620 naskah) menggunakan peruntukan yang diberikan serta sebahagian wang Tabung Perpustakaan (hasil wakaf kakitangan). BPS turut menggiatkan usaha untuk mendapatkan sumbangan daripada pelbagai pihak sebagai usaha memperbanyakkan koleksi bahan Perpustakaan. Hasilnya, bagi tahun 2016, Perpustakaan telah menerima bahan sumbangan sebanyak 5,183 judul bersamaan dengan 6,162 naskah.

Jumlah terbesar sumbangan adalah daripada Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr Haji Abdul Shukor Haji Husin iaitu sebanyak 988 judul, 1107 naskah. Ini menjadikan keseluruhan bahan bacaan bercetak yang dimiliki oleh Perpustakaan USIM pada akhir tahun 2016 sebanyak 57392 judul dan 87,856 naskah.

Sehingga akhir tahun 2016, Perpustakaan telah memiliki sebanyak lapan Koleksi Perseorangan yang dinamakan dengan nama tokoh-tokoh yang telah menyumbangkan bahan-bahan mereka melebihi 500 naskah dengan pengkhususan dalam bidang kepakaran masing-masing.

## Pembangunan Sistem Bersepadu Perpustakaan

KOHA adalah satu sistem perpustakaan bersepadu (*Integrated Library System*-ILS) dan adalah sumber terbuka pertama ILS. Koha telah dicipta pada 1999 oleh Katipo Communications untuk Horowhenua Library Trust di New Zealand.

Perpustakaan USIM telah mengambil inisiatif untuk meneroka perisian sumber terbuka (*open source*) untuk mengaplikasikan KOHA, dalam usaha menyediakan kemudahan dan prasarana yang lebih baik dengan bajet yang lebih murah.

Pengaplikasian sistem ini membolehkan Perpustakaan USIM membantu pengurusan universiti melakukan penjimatan bajet pengurusan hampir RM120,000.00 setahun bagi tujuan kos penyelenggaraan sistem perpustakaan yang terdahulu.

Segala perancangan dan strategi telah disusun bermula tahun 2014 dan akhirnya sistem ini diguna pakai sepenuhnya bermula bulan November 2016 dengan kerjasama pasukan teknikal yang dibentuk dalam kalangan pustakawan untuk menguruskan projek ini.

Sistem KOHA ini distrukturkan selari dengan keperluan dan kehendak pengurusan perpustakaan yang meliputi modul pengkatalogan, perolehan, peminjaman dan lain-lain yang menyokong kepada perkhidmatan rujukan maklumat.

Dengan adanya kepakaran teknikal dalam kalangan pustakawan di Perpustakaan USIM sendiri, perpustakaan berhasrat untuk turut membantu pengurusan perpustakaan institusi lain yang berminat untuk mengguna pakai KOHA. Usaha ini juga akan menyokong kepada program khidmat masyarakat USIM dengan memasang sistem perpustakaan bersepadu KOHA di institusi yang kurang berkemampuan.

## Repositori Institusi

Perpustakaan memainkan peranan penting dalam usaha mengumpulkan, memelihara dan menyebarkan bahan-bahan harta intelektual yang diarkibkan dalam Repositori Institusi USIM dalam bentuk digital melalui sistem eImtiyaz. Sistem ini dapat membantu memaksimakan akses kepada bahan-bahan tulisan dan hasil penyelidikan warga USIM, di samping membantu pertambahan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk digital yang menyokong inisiatif Akses Terbuka dalam pembelajaran. Ia juga membantu peningkatan *ranking* Webomatriks Universiti.

Sehingga akhir tahun 2016 eImtiyaz telah memiliki lebih 8,500 judul bahan yang terdiri daripada prosiding seminar, tesis dan disertasi, laporan penyelidikan, artikel akhbar, majalah dan jurnal, serta laporan tahunan dan buku. eImtiyaz boleh diakses dari seluruh dunia, pada bila-bila masa melalui http://ddms.USIM.edu.my.

Sistem eImtiyaz telah diakses oleh para pengguna daripada lebih 106 negara. 20 negara yang mencatatkan akses tertinggi kepada eImtiyaz USIM pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

Jumlah Bahan eImtiyaz sehingga akhir 2016

| Koleksi | Kumulatif |
|---|---|
| Keratan Akhbar | 3694 |
| Soalan Peperiksaan (Akses Dalaman sahaja) | 2426 |
| Bahan Persidangan/Bengkel | 510 |
| Projek Ilmiah (PraSiswazah)  (Undergraduates) | 450 |
| Jurnal USIM | 398 |
| Artikel dalam Jurnal | 283 |
| Buku USIM | 248 |
| Arkib USIM | 214 |
| Laporan Penyelidikan | 112 |
| Tesis (Pascasiswazah) | 107 |
| Buletin | 61 |
| Artikel dalam Majalah | 34 |
| Laporan Tahunan | 15 |
| Penubuhan USIM | 12 |
| Buku | 1 |
| Jumlah | 8565 |

| Bil | Negara | Jumlah Akses |
|---|---|---|
| 1 | Malaysia | 8,274 (76.35%) |
| 2 | Indonesia | 344 (3.17%) |
| 3 | United Kingdom | 255 (2.35%) |
| 4 | Amerika | 235 (2.17%) |
| 5 | Russia | 110 (1.02%) |
| 6 | Saudi Arabia | 102 (0.94%) |
| 7 | Pakistan | 78 (0.72%) |
| 8 | India | 77 (0.71%) |
| 9 | Maghribi | 72 (0.66%) |
| 10 | Algeria | 70 (0.65%) |
| 11 | Mesir | 60 (0.55%) |
| 12 | Nigeria | 60 (0.55%) |

| Bil | Negara | Jumlah Akses |
|---|---|---|
| 13 | Itali | 52 (0.48%) |
| 14 | Jordan | 52 (0.48%) |
| 15 | Singapura | 51 (0.47%) |
| 16 | Turki | 40 (0.37%) |
| 17 | Jerman | 39 (0.36%) |
| 18 | Brunei | 38 (0.35%) |
| 19 | Filipina | 37 (0.34%) |
| 20 | United Arab Emirates | 35 (0.32%) |

## Little Free Library USIM

“Little Free Library” (LFL) USIM merupakan projek yang dihasilkan atas inisiatif Perpustakaan sejak pertengahan tahun 2015 dengan tujuan untuk menyemarakkan budaya membaca dan menggalakkan aktiviti kesukarelaan serta berkongsi bahan bacaan. LFL merupakan satu gerakan yang semakin mendapat tempat di luar negara dengan mengambil semangat perkongsian bahan bacaan dalam kalangan masyarakat, untuk  masyarakat dan memperluaskan jangkauan perpustakaan melepasi tembok bangunannya secara fizikal.

LFL juga berfungsi mengembangkan peranan Perpustakaan dengan menyediakan bahan bacaan di beberapa tempat kepada warga kampus. Sebanyak empat buah LFL telah diletakkan di perhentian bas, di kawasan kolej kediaman, di ruang legar perpustakaan dan di bangunan Hal Ehwal Pelajar, pada tahun 2015.

Bagi tahun 2016, dua buah LFL lagi telah dibina sebagai tambahan kepada LFL sedia ada, menjadikan jumlahnya sebanyak enam buah LFL. Kedua-dua LFL ini telah dibina atas inisiatif PTj sendiri yang memikirkan keperluan menyediakan sudut bacaan yang menarik kepada pengunjung ke PTj mereka iaitu di Jabatan Canselori dan di Pusat Kesihatan Universiti.

Perpustakaan USIM turut menyebarkan ilmu berkenaan fungsi LFL kepada pihak lain dengan menyampaikan taklimat-taklimat kepada beberapa pihak yang berminat dan melawat sendiri ke USIM, di samping menyampaikan taklimat kepada pihak luar melalui jemputan.



LFL di Kolej Kediaman 1




LFL di Bangunan Perpustakaan




LFL di Pusat Kesihatan Universiti

| Tarikh | Taklimat Untuk Lawatan Ke USIM | Catatan |
|---|---|---|
| 27 Januari 2016 | Pusat Sumber UiTM Kampus Bandaraya Melaka | Telah membina LFL sendiri |
| 10 Februari 2016 | Perpustakaan UiTM Kampus Jasin Melaka | |
| 7 April 2016 | Pihak Pengurusan Tadika Dzuliman Smart Khalifah, USJ | Telah membina LFL sendiri |
| 15 Julai 2016 | Lawatan PTA Readers Club UiTM Kelantan Kampus Machang | |
| 30 September 2016 | Pihak Pengurusan Little Caliphs Putra Point & Pajam | |
| 10 November 2016 | University College Bestari, Terengganu | |
| 5 Disember 2016 | The Library of Information Science Student's Assembly (LISSA), Kulliyah of Information and Communication Technology (KICT), IIUM | |
| 7 Disember 2016 | Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu Universiti Malaysia Kelantan | |

| Tarikh | Ceramah/Taklimat Luar | Catatan |
|---|---|---|
| 25 April 2016 | Institut Pendidikan Guru, Kampus Teknik, Bandar Enstek, Negeri Sembilan | |
| 19 Ogos 2016 | Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 9, WP Putrajaya | Merasmikan LFL yang telah dibina sendiri |
| 7 Disember 2016 | Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu Universiti Malaysia Kelantan | |

Aktiviti berkaitan LFL sepanjang 2016


BENGKEL TATACARA
PENGURUSAN KEWANGAN & PERAKAUNAN


KURSUS PENGURUSAN RISIKO
KEWANGAN UNIVERSITI AWAM
PADA 5 - 7 JUN 2015
BAYVIEW HOTEL LANGKAWI



# Teras 6

Universiti Sains Islam Malaysia

## Kemampanan Kewangan USIM



# Kemampanan Kewangan USIM

Kemampanan kewangan telah dijadikan satu asas lonjakan pendidikan tinggi negara yang telah dibentangkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi). Kecemerlangan berteraskan kesarjanaan ilmu yang telah dicapai harus diteruskan dengan penyelesaian kreatif perlu diketengahkan dalam menghadapi kekangan kewangan.

Kemampanan Kewangan yang bermula pada tahun 2015 telah masuk tahun kedua pelaksanaannya.

Bagi tahun 2016, sebanyak RM70 juta disasarkan untuk mencapai kemampanan kewangan. Pihak Universiti telah berjaya melepasi sasaran sebanyak RM76,497,654 iaitu sebanyak 109.3%.

Berikut adalah 13 pelan tindakan yang telah dilaksanakan pada tahun 2016:-

1. Melaburkan semua dana termasuk endowmen dalam pelaburan yang agresif dan kompetitif serta patuh Syariah dengan pulangan yang maksimum;
2. USIM sebagai *solution provider* kepada industri Halal serta menjana hasil dari perundingan;
3. Memasarkan program yang berintegrasi Naqli dan Aqli di dalam dan luar negara (termasuk secara ODL);
4. Meningkatkan dana wakaf, endowmen dan zakat;
5. Memperkasakan anak syarikat untuk memaksimumkan pulangan dividen kepada Universiti;
6. Semua PTJ melaksanakan aktiviti penjanaan melalui Akaun Enterprise, Akaun Amanah dan Akaun Khas;
7. Menjalankan projek usahasama berskala besar antara PTJ dan UTHSB;
8. Mempelbagaikan dan memudahcarakan kaedah bayaran yuran untuk memaksimumkan kutipan;
9. Mendapatkan penaja bagi pelajar-pelajar antarabangsa;
10. Menawarkan perkhidmatan perundingan yang patuh syariah bagi menjana pendapatan seperti Perkhidmatan Pengurusan Fatwa Sedunia melalui INFAD;
11. Meningkatkan dana penyelidikan luar dan meningkatkan hasil pengkomersialan produk penyelidikan;
12. Meningkatkan sumbangan wakaf tunai daripada Alumni dan staf USIM;
13. Penjimatan utiliti (air dan elektrik) / Penjimatan sewaan pengangkutan dan bangunan.

# Pencapaian Kemampanan Kewangan

**RM5,573,483**

1 Melaburkan semua dana termasuk endowmen dalam pelaburan yang agresif dan kompetitif serta patuh Syariah dengan pulangan yang maksimum

حلال

**RM427,962**

2 USIM sebagai *solution provider* kepada industri Halal serta menjana hasil dari perundingan

3 Memasarkan program yang berintegrasi Naqli dan Aqli di dalam dan luar negara (termasuk secara ODL)

**RM174,862**

4 **RM2,452,094**

Meningkatkan dana wakaf, endowmen dan zakat

5 Semua PTJ melaksanakan aktiviti penjanaan melalui Akaun Enterprise, Akaun Amanah dan Akaun Khas

**RM18,430,331**

6 Menjalankan projek usahasama berskala besar antara PTJ dan UTHSB

**RM1,092,550**

7 **RM41,106,069**

Mempelbagaikan dan memudahcarakan kaedah bayaran yuran untuk memaksimumkan kutipan

8 Mendapatkan penaja bagi pelajar-pelajar antarabangsa

**RM1,206,139**

9 Meningkatkan dana penyelidikan luar dan meningkatkan hasil pengkomersialan produk penyelidikan

**RM5,436,835**

10 **RM5,436,835**

Meningkatkan sumbangan wakaf tunai daripada Alumni dan staf USIM

11 Penjimatan utiliti (air dan elektrik) / Penjimatan sewaan pengangkutan dan bangunan

**RM463,785**

Jumlah keseluruhan

**RM76,497,654**


Majlis
USIM



# Teras 7

Universiti Sains Islam Malaysia



## Penjenamaan dan Pemposisian yang Konsisten dan Efektif



# Pendahuluan

Tahun 2016 merupakan sasaran yang kita tetapkan untuk USIM menjadi sebuah universiti yang dirujuki diperingkat serantau dalam bidang pengintegrasian ilmu Naqli dan ilmu Aqli. Justeru itu, hasrat untuk menjadi pusat rujukan ini tidak hanya bersandarkan kepada lakaran idea strategik semata-mata, tetapi diterjemahkan secara agresif melalui pendekatan dan tindakan yang inklusif. Ini penting bagi membolehkan penjenamaan dan pemposisian USIM terus sentiasa lestari dan relevan.

> “Kita semakin yakin menyusun langkah lebih jauh untuk membawa jenama USIM ini menjadi semakin kukuh di peringkat serantau dan global. Strategi memposisikan universiti secara agresif yang kita buat sepanjang masa telah berjaya meletakkan Universiti ini pada tanda aras baharu yang membanggakan”

Dr. Faizal Kasmani
Pengarah Pusat Komunikasi Strategik (StraComm)



# USIM Melangkah Jauh

Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) menggalas peranan utama untuk merencana dan melaksanakan agenda Teras Tujuh dalam Pelan Strategik USIM yang memfokuskan kepada penjenamaan dan pemposisian universiti melalui beberapa pendekatan strategik yang telah disusun untuk dilaksanakan.

## Showcase Serantau

Sasaran universiti untuk menjadi universiti yang dikenali dan menjadi rujukan berkaitan pengintegrasian ilmu naqli dan aqli peringkat serantau telah membuahkan hasil yang amat baik. Melalui siri jerayawara Pelan Strategik USIM yang dikendalikan oleh Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPKPK) dan StraComm telah mengenalpasti sekurang-kurangnya sembilan *showcase* untuk ditonjolkan sebagai produk bercirikan USIM di peringkat serantau.

*Showcase* yang dipilih ini melambangkan citra USIM untuk membawa agenda integrasi ilmu naqli dan aqli ini ke peringkat global pada masa hadapan dan tidak hanya berlegar-legar batasan serantau sahaja.

## Pembudayaan Penjenamaan

Pemahaman yang jelas oleh warga USIM akan pentingnya menjaga jenama universiti amat perlu terutamanya dalam penggunaan nama rasmi universiti dan logo. Dokumen Penjenamaan USIM versi terkini telah diterbitkan pada Disember 2016 serta dimuat naik di laman sesawang untuk mudah diakses dimana-mana sahaja pada capaian berikut http://stracomm.USIM.edu.my/panduan-jenama-USIM. Selain itu, beberapa logo jabatan dan persatuan pelajar rasmi di bawah universiti turut diberi imej grafik yang lebih segar.

| Jabatan | Showcase |
|---|---|
| Fakulti Ekonomi dan Muamalat | Muamalat Islamic Game (MIG) Graduate School of Muamalat (GSM) Perbankan Islam |
| Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan | Qalb-Based Leadership Kampung Mizan |
| Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan | Klinik Pakar Kesihatan USIM Klinik Pakar Mata Bergerak (KLIP Moblie) Kurikulum Naqli-Aqli |
| Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah | OKU-based learning |
| Fakulti Sains dan Teknologi | Information Security |
| Bahagian Hal Ehwal Pelajar | Global Islamic Student Outreach (GISO) |
| Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) | Projek penyelidikan halal |
| Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina | Projek Solar Decathlon Middles East (SDME) |

Jadual 7.1: Senarai showcase USIM mengikut jabatan terpilih

Bagi memberi wajah baharu kepada penjenamaan universiti, frasa *'Leader in the integration of Naqli and Aqli knowledge'* dipilih sebagai tema penjenamaan universiti. Melalui tema ini, segala bahan berbentuk penerbitan seperti brosur, prospektus, paparan laman sesawang, showcase dan lain-lain akan selari dengan tema.
Untuk mewujudkan strategi penjenamaan yang berkesan dan relevan, satu bengkel penjenamaan yang dikelolakan oleh pengamal industri iaitu REKANEGARA telah diadakan pada 22 Jun 2016 dengan dihadiri ketua-ketua jabatan dan pegawai universiti. Bengkel kali pertama yang diadakan ini mendapat sambutan yang amat baik dari setiap jabatan yang menghantar peserta untuk mendapatkan input-input yang amat berguna terutama dalam mengenal pasti dan menterjemahkan teknik penjenamaan yang tepat, postif dan selari dengan imej organisasi yang ingin ditonjolkan.



## Jaringan Strategik Bersama Media

Hubungan yang dekat dan erat bersama agensi media akan memberi banyak kelebihan kepada Universiti untuk berkongsi pelbagai bentuk berita untuk tatapan masyarakat. Sebagai jabatan yang menjadi perantara di antara universiti dan pihak media, StraComm telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan hubungan baik USIM dan media sentiasa erat dan berita-berita USIM sentiasa mendapat ruang untuk disiarkan. Pada tahun 2016, tiga program utama berimpak yang melibatkan Pengurusan Universiti bersama pengamal media telah diaturkan oleh Pusat Komunikasi Strategik.

## i. Majlis Makan Malam bersama Media 2016

Bagi menghargai jasa dan sokongan media cetak dan elektronik kepada USIM, seramai 60 pengamal media dirai dalam Majlis Makan Malam Media 2016 anjuran StraComm yang berlangsung di Palm Hotel, Seremban pada 8 April 2016. Majlis penghargaan yang masuk kali ketiga penganjurannya melibatkan pengamal media dari Bernama, Berita Harian, RTM, TV3, TV9, Kosmo, Harian Metro, New Straits Times, Sinar Harian, Astro Awani, TV Alhijrah, The Star serta Negeri Sembilan Kini.

Objektif utama program adalah bagi meraikan media yang selama ini telah memberikan kerjasama dalam membuat liputan program-program anjuran USIM sejak awal penubuhan dan beberapa anugerah turut disampaikan kepada pihak media pada majlis ini.

### Anugerah Liputan Berita Kampus (Media Cetak)

- Komuniti: Sinar Harian
- Talian (online): BERNAMA
- Penyelidikan: Berita Harian Negeri Sembilan
- Akhbar Sisipan: BH Varsiti
- Semasa: Utusan Malaysia
- Setempat: Harian Metro

### Anugerah Liputan Berita Kampus (Elektronik)

- Komuniti: Alhijrah
- Laporan Khas: RTM Negeri Sembilan

### Anugerah Penulisan Rencana

- Pendidikan: Ruhaiza Rusmin, Bestari Harian Metro
- Program Kampus: Saiful Sahak, Helo Kampus Utusan Malaysia

### Anugerah Malam Media USIM (Utama): Utusan Malaysia





## ii. Lawatan Kerja Pengurusan USIM ke Utusan Malaysia

Sebagai tanda hubungan akrab yang sedia terjalin antara USIM dan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad dalam pelbagai program utama dan berimpak tinggi yang dianjurkan universiti, Pengurusan Kanan Universiti diketuai Naib Canselor, Profesor Dato' Dr Musa Ahmad bersama telah mengadakan kunjungan hormat ke Ibu Pejabat Kumpulan Utusan pada 27 Mei 2016.

Utusan Malaysia merupakan rakan media strategik USIM yang seringkali bersama-sama dalam program berbentuk pendidikan, libat sama komuniti dan pembangunan kemahasiswaan yang dianjurkan oleh USIM. Selain beramah mesra antara kedua-dua Pengurusan, delegasi USIM turut di bawa melawat Balai Berita Utusan Malaysia dan Kosmo! bagi melihat secara langsung kerja belakang tabir proses penerbitan sesebuah berita dan akhbar.

Pada lawatan ini juga, USIM menyerahkan tajaan rasmi langganan sebanyak 10,000 naskah akhbar pendidikan Tutor terbitan Utusan Malaysia untuk diedarkan kepada 10 buah Sekolah Kluster dan Angkat USIM yang terpilih untuk digunakan sebagai rujukan tambahan di sekolah antaranya SMKA Durian Guling, Kedah; SMKA Sultan Azlan Shah, Perak; SMA Persekutuan Kajang, Selangor; SMK Taman Tunku Jaafar Seremban, Negeri Sembilan; SMKA Sharifah Rodziah, Melaka; dan SMA Sultan Ismail, Dungun Terengganu.

## iii. Memorandum Persefaham antara USIM dan Utusan Malaysia

USIM dan Utusan membuka lembaran baharu dalam hubungan strategik yang sedia lama terjalin antara kedua belah pihak dengan memeterai memorandum persefahaman (MoU) untuk menerokai bidang kerjasama yang lebih luas. MoU USIM bersama Utusan diadakan semasa Perasmian Pesta Konvokesyen USIM ke-14 dengan disaksikan oleh YAM Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin ibni Tuanku Muhriz yang merupakan Pro-Canselor USIM.

Paparan berita berkaitan Universiti secara kerap dan meluas di media secara langsung menjadikan nama USIM sentiasa bermain di minda, hati dan meraih perhatian utama masyarakat. Saban tahun peningkatan paparan nama USIM di media khususnya surat khabar perdana memberi impak yang positif kepada universiti seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Pada tahun 2015 misalnya, *PR Value* USIM meningkat sebanyak 25% berbanding tahun sebelumnya manakala pada 2016, ia meningkat kepada 49% peratus berbanding tahun 2015 (Jadual 7.2) Peningkatan yang positif ini dibantu oleh paparan berita USIM yang baik di dalam media berbahasa Melayu dan Inggeris. Jadual 7.3 dan Jadual 7.4.

Penulisan berkaitan USIM di media pada 2016 juga memberi tumpuan kepada bidang penyelidikan, inovasi, akademik, pengajaran dan pembelajaran. Melalui penulisan berkaitan bidang-bidang ini di dalam media, ia memberi persepsi yang baik bahawa universiti bergerak selari dengan perkembangan pengajian tinggi negara.

| Tahun | 2014 | 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Hits | 1424 | 1780 | 2646 |
| PR Value | 32,826,948.9 | 39,598,874.19 | 45,210,419.22 |

Jaual 7.2: Peningkatan Hits dan PR Value USIM di media dari 2014-2016

| Tahun | 2014 | 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Jumlah | 379 | 577 | 1042 |

Jadual 7.3: Paparan berita berkaitan USIM dalam Bahasa Inggeris dari 2014-2016

| Tahun | 2014 | 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Jumlah | - | 1088 | 1437 |

Jadual 7.4: Paparan berita berkaitan USIM dalam Bahasa Melayu dari 2014-2016

## Media Sosial Platform Inovasi Promosi

Media sosial telah menjadi platform inovasi promosi untuk interaksi langsung universiti dengan pihak luar. Ia menjadi pilihan yang strategik untuk mempromosikan universiti secara meluas dan berkala. Di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sendiri, ia juga turut aktif menggunakan medium media sosial ini seperti *Facebook, Instagram* dan *Twitter* sebagai pendekatan menyalurkan pelbagai informasi. USIM turut tidak ketinggalan untuk memanfaatkan medium sosial ini sebaik mungkin untuk berkongsi aktiviti semasa kampus, program akademik dan lain-lain lagi. Ini dapat dilihat seperti di Jadual 7.5.

| Media Sosial | 2015 (Followers/Likes) | 2016 (Followers/Likes) |
|---|---|---|
| Facebook | 56,951 | 75,784 |
| Instagram | 3116 | 12,800 |
| Twitter | - | 4,757 |

Jadual 7.5: Peningkatan jumlah followers/likes untuk media USIM bagi tempoh 2015 dan 2016

## Portal USIM Berwajah Baharu

Laman sesawang USIM menjadi gerbang maya utama kepada para pengunjung di seluruh dunia untuk mendapatkan informasi terkini seperti program akademik, aktiviti kampus dan lain-lain lagi. Laman sesawang rasmi Universiti yang berwajah baharu ini telah merangkul pelbagai pengiktirafan di peringkat KPT dan nasional dan ia menjadi rujukan kepada Universiti lain dan agensi kerajaan.

Selari dengan penjenamaan baharu Universiti dan ingin menjadikan laman sesawang ini menepati kehendak dan keperluan utama pengunjung laman maya USIM ini, ia telah dinaiktaraf dengan susun atur, paparan grafik, capaian pantas dan pengisian informasi yang baharu, menarik dan kemas. Pembangunan projek naik taraf laman sesawang baharu USIM ini telah diuruskan oleh Unit Multimedia dan Infodigital (UMID) StraComm telah digunakan secara rasmi pada Disember 2016.



# USIM Dekat Dihati

Sebagai sebuah universiti yang menawarkan pengajian yang unik melalui pengintegrasian ilmu naqli dan aqli, ia memberi dimensi baharu kepada bidang pendidikan tinggi negara. Sebagai sebuah universiti komprehensif, ia mempunyai kumpulan sasaran yang istimewa iaitu pelajar aliran agama, justeru selain pendekatan promosi dan penjenamaan universiti melalui media cetak dan elektronik, USIM turut mengatur program-program yang berimpak tinggi untuk menarik kemasukan pelajar yang berpotensi dan berkualiti ke sini. Beberapa program khas dijalankan oleh Universiti yang dijayakan oleh Pusat Tamhidi, StraComm dan fakulti-fakulti yang memfokuskan kepada para pelajar sasaran ini. Pendedahan awal mengenai keunikan USIM, program akademik yang ditawarkan, kaedah permohonan kemasukan dan dilibatkan dalam program-program menarik yang dianjurkan USIM secara langsung menjadikan Kampus USIM adalah kampus yang dekat di hati mereka dan menyimpan hasrat untuk melanjutkan pengajian di sini nanti

## Kehidupan di Kampus

Memberi pengalaman baharu dan istimewa kepada para pelajar sekolah dan orang awam untuk merasai pelbagai program menarik di dalam kampus, StraComm memperkenalkan program khas dikenali sebagai Kehidupan di Kampus atau *Campuslife@USIM*. Terdapat 17 modul yang ditawarkan melalui kerjasama dengan fakulti dan jabatan untuk dipilih oleh para peserta mengikut kesesuaian mereka.

*Campuslife@USIM* menjadi sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial USIM di samping mempromosikan USIM sebagai destinasi pelancongan pendidikan selain menjadi platform kepada pembangunan komuniti daripada pelbagai lapisan dan usia untuk mendapatkan pendidikan sepanjang hayat. Sebanyak lima program *Campuslife@USIM* telah dilaksanakan pada tahun 2016.

| Jabatan | Modul |
|---|---|
| Fakulti Sains dan Teknologi | • Program *Science and Al Quran Adventure*<br>• Kelas Bakeri Bakefast<br>• Kelas Photoshop<br>• Kem Robotik<br>• Kelas Penyuntingan Video<br>• Kelas ICT KLIK |
| Fakulti Pengajian Bahasa Utama | • Celik Bahasa Arab |
| Fakulti Ekonomi dan Muamalat | • Slot Program Rahsia Usahawan Soleh Abdul Rahman Bin Auf (RUSARBA) |
| Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah | • Program Talaqqi Bersanad dan Tadabbur-Surah Al-Fatihah |
| Fakulti Syariah dan Undang-undang | • Eksplorasi Astrofiqh<br>• Klinik Asas Undang-undang Pengguna<br>• Klinik Undang-undang Pengguna Lanjutan<br>• *Halal Summer School* |
| Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan | • Program Eksplorasi Perubatan dan Pergigian |
| Fakulti Pergigian | • Program Eksplorasi Perubatan dan Pergigian |
| Pusat Sukan | • *Hit the Bull Eye* (Memanah) |
| Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah | • Program Eksplorasi Badan Beruniform |

Jadual 7.6: Modul Campuslife@USIM yang ditawarkan untuk pelajar sekolah

| Bil | Nama Sekolah | Jumlah Pelajar | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | Sekolah Kebangsaan Kepis (Felda), Bahau, Negeri Sembilan | 95 Peserta | 24 Mac 2016 |
| 2 | Sekolah Menengah Kebangsaan Lambor Kiri | 37 Peserta | 6 Mei 2016 |
| 3 | Sekolah Menengah Agama Raja Dr Nazrin Shah, Kg Gajah, Perak | 120 Peserta<br>12 Guru Pengiring | 22-24 Jul 2016 |
| 4 | Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Yaakob Bota, Perak | 37 Peserta<br>2 Guru Pengiring | 8-10 Nov 2016 |
| 5 | Maahad Tahfiz, Pahang | 30 Peserta | 3 Nov 2016 |

Jadual 7.7: Senarai sekolah yang menyertai Campuslife@USIM sepanjang 2016



## Destinasi Lawatan Pelajar Sekolah

Sebagai sebuah Universiti yang semakin mendapat perhatian dan dikenali oleh masyarakat, ia secara langsung turut menarik minat para pelajar yang berpotensi untuk melihat kampus ini secara lebih dekat dan sehingga Disember 2016, sebanyak 30 buah sekolah telah melawat kampus USIM yang melibatkan jumlah pelajar terlibat sebanyak 1,696 orang. Pada masa yang sama, promosi USIM kepada pihak luar turut dipergiatkan melalui penglibatkan dalam program berbentuk pameran dan promosi akademik yang dianjurkan oleh pelbagai pihak diseluruh negara.

## Sekolah Kluster dan Angkat USIM

Salah satu kayu ukur kepada kejayaan penjenamaan dan pemposisian Universiti dikatakan berjaya melihat kepada nama USIM sentiasa menjadi perhatian dan pilihan kepada kelompok sasaran iaitu pelajar sekolah. Program khas Sekolah Kluster dan Angkat USIM berjaya membina jaringan secara langsung dengan sekolah terpilih yang mempunyai pelajar yang berpotensi melanjutkan pengajian ke USIM kelak. Sekolah Kluster merupakan sekolah yang ditindikkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada USIM dengan penekanan terhadap kebitaraan akademik serta kokurikulum sekolah yang tertentu. Manakala Sekolah Angkat pula merupakan sekolah yang dilantik dengan keinginan pihak sekolah ataupun pihak USIM berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.

Melalui mekanisme Sekolah Kluster/Angkat ini, aktiviti yang bersesuaian dan menepati keperluan kedua-dua pihak iaitu USIM dan Sekolah, dapat dirancang secara lebih teratur dan sistematik. Mekanisma ini juga merupakan inisiatif jaringan kerjasama terpimpin yang dapat mendekatkan lagi USIM dengan sekolah-sekolah terbabit dan secara langsung dan tidak langsung dapat mempromosikan USIM kepada calon pelajar berpotensi. Program Sekolah Kluster dan Angkat USIM diurusetiakan oleh Pusat Tamhidi



USIM dan sehingga Disember 2016, USIM telah mempunyai sebanyak 14 buah Sekolah Kluster dan 26 buah Sekolah Angkat. Antara program berimpak yang dianjurkan oleh USIM melibatkan penyertaan dari Sekolah Kluster dan Angkat USIM pada 2016 adalah seperti berikut:

### i. Jelajah ICT Peringkat Negeri Sembilan

Program anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar ini telah diadakah telah melibatkan Sekolah Kebangsaan Linggi, Sekolah Kebangsaan Seliau dan SK Port Dickson (Sek. Kluster). Melibatkan hampir 30 orang pelajar dari setiap sekolah, mereka diberi pendedahan mengenai pengajaran dan pembelajaran Microsoft Word, Microsoft Power Point dan asas perisian Adobe Photoshop.

### ii. Kem Bersepadu Kadet Pertahanan Awam Malaysia

Kem yang dianjurkan oleh Pusat Perkembangan Kemahiran Insaniah (PPKI) ini telah diadakan pada 25–27 Mac 2016 bertempat di Hutan Lipur Ulu Bendul, Kuala Pilah Negeri Sembilan. Peserta kem yang berjumlah 40 orang terdiri daripada 16 lelaki dan 23 perempuan. Antara objektif kem ialah membantu peserta tentang kemahiran berkomunikasi, membentuk kerjasama dalam kumpulan, membentuk ketahanan mental dan fizikal serta membentuk budaya disiplin. Antara sekolah yang terlibat ialah SAM Tinggi Tengku Ampuan Jemaah, Selangor; SMKA Maahad Hamidiah, Selangor; SMKA Sheikh Haji Mohd Said, Negeri Sembilan; MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan; SMK Bandar Baru Salak Tinggi, Selangor dan SMA Persekutuan Kajang, Selangor.

### iii. Islamic Festival Science & Technology (I-Fest)

*Islamic Festival Science and Technology* (I-Fest) anjuran Fakulti Sains dan Teknologi telah diadakan pada 17 hingga 19 Mei 2016. Antara sekolah yang menyertainya adalah SAM Sungai Merab Luar, Selangor; SMK Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi dan SMKA Sultan Azlan Shah, Bota, Perak.

### iv. Arabic Camp and Community Engagement (ACCENT'16)

ACCENT III telah dilaksanakan pada 23 Julai 2016 di Pusat Tamhidi USIM yang terdiri daripada 52 peserta melibatkan tujuh (7) buah sekolah iaitu SAM Tinggi Tengku Ampuan Jemaah, Selangor; SAM Bestari, Selangor; SMKA Sharifah Rodziah, Melaka; SMKA Sultan Azlan Shah, Perak; SMA (Arab) An-Nur, Pontian, Johor dan SMAP Bentong, Pahang. Program ini dikhususkan kepada pelajar yang mengambil Sijil Pelajaran Malaysia bagi subjek Bahasa Arab dengan penekanan kepada teknik-teknik menjawab soalan.

## USIM di Peringkat Antarabangsa/Global

Konsep Alamiyyah diperkenalkan untuk mencerminkan dasar transnasional USIM yang holistik dan melampaui alam pengantarabangsaan. Ini bermakna bahawa selain kandungan dalam kurikulum, universiti memerlukan setiap lapisan masyarakat untuk terlibat dalam rangkaian global, penyelidikan rentas negara dan pengalaman budaya lain.

USIM Alamiyyah ditubuhkan atas dasar mengambil kira keseluruhan ekosistem perkembangan semasa dalam pendidikan tinggi serta integrasi unik naqli dan aqli USIM untuk diletakkan di peringkat global dan ia akan membantu mewujudkan satu masyarakat dan graduan yang boleh berfungsi dalam konteks global.

## Program Pengantarabangsaan Berimpak Tinggi

USIM Alamiyyah telah menganjurkan pelbagai program sama ada secara *outbound* mahupun *inbound* dengan kerjasama pelbagai pihak. Program-program ini memaparkan kesungguhan USIM Alamiyah dalam membantu mencapai objektif USIM'16 dan juga USIM'25. Program pengantarabangsaan yang dijalankan oleh pelajar dan staf berjaya memberikan nilai tambah penjenamaan USIM terus di hati masyarakat luar negara. Penglibatan pelajar dalam menyumbang tenaga dan kemahiran kepada komuniti antarabangsa memberi peluang interaksi dari hati ke hati dan merapatkan ukhwah merentas bangsa dan agama. Impak daripada pengantarabangsaan ini dapat dilihat daripada aspek keilmuan, fizikal dan kerohanian.

### i. Islamic Global School Network (iGSN)

i-GSN diwujudkan oleh USIM bagi memastikan *direct engagement* dilaksanakan kepada kelompok *feeder* antarabangsa ini melalui perkongsian maklumat mengenai universiti seperti brosur program pengajian serta bahan-bahan terbitan universiti yang disalurkan kepada mereka dari masa ke semasa. Melalui *direct engagement* ini, USIM berharap agar ruang dan peluang melanjutkan pengajian peringkat tinggi sentiasa di hati pelajar–pelajar ini yang rata–rata terdiri daripada pelajar aliran agama dari pelbagai negara.

USIM i-GSN Jamboree 2016 telah diadakan pada 28 hingga 21 Mac 2016 dengan penyertaan seramai 48 orang pelajar dan 6 orang guru dari Pondok Pesantren Darunnajah, Tangerang, Indonesia. Program ini bertujuan untuk memeberikan

pendedahan secara holistik yang mencakupi pelbagai aspek yakni akademik, kepimpinan, sahsiah, rohani, sukan dan budaya.

## ii. Program Latihan 'Islamic Integration Of Higher Education Programme' Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Mataram, Indonesia

USIM telah menerima permohonan daripada Kementerian Agama Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Mataram, Indonesia pada 25 Oktober 2016 yang menyatakan hasrat mereka untuk pihak USIM mengadakan program latihan berkaitan *"Islamic Integration of Higher Education Programme"* khususnya dalam bidang 'ulum al-Naqli dan ulum al-Aqli' sebagai memenuhi keperluan latihan dan pembangunan staf akademik IAIN Mataram, Indonesia di peringkat luar negara bagi menambaik proses pengajaran dan permbelajaran serta kualiti kurikulum sedia ada.

Program latihan telah berjaya dilaksanakan oleh USIM Alamiyyah dengan kerjasama Pusat Pengembangan Ilmu Naqli dan Aqli (PIINA) pada 19 hingga 23 Disember 2016 yang melibatkan seramai 20 orang staf akademik (Dosen) IAIN Mataram. Selain itu, USIM Alamiyyah turut menganjurkan pelbagai program seperti jadual di bawah.







## Jalinan Erat bersama Pejabat Kedutaan Asing di Malaysia

USIM Alamiyyah mengambil inisiatif menganjurkan satu majlis ramah mesra melibatkan kehadiran Duta Republik Islam Gambia, Tuan Terutama Abubacarr Jah; Duta Republik Islam Afghanistan, Tuan Terutama Atiqullah Atifmal; Pegawai Kedutaan Republik Kenya, Puan Dorcas Rukunga dan Pegawai Kedutaan Jordan, Dr.Maen Moh'd Sodki Salem Masadeh.

Perbincangan dua hala ini dipengerusikan oleh Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad dengan turut dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Universiti antaranya Prof. Dr. Zulkifli Abdul

Ghani, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa); Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Prof. Dr. Roshada Hashim, Pengarah USIM Alamiyyah.

USIM berkongsi perkembangan terkininya terutamanya melibatkan bidang akademik yang ditawarkan dan perancangan strategik masa hadapan untuk menjadi institusi pendidikan tinggi Islam yang ulung. Manakala di pihak kedutaan, ia banyak menyentuh situasi semasa pendidikan tinggi di negara masing-masing, peluang rakyat mereka menyambung pengajian di Malaysia, penawaran biasiswa dan peluang kerjasama yang dapat diterokai oleh USIM dengan institusi pendidikan tinggi di sana.

## Silang Budaya Malaysia-Jepun

Reputasi USIM yang baik membawa kepada jalinan hubungan strategik dalam pelbagai perkara dengan universiti luar negara. Antaranya, seramai empat orang pelajar dan seorang pegawai pengiring dari Prefectural Universiti of Hiroshima (PUH) mengikuti Summer Program di USIM selama seminggu bermula pada 3 hingga 9 September 2016. Program ini merupakan salah satu program Mobiliti Jangka Pendek dikelolakan USIM Alamiyyah untuk mencapai agenda Pelan Strategik USIM 2016-2025 yakni untuk menjadikan USIM tersohor di peringkat serantau serta menjadi sebuah universiti yang dirujuk, relevan dan dihormati.

